

**PENGURUSAN DERMA AWAM DALAM MENJANA
EKONOMI MASJID: PERBANDINGAN MASJID NEGARA
DAN MASJID AL-GHUFRAN PINGGIRAN TAMAN TUN DR
ISMAIL KUALA LUMPUR**

AMRU ALHAZ BIN ADNAN

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2015

**PENGURUSAN DERMA AWAM DALAM MENJANA
EKONOMI MASJID: PERBANDINGAN MASJID NEGARA
DAN MASJID AL-GHUFRAN PINGGIRAN TAMAN TUN DR
ISMAIL KUALA LUMPUR**

AMRU ALHAZ BIN ADNAN

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI KEPERLUAN BAGI IJAZAH
SARJANA SYARIAH BAHAGIAN II
(SECARA BERKURSUS DAN PENYELIDIKAN)**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2015

UNIVERSITI MALAYA

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: _____ (No. K.P/Pasport: _____)

No. Pendaftaran/Matrik: _____

Nama Ijazah: _____

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis ("Hasil Kerja ini"): _____

Bidang Penyelidikan: _____

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya ("UM") yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh

Nama:

Jawatan:

ABSTRAK

Peranan institusi masjid sebagai pemangkin pembangunan ekonomi ummah amat signifikan pada masa kini. Sejarah membuktikan kewangan masjid yang stabil rata-ratanya disumbangkan oleh derma awam melalui derma orang ramai kepada masjid. Ini menunjukkan bahawa sumbangan derma awam bukan sahaja mampu menjamin kelangsungan operasi masjid, malah berupaya melimpahkan nikmat ekonomi kepada ummah. Atas dasar ini derma awam ini perlu diurus tadbir dengan cekap dan berkesan agar dapat dimanfaatkan secara optimum. Justeru kajian ini bertujuan untuk menganalisis aspek pengurusan derma awam dan peranan yang dimainkannya dalam menjana ekonomi Masjid Negara Kuala Lumpur dan Masjid al-Ghufran, Pinggiran Taman Tun Dr Ismail untuk tempoh lima tahun iaitu 2009-2013. Bagi mencapai objektif yang digariskan, kajian perpustakaan digunakan bagi memperolehi data-data sekunder berkaitan derma awam dan juga ekonomi masjid. Seterusnya kajian lapangan diadaptasi melalui metode temu bual terhadap responden yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dengan pengurusan derma awam bagi memperolehi data primer berhubung operasi pengurusan derma awam bagi kedua-dua buah masjid. Data-data yang diperolehi ini kemudiannya dianalisis menggunakan metode induktif, deduktif dan komparatif. Hasil kajian mendapati sistem pengurusan derma awam yang diaplikasikan oleh kedua-dua masjid adalah berbeza. Sistem pengurusan derma awam di Masjid Negara dilihat lebih terkawal, tersusun dan sistematik di mana ia banyak mengaplikasikan sistem pengurusan dalam talian. Dari aspek perbelanjaan wang derma awam pula, kajian mendapati Masjid al-Ghufran lebih efektif di mana masjid ini memperuntukkan sebahagian besar sumber dananya kepada aktiviti penjanaan ekonomi masjid berdasarkan beberapa projek dan perniagaan yang dilaksanakan sepanjang tempoh lima tahun kajian. Kajian turut merumuskan penjanaan derma awam sangat berpotensi dalam menjana hasil dan pulangan tetap kepada institusi masjid apabila ia diurus dengan efektif dan berkesan.

ABSTRACT

The role of the mosque as an Institution that serves as a catalyst for economic development in the community is significant at this time. History proves that the stability of mosque's financial mostly contributed by public funds through public donation to the mosque. It shows the contribution of the public not only able to ensure continuity of mosque's operation but also create economic spill over effect to the community. Based on this reason the public donation should be administered effectively and efficiently in order to be utilized optimally. Hence this study aims to analyse the management's aspects of public funds and the role it plays in generating economic for the National Mosque and al-Ghufran Mosque, Pinggiran Taman Tun Dr Ismail in a five years period between 2009-2013. In order to achieve the objectives outlined, the library research is used to obtain secondary data related to public donations and economic activity. Further, field study adapted through interviews with respondents who are directly and indirectly involved in the management of public fund to obtain primary data related on management and operation of public donations for both mosques. Data collected are later analysed through inductive, deductive and comparative methodologies. The study concluded that the systems applied by these two are very different. The management system of public donations at the National Mosque is more regulated, is orderly and systemic as it applies a widely online management system. From the expenditure perspective, the study found al-Ghufran Mosque more effective as the mosque allocates most of its financial resources to generate economic activity. This is proven by the implementation of several business projects over the five year period in this study. The study also concluded the potential of public donations to generate revenue and steady return for the mosque when it effectively and efficiently managed.

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT tuhan sekalian alam. Selawat dan salam buat penghulu segala Nabi dan Rasul, Nabi Muhammad SAW, kaum keluarga dan sahabat baginda seluruhnya. Setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan hidayah, taufik, dan pertolonganNya, disertasi ini dapat dihasilkan. Semoga usaha penulisan disertasi ini diterima sebagai ibadah untuk memperkayakan ilmu dan memperoleh keredaan Allah SWT.

Setinggi-tinggi penghargaan buat Dr Mohammad Taqiuddin Mohamad selaku penyelia kerana tidak jemu membimbing dan memberi tunjuk ajar sepanjang proses penghasilan disertasi ini. Segala kerjasama dan perhatian yang diberikan telah memberi dorongan kepada pengkaji untuk menyempurnakan disertasi ini. Semoga Allah SWT membalas segala budi yang ditabur kepada pengkaji dengan memberi kesihatan berpanjangan dan kerahmatan kepada beliau dan keluarganya.

Sekalung penghargaan dan terima kasih juga kepada para pensyarah yang telah mendidik dan mencurahkan ilmu kepada pengkaji iaitu pensyarah-pensyarah di Akademi Pengajian Islam mereka ialah Profesor Dr Ahmad Hidayat Buang, Profesor Madya Dr Abdul Karim Ali, Profesor Madya Datin Dr Noor Naemah Abdul Rahman, Dr Siti Arni Basir, Dr Mohd Rizal Muwazir @ Mukhazir. Setinggi penghargaan khususnya para pensyarah di Jabatan Syariah dan Ekonomi iaitu Profesor Dr Joni Tamkin Borhan, Dr Nor Aini Ali, Dr Asmak Ab. Rahman, Dr Ahmad Azam Sulaiman @ Mohamad, En. Azizi Che Seman dan Dr Nurhanani Romli. Selain itu, ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada bonda pengkaji, Azimar binti Basri di atas doa dan galakan yang diberikan. Ribuan terima kasih juga kepada isteri tercinta Nor Arfah binti Mohd Ishak di atas dorongan, bantuan dan sokongan kepada pengkaji. Tidak lupa sahabat pengkaji yang banyak membantu iaitu Mohd Shahid Mohd Noh seterusnya semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung sehingga pengkaji berjaya menyiapkan disertasi ini, tiada bicara yang dapat diungkapkan melainkan sekalung doa, semoga kalian berjaya di lapangan masing-masing. Mudah-mudahan kita digolongkan di kalangan hamba-hambaNya yang berjaya di dunia dan akhirat.

Akhirnya pengkaji berharap agar apa yang dilakukan ini memberi manfaat dan dikira sebagai ibadah yang diberi ganjaran oleh Allah SWT.

Januari 2015 M
Rabiulawwal 1436 H

ISI KANDUNGAN

	Halaman
HALAMAN HADAPAN	i
HALAMAN JUDUL	ii
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
PENGHARGAAN	vi
ISI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii
PANDUAN TRANSLITERASI	xv

BAB 1 PENDAHULUAN

	Halaman
1.0 Pendahuluan	1
1.1 Permasalahan Kajian	4
1.2 Persoalan Kajian	6
1.3 Objektif Kajian	7
1.4 Kepentingan Kajian	7
1.5 Skop Kajian	9
1.6 Metodologi Kajian	
1.6.1 Metode Pengumpulan Data	11
a) Metode Perpustakaan	11
b) Metode Lapangan	11
1.6.2 Metode Menganalisis Data	
a) Metode Induktif	14
b) Metode Deduktif	14
c) Metode Komparatif	15

1.7	Sorotan Kajian Lepas	
	1.7.1 Peranan Masjid dalam Ekonomi	16
	1.7.2 Pengurusan Kewangan Masjid	20
	1.2.3 Dana Masjid	25
1.8	Sistematika Penulisan	31
1.9	Kesimpulan	32

BAB 2

Derma Awam dan Penjanaan Ekonomi Masjid

		Halaman
2.0	Pendahuluan	33
2.1	Derma Awam	
	2.1.1 Derma Awam sebagai Dana Sedekah	34
	2.1.2 Asas Pencyariatan Sedekah	35
	2.1.3 Konsep Sedekah dalam Islam	36
	2.1.4 Kategori Sedekah dalam Islam	38
	2.1.5 Peranan Sedekah dari Sudut Ekonomi	39
	2.1.6 Amalan Bersedekah di Masjid	41
2.2	Penjanaan Ekonomi Masjid	
	2.2.1 Definisi Masjid	43
	2.2.2 Fungsi Masjid pada Zaman Awal Islam	44
	2.2.3 Fungsi Masjid pada Masa Kini	47
	2.2.4 Analisis Perbandingan Fungsi-Fungsi Masjid	49
	2.2.5 Masjid Sebagai Pusat Ekonomi	51
	2.2.6 Penjanaan Ekonomi Masjid	54
	2.2.7 Aktiviti–Aktiviti Bagi Penjanaan Ekonomi Masjid	56
	2.2.8 Cabaran dan Masalah dalam Penjanaan Ekonomi Masjid	59
2.3	Kesimpulan	63

BAB 3

Pengurusan Kewangan & Ekonomi Masjid Negara dan Masjid Al-Ghufran

		Halaman
3.0	Pendahuluan	64
3.1	Masjid Negara Kuala Lumpur	
	3.1.1 Sejarah dan Latar Belakang	65
	3.1.2 Struktur Pentadbiran	66
	3.1.3 Misi dan Peranan	68
	3.1.4 Pengurusan Kewangan Masjid Negara	
	a) Hierarki Kewangan	70

	b) Operasi Kewangan	71
	c) Aspek Kawalan	73
3.1.5	Sumber Kewangan dan Ekonomi Masjid Negara	
	a) Peruntukan Kerajaan	74
	b) Derma Awam	76
	c) Sewaan Aset dan Fasiliti Masjid	79
	d) Sumber-Sumber Lain	81
3.2	Masjid al-Ghufran	
3.2.1	Sejarah dan Latar Belakang	82
3.2.2	Struktur Pentadbiran Masjid al-Ghufran	
	a) Organisasi	85
	b) Jawatankuasa Masjid	86
	c) Pegawai Pengurusan	87
	d) Pegawai Masjid	88
3.2.3	Pengurusan Kewangan Masjid al-Ghufran	
	a) Hierarki Kewangan	89
	b) Operasi Kewangan	91
	c) Aspek Kawalan	91
3.2.4	Sumber Kewangan dan Ekonomi Masjid al-Ghufran	
	a) Derma Awam	93
	b) Sewaan Premis Perniagaan	93
	c) Sewaan Dewan dan Fasiliti Masjid	94
	d) Sewaan Kamar Musafir	95
	e) Sewaan Kenderaan	96
	f) Sewaan Bumbung Masjid	96
3.3	Analisis Perbandingan Pengurusan Derma Awam	96
3.4	Kesimpulan	100

BAB 4

Analisis Dapatan Kajian

	Halaman	
4.0	Pendahuluan	101
4.1	Punca Pendapatan Masjid Negara	102
4.2	Perbelanjaan Masjid Negara	106
4.3	Punca Pendapatan Masjid al-Ghufran	109
4.4	Perbelanjaan Masjid al-Ghufran	113
4.5	Analisis Perbandingan Sumber Pendapatan Derma Awam Masjid Negara dan Masjid al-Ghufran	
	4.5.1 Jumlah Kutipan Derma	116
	4.5.2 Trend Derma	118
	4.5.3 Peningkatan Derma pada Bulan Ramadhan	119
4.6	Analisis Perbandingan Perbelanjaan Masjid Negara dan Masjid al-Ghufran	
	4.6.1 Perbelanjaan Pengimaran	120

4.6.2	Perbelanjaan Menjana Ekonomi Masjid	121
4.7	Analisis Perbandingan Keseluruhan	124
4.8	Cabaran dan Masalah dalam Pengurusan Derma Awam	
4.8.1	Cabaran Masjid Negara	126
4.8.2	Cabaran Masjid al-Ghufran	129
4.9	Kesimpulan	131

BAB 5

Rumusan, Cadangan dan Penutup

	Halaman	
5.0	Pendahuluan	132
5.1	Rumusan	132
5.2	Cadangan	
5.2.1	Cadangan kepada Pihak Kerajaan dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan	
	a) Latihan dan Kursus Pengurusan Dana Masjid	139
	b) Penempatan Pegawai Pembangunan Ekonomi Masjid	139
	c) Pemindahan Kuasa Pengerusi Akaun Masjid Negara	140
	d) Penyediaan Peruntukan Tetap Tahunan	140
5.2.2	Cadangan kepada Pihak Pentadbiran Masjid Negara dan Masjid Al-Ghufran	
	a) Penubuhan Koperasi Masjid	141
	b) Memperluaskan Skop Pelaburan kepada Pasaran Modal Islam	142
	c) Penerokaan Bidang Pelaburan Hartanah	143
	d) Penubuhan BMT (<i>Baytul māl wa al- tamwīl</i>)	143
	e) Melaksanakan Perniagaan Kecil-Kecilan	145
5.3	Penutup	145
	BIBLIOGRAFI	146
	LAMPIRAN	156

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 1.1: Senarai Responden yang Ditemu Bual	13
Jadual 2.1: Fungsi-Fungsi Masjid pada Zaman Awal Islam dan Zaman Kini	49
Jadual 3.1: Carta Pentadbiran Masjid-Masjid Utama Persekutuan	67
Jadual 3.2: Carta Organisasi Masjid Negara	68
Jadual 3.3: Laporan Perbelanjaan Masjid Negara bagi Tahun Kewangan 2013	75
Jadual 3.4: Kadar Sewaan Tetap Masjid Negara	80
Jadual 3.5: Kadar Sewaan Premis Bangunan Masjid Negara	80
Jadual 3.6: Carta Pentadbiran Masjid-Masjid Wilayah Persekutuan	84
Jadual 3.7: Kelulusan & Pengesahan Perbelanjaan Masjid dan Surau Wilayah Persekutuan	90
Jadual 3.8: Perbandingan Pengurusan Derma Awam Masjid Negara dan Masjid al-Ghufran	97
Jadual 4.1: Sumber Pendapatan Masjid Negara 2009-2013	102
Jadual 4.3: Kutipan Derma Awam Masjid Negara 2009-2013	103
Jadual 4.4: Kategori Perbelanjaan Masjid Negara	107
Jadual 4.5: Perbelanjaan Masjid Negara 2009-2013	107
Jadual 4.7: Sumber Pendapatan Masjid al-Ghufran 2009-2013	110
Jadual 4.9: Perbelanjaan Masjid al-Ghufran 2009-2013	114
Jadual 4.12: Projek Ekonomi Masjid al-Ghufran 2009-2013	122
Jadual 4.13: Pendapatan dan Perbelanjaan Masjid Negara 2009-2013	124
Jadual 4.14: Pendapatan dan Perbelanjaan Masjid al-Ghufran 2009-2013	125
Jadual 4.15: Jumlah Peruntukan Kerajaan bagi Masjid Negara dan Masjid al-Ghufran 2009-2013	131

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 4.2: Pecahan Pendapatan Masjid Negara 2009-2013	103
Rajah 4.6: Peratus Perbelanjaan Masjid Negara 2009-2013	109
Rajah 4.8: Pecahan Sumber Pendapatan Masjid al-Ghufran 2009-2013	112
Rajah 4.10: Peratusan Perbelanjaan Masjid al-Ghufran 2009-2013	115
Rajah 4.11: Perbandingan Kutipan Derma Awam Masjid Negara dan Masjid al-Ghufran 2009-2013	117

University of Malaya

SENARAI SINGKATAN

AHB	Amanah Hartanah Bumiputera
AJK	Ahli Jawatankuasa
APIUM	Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya
ATM	<i>Automated Teller Machine</i>
b.	Bin/ <i>ibn</i>
Bil.	Bilangan
BMT	<i>Baytul Māl Wa al-Tamwīl</i>
c.	Cetakan
CIMB	<i>Commerce International Merchant Bankers</i>
com	<i>Commercial</i>
ed.	Bermaksud editor, menunjukkan bahawa penama berkenaan ialah editor bagi bahan berkenaan.
eSPKB <i>et al.</i>	Sistem Perancangan dan Kawalan Belanjawan Elektronik <i>Et alia</i> , bagi mengambil tempat nama-nama penulis lain sekiranya buku berkenaan dihasilkan oleh lebih dua orang penulis
H	Pengiraan tahun berdasarkan kalendar/takwim <i>Hijriyyah</i>
h./hh.	Halaman/halaman-halaman
hb	Hari bulan
HELWA	Lujnah Hal Ehwal Wanita
Hj.	Haji
html	<i>Hypertext Markup Language</i>
http	<i>Hypertext Trasfer Protocol</i>
<i>ibid.</i>	<i>Ibidem</i> , bermaksud pada rujukan yang sama seperti sebelumnya/rujukan yang berturut
IKIM	Institut Kefahaman Islam Malaysia
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
JANM	Jabatan Akauntan Negara Malaysia
JAWHAR	Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji
JAWI	Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan
Jil.	Jilid
JPKA	Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun
MAIN	Majlis Agama Islam Negeri
MAIWP	Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan
MAMPU	<i>Malaysian Administrative Modernisation and Management Planning Unit</i>
MPK	Manual Prosedur Kerja
MYOB	<i>Mind Your Own Business</i>
<i>op.cit.</i>	<i>Opere citato</i> , bermaksud bahan yang sama yang sudah dirujuk sebelum ini
PAMD	Perbadanan Amanah Masjid Berhad
PERKEM	Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia
PhD	<i>Doctor of Philosophy</i>
PMM	Pinjaman Mikro Masjid
Pn.	Puan
PPS	Pusat Pembangunan Sosial Masjid Negara
PPZ	Pusat Pungutan Zakat
PTJ	Pusat Tanggungjawab

R.A	<i>Radiya Allah 'anhum</i>
SAW	<i>Ṣallā Allah 'alaihi wa sallam</i>
SWT	<i>Subḥānahu wa ta'ālā</i>
Sdn. Bhd	Sendirian Berhad
SERAMBI	Sekolah Rendah Balai Islam
SPA	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
SPMM	Standard Penarafan Masjid
SPSS	<i>Statistical Packages for the Social Science</i>
t.t	Tanpa tarikh
terj.	Terjemahan
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia

University of Malaya

PANDUAN TRANSLITERASI

Konsonan

Huruf Arab	Nama dan Transkripsi
ا, ء	a, 'a
ب	b
ت	t
ث	th
ج	j
ح	ḥ
خ	kh
د	d
ذ	dh
ر	r
ز	z
س	s
ش	sh
ص	ṣ
ض	ḍ
ط	ṭ
ظ	ẓ
ع	'ayn
غ	gh
ف	f
ق	q
ك	k

ل	l
م	m
ن	n
ه	h
و	w
ي	y
ة	h,t

Vokal

Vokal Pendek	Transliterasi
ـَ (Fatḥah)	a
ـِ (Kasrah)	i
ـُ (Dammah)	u

Vokal Panjang	Transliterasi
ا/ى	ā
ي	ī
و	ū

Diftong

Diftong	Transliterasi
اَوْ	aw
اَيّ	ay
اُوّ	uww
اَيّ	iy/ī

Sumber: Jawatankuasa Buku Panduan Penulisan Ilmiah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, *Panduan Penulisan Ilmiah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya*, ed. ke-3 (Kuala Lumpur: Pejabat Ijazah Tinggi Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2012).

BAB SATU

Pengenalan

1.0 PENDAHULUAN

Masjid merupakan sebuah institusi mulia yang tinggi di sisi umat Islam sejak zaman dahulu hingga ke hari ini. Walaupun kedudukan, fungsi dan peranan masjid dilihat berubah mengikut peredaran zaman, namun masjid masih kekal utuh menjadi lambang perpaduan umat Islam. Nabi Muhammad SAW bersabda: “Sebaik-baik tempat ialah masjid dan seburuk-buruk tempat ialah pasar”.¹ Sejarah telah membuktikan bahawa masjid mempunyai fungsi dan peranan yang amat besar dalam mencapai kegemilangan dan kelangsungan tamadun umat. Masjid bukan sahaja menjadi tempat ibadat umat Islam, malahan menjadi pusat penyatuan dan penggabungan kekuatan umat yang paling ampuh. Masjid juga menjadi institusi penting dalam pembangunan tamadun manusia, sebagai pusat perkembangan ilmu pengetahuan, pusat kemajuan ekonomi ummah, pusat penyebaran maklumat seterusnya sebagai pusat kegiatan sosial kemasyarakatan setempat.²

¹ Abū‘ Abdillāh Muḥammad ‘ Abdillāh al-Ḥākīm al-Naisābūrī, *al-Mustadrak‘alā Ṣoḥīḥayn* (Beirūt: Dār al-Ma‘rifah, 1998), 1:280.

² Abdul Munir Ismail, *Urus Tadbir Masjid Secara Berkesan* (Perak:Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2012), 1.

Kewujudan institusi masjid telah bermula sejak zaman Rasulullah SAW dan ia berlanjutan lebih 1400 tahun. Terlalu banyak dan besar peranan yang telah dimainkan oleh masjid sejak zaman Rasulullah SAW. Asas-asas pembangunan insan yang dibentuk Rasulullah SAW dari masjid pada ketika itu bermula daripada pembinaan peribadi muslim, pembangunan keluarga muslim, pembangunan masyarakat Islam dan seterusnya pembentukan sebuah negara Islam yang menjadi payung terhadap pembangunan insan secara keseluruhannya.³ Secara jelas masjid ialah pusat bagi kehidupan umat Islam dan masyarakat sekelilingnya dalam segala perkara yang menyangkut apa jua urusan umat Islam. Sebagai tempat beribadah, sembahyang, iktikaf, mencari ilmu, mendalami ilmu, bermesyuarat, berdiskusi, bermuzakarah dan tempat menguruskan segala macam urusan umat Islam, termasuk urusan perkahwinan, sosial, kaunseling dan sebagainya seterusnya lebih besar peranan atau kesannya ialah masjid merupakan pusat membina minda umat dan membentuk manusia beriman.⁴

Era globalisasi dan ledakan teknologi maklumat telah menjadikan kehidupan manusia masa kini dan akan datang semakin mencabar. Keadaan ini memerlukan setiap individu termasuklah institusi masjid yang terlibat dengan agenda sosial membuat persediaan yang cukup rapi bagi menghadapi cabaran yang begitu kompleks. Dalam hubungan ini, fungsi masjid akan menjadi lebih dinamik dan masjid perlu bertindak secara proaktif bersesuaian dengan peredaran masa.⁵ Namun kesan daripada peredaran masa serta zaman menyebabkan fungsi masjid ini sedikit demi sedikit terhakis. Institusi tertentu telah diwujudkan bagi mengambil alih fungsi-fungsi asal masjid bagi tujuan meningkatkan

³ 'Ali 'Abd al-Ḥalīm Maḥmūd, *al-Masjid wa Āthāruhā fi al-Mujtama' al-Islāmi* (Mesir: Dār al-Ma'ārif, t.t), 13.

⁴ Sulaiman Shakib Mohd Nor, Sharif Mustafa, Abdul Halim Zulkiflee dan Muhammad Ridwanto Syaful Anwar, "Masjid Sebagai Pusat Kecemerlangan Minda Islam," dalam *Fungsi dan Peranan Masjid dalam Masyarakat Hadhari*, ed. Mohd. Ismail Mustari dan Kamarul Azmi Jasmi (Skudai: Universiti Teknologi Malaysia, 2008), 82.

⁵ *Ibid.*

kecekapan dan penambahbaikan dalam pengurusan organisasi.⁶ Dengan lain perkataan, peranan dan persepsi terhadap masjid hanya terbatas sebagai pusat keagamaan.⁷ Masjid yang wujud pada hari ini tidak lagi berperanan secara menyeluruh sebaliknya lebih terarah kepada tempat ibadah yang menjalankan aktiviti-aktiviti ibadah tradisi berbanding aktiviti-aktiviti lain. Antara faktor lain yang menjadi penyebab kepada isu ini ialah kegagalan institusi masjid dalam memahami aspirasi dan kehendak masyarakat setempat di samping tiadanya kajian tentang sosio budaya setempat.⁸

Sehubungan dengan itu sudah tiba masanya fungsi-fungsi institusi masjid perlu diperluaskan lagi agar selari dengan perkembangan politik, sosial dan ekonomi. Antara fungsi yang perlu diperkasakan oleh masjid ialah daripada aspek ekonomi dengan mengambil kira kekuatan dan kemampuan institusi masjid menyediakan sumber dana yang kukuh. Rata-rata kebanyakan masjid-masjid di Malaysia mempunyai jumlah kutipan yang baik dan konsisten dan memperolehi kutipan yang tinggi pada hari Jumaat. Keadaan ini menjadikan institusi masjid mempunyai jumlah dana yang banyak terutama masjid-masjid yang terletak di kawasan bandar.⁹ Justeru pengkaji akan menganalisis bagaimana pengurusan dana masjid-masjid dilaksanakan bagi tujuan menjana ekonomi masjid.

⁶ Peranan masjid seperti pusat pengumpulan dan agihan harta kekayaan telah diambil alih peranannya dengan kewujudan pusat zakat dan baitulmal. Begitu juga peranan masjid dalam soal kehakiman dan perundangan telah dilaksanakan oleh mahkamah sivil dan syariah. Peranan masjid daripada aspek ketenteraan diambil alih oleh kementerian pertahanan.

⁷ Mohd Yahya Mohd Hussin, Fidlizan Muhammad, Azila Abdul Razak, Nurul Fadly Habidin dan Syed Ismail Syed Mohamad, "Eksplorasi Dana Kewangan Masjid di Negeri Perak" (Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VII (PERKEM VII), Transformasi Ekonomi Dan Sosial Ke Arah Negara Maju, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan Universiti Kebangsaan Malaysia, Ipoh, Perak, 4 – 6hb Jun 2012), 1275.

⁸ Zulkifli Dahalan, "Kaedah Kutipan Dan Perbelanjaan Wang-Wang Khairat Masjid: Kajian di Masjid Tuan Samad, Permatang Sungai Dua, Kepala Batas, Pulau Pinang" (Disertasi Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Universiti Malaya, 2002), 151-152.

⁹ Mohd Yahya Mohd Hussin, Fidlizan Muhammad, Azila Abdul Razak, Nurul Fadly Habidin dan Syed Ismail Syed Mohamad, "Eksplorasi Dana Kewangan Masjid di Negeri Perak" (Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VII (PERKEM VII), Transformasi Ekonomi Dan Sosial Ke Arah Negara Maju, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan Universiti Kebangsaan Malaysia, Ipoh, Perak, 4 – 6hb Jun 2012), 1276.

1.1 PERMASALAHAN KAJIAN.

Derma awam merupakan satu daripada sumber utama kewangan masjid dan ia dikira sebagai wang masjid. Wang masjid adalah merujuk kepada dana yang terkumpul hasil dari pelbagai sumber seperti derma individu atau organisasi ke dalam akaun bank atas nama masjid, atau derma yang dimasukkan ke dalam tabung yang disediakan di masjid, tabung Jumaat, wakaf tunai, pungutan derma sempena hari Raya, tabung bergerak, sumbangan kerajaan, hasil sewaan dan sebagainya yang dimasukkan ke dalam akaun masjid.¹⁰ Derma awam yang dikutip daripada sumbangan dan sedekah orang ramai terutama ke dalam tabung derma masjid menjadi sumber utama menampung perbelanjaan tetap masjid-masjid.¹¹ Justeru kutipan daripada derma awam ini perlu dibelanjakan secara efektif dan berkesan mengambil kira bentuk derma ini merupakan wang orang ramai yang perlu dimanfaatkan sebaik-baiknya.

Namun demikian, terdapat sebahagian masjid memperolehi wang derma awam yang banyak dan lebih daripada mencukupi namun ia kurang dibelanjakan malah disimpan beku dalam institusi kewangan. Isu ini lebih ketara dilihat di masjid yang terletak di bawah pentadbiran kerajaan yang mempunyai peruntukan tetap. Sebagai contoh Masjid Negara pada tahun 2012 telah menerima kutipan wang daripada derma awam sebanyak RM1,052,839.30, perbelanjaannya yang dilakukan hanya sekitar 59.36% iaitu RM624,915.00.¹² Ini bermakna baki sebanyak RM427,924.30 atau kira-kira 40.64% tidak dibelanjakan malah disimpan. Fidlizan Muhammad Mohd Yahya, Mohd Hussin dan Nurul

¹⁰ Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, dicapai pada 20hb Januari 2014, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/cadangan-garis-panduan-penggunaan-wang-masjid-dan-surau>.

¹¹ Mohd Yahya Mohd Hussin, Fidlizan Muhammad, Azila Abdul Razak, Nurul Fadly Habidin dan Syed Ismail Syed Mohamad, "Eksplorasi Dana Kewangan Masjid di Negeri Perak" (Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VII (PERKEM VII), Transformasi Ekonomi Dan Sosial Ke Arah Negara Maju, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan Universiti Kebangsaan Malaysia, Ipoh, Perak, 4 – 6hb Jun 2012), 1276.

¹² Penyata Terimaan dan Bayaran bagi Akaun Amanah Tabung Wakaf Masjid Negara Tahun 2013.

Fadly Habidin (2008)¹³ dalam kajian mereka turut mendapati kebanyakan masjid menyimpan beku pendapatan yang diperolehi di institusi kewangan yang tidak berupaya menghasilkan pulangan yang tinggi. Bagaimanapun perkara sebaliknya berlaku di masjid-masjid kariah yang langsung tidak mendapat peruntukan kerajaan. Sebagai contoh pada tahun 2012 Masjid al-Ghufran Pinggiran Taman Tun Dr Ismail memperolehi pendapatan termasuk kutipan derma awam berjumlah RM1,446,591.76 namun jumlah perbelanjaan yang telah dilakukan 98% atau sebanyak RM1,416,726.81. Ini bermakna sebanyak RM29,864.95 atau hanya 2% wang berbaki daripada jumlah keseluruhan pendapatan tidak dibelanjakan oleh pihak masjid.

Selain itu juga isu yang timbul adalah daripada aspek kaedah perbelanjaan wang masjid. Sebahagian besar masjid masih memperuntukkan sebahagian besar perbelanjaannya kepada aktiviti-aktiviti berbentuk *one off*. Wang ini hanya digunakan untuk membayar kos operasi, bayaran penceramah dan pengajar dan belanja makan minum. Hal ini dibuktikan dengan melihat laporan tahunan perbelanjaan Masjid Negara Kuala Lumpur di mana hampir kesemua perbelanjaan adalah bersifat perbelanjaan hangus.¹⁴ Pihak pentadbiran pula dilihat perlu mengurus perbelanjaan wang masjid secara efektif dan cekap dengan memperuntukkan perbelanjaan sebahagian perbelanjaan untuk aktiviti atau program yang mendatangkan pulangan kewangan tetap kepada masjid yang turut mampu memberi limpahan ekonomi kepada masyarakat setempat. Walaupun demikian terdapat juga sebahagian masjid memperuntukkan sebahagian wang masjid bagi aktiviti ekonomi yang mendatangkan pulangan tetap kepada masjid seperti Masjid al-Ghufran di Pinggiran

¹³ Fidlizan Muhammad Mohd Yahya, Mohd Hussin dan Nurul Fadly Habidin, "Mobilasi Wang Jumaat: Membentuk Dana Usahawan Muslim", (Seminar Keusahawanan Islam II Peringkat Kebangsaan, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 15hb Oktober 2008), 9.

¹⁴ Lihat Penyata Terimaan dan Bayaran bagi Akaun Amanah Tabung Wakaf Masjid Negara Tahun 2009-2013.

Taman Tun Dr Ismail.¹⁵ Ia dibuktikan dengan melihat kepada laporan perbelanjaan Masjid al-Ghufran antara tahun 2009-2013 yang mendapati sebahagian besar wang masjid digunakan untuk membiayai aktiviti atau projek yang mendatangkan pulangan jangka masa panjang seperti penginapan *homestay* kamar musafir yang berkonsepkan hotel dan restoran.¹⁶

Justeru berdasarkan kepada isu serta permasalahan yang ditimbulkan ini, terdapat perbezaan dan kelompangan ketara daripada aspek pengurusan dan wang derma awam di antara Masjid Negara dan Masjid al-Ghufran. Maka kajian ini dilakukan bagi menganalisis kekuatan dan kelemahan kedua-dua buah masjid ini terutamanya daripada aspek pengurusan derma awam dalam menjana perkembangan ekonomi masjid. Justeru berdasarkan isu dan permasalahan ini, beberapa persoalan telah ditimbulkan dalam kajian ini.

1.2 PERSOALAN KAJIAN

Berdasarkan kepada pernyataan masalah di atas, berikut beberapa persoalan kajian yang ingin dikemukakan. Antara persoalan kajian adalah seperti berikut:

- i. Adakah terdapat perbezaan daripada aspek pengurusan derma awam di antara Masjid Negara dan Masjid al-Ghufran?
- ii. Bagaimanakah pendekatan perbelanjaan derma awam dilakukan oleh Masjid Negara dan Masjid al-Ghufran untuk menjana ekonomi masjid?

¹⁵ Terdapat 3 buah masjid kariah di Wilayah Persekutuan yang mempunyai dana kewangan yang kukuh antaranya Masjid al-Ghufran Pinggiran Taman Tun Dr Ismail, Masjid al-Taqwa Taman Tun Dr Ismail dan Masjid Saidina Abu Bakar Bangsar. Namun Masjid al-Ghufran yang paling aktif dari sudut penajaan ekonomi masjid. Hilmee Omar (Penolong Pengarah Bahagian Pengurusan Kariah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan), dalam temu bual dengan pengkaji, 19hb Ogos 2014.

¹⁶ Lihat Penyata Terimaan dan Bayaran bagi Akaun Masjid al-Ghufran bagi tahun berakhir 31hb Disember 2013.

- iii. Adakah terdapat kelemahan dan halangan yang dihadapi oleh Masjid Negara dan Masjid al-Ghufran dalam membelanjakan derma awam untuk menjana ekonomi masjid?

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini mempunyai beberapa objektif. Antara objektif-objektifnya adalah:

- i. Membandingkan kaedah pengurusan derma awam yang dilakukan oleh Masjid Negara dan Masjid al-Ghufran.
- ii. Menganalisis pendekatan perbelanjaan derma awam dilakukan oleh Masjid Negara dan Masjid al-Ghufran untuk menjana ekonomi masjid.
- iii. Meneliti kelemahan dan halangan yang dihadapi oleh Masjid Negara dan Masjid al-Ghufran dalam membelanjakan derma awam untuk menjana ekonomi masjid.

1.4 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini dapat memberi manfaat kepada pihak-pihak tertentu terutamanya kepada pengkaji, individu atau kumpulan-kumpulan serta pengamal-pengamal akademik yang terlibat secara langsung atau tidak dalam bidang pengurusan ekonomi masjid. Secara khusus kajian ini memberi input dan maklumat kepada pihak berwajib seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan juga Majlis Agama Islam Negeri tentang isu-isu dan permasalahan yang dihadapi dalam pengurusan derma awam masjid. Hal Ini disebabkan kedua-dua agensi agama ini merupakan punca kuasa utama dan penggubal

dasar yang mengikat arahan dan dasar pentadbiran kepada masjid sektor awam dan bukan sektor awam. Justeru sebarang kelemahan pada undang-undang, birokrasi atau dasar sedia ada boleh dipinda dan diubah suai bagi memastikan derma awam ini dapat digunakan secara efektif bagi tujuan penjana ekonomi masjid.

Kajian ini juga dapat meningkatkan kesedaran kepada pentadbir dan organisasi masjid betapa masjid boleh berperanan besar sebagai institusi ekonomi yang membantu menjana sosio ekonomi masyarakat setempat. Menyedari hakikat ini diharapkan ia dapat menyuntik semangat pentadbir masjid supaya lebih bertanggungjawab dan berinovasi dalam mengurus derma awam dengan cara yang efisien, telus dan sistematik. Hal ini disebabkan sumber derma awam yang dibelanjakan kadang-kala tidak produktif malah terdedah kepada penyalahgunaan oleh pihak-pihak tertentu untuk mendapatkan keuntungan peribadi.

Di samping itu, kajian ini diharap dapat menjadi panduan kepada pentadbir-pentadbir masjid menyusun strategi untuk meningkatkan lagi ekonomi dan pendapatan masjid. Kesannya masjid akan berperanan sebagai sebuah institusi yang mampu mencipta peluang pekerjaan, meningkatkan pendapatan dan taraf hidup masyarakat selain membantu mengurangkan kemiskinan. Secara tidak langsung ia turut menyokong peranan yang dimainkan oleh agensi-agensi khusus seperti baitulmal, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan lain-lain institusi berkaitan.

Akhir sekali, kajian ini dapat mengenal pasti perbezaan dan juga perbandingan pengurusan kewangan masjid di antara masjid sektor awam dan bukan sektor awam. Justeru ia memudahkan pihak-pihak tertentu untuk melihat kekuatan dan kelemahan antara kedua-duanya seterusnya menyusun strategi dan mencari jalan penyelesaian. Adapun

pengalaman dan kejayaan yang terhasil daripada kecekapan dalam pengurusan derma awam masjid boleh dijadikan model dan contoh untuk diikuti oleh lain-lain masjid seluruh negara. Majlis Agama Islam Negeri boleh menjadikan ia sebagai dasar dan polisi teras bagi setiap institusi masjid dalam memastikan perbelanjaan derma awam juga mengambil kira kepentingan ekonomi masjid dan masyarakat.

1.5 SKOP KAJIAN

Matlamat utama kajian ini adalah untuk melihat hubungan dan perbandingan antara Masjid Negara dan Masjid al-Ghufran daripada aspek pengurusan dan perbelanjaan wang derma awam bagi tujuan penjanaan ekonomi. Dalam usaha untuk menyiapkan kajian ini, pengkaji akan menfokuskan kepada pengurusan sumber kewangan masjid daripada wang derma awam. Pemilihan wang derma awam ini dibuat disebabkan kesemua institusi masjid memperoleh sumber pendapatan daripada tabung derma sedangkan pendapatan utama yang lain seperti peruntukan kerajaan hanya diterima oleh masjid pentadbiran kerajaan seperti Masjid Negara.

Selain itu juga, kajian ini hanya melibatkan perbandingan dua buah masjid iaitu Masjid Negara¹⁷ dan Masjid al-Ghufran.¹⁸ Masjid Negara merupakan masjid di bawah kategori masjid Jabatan Kemajuan Islam Malaysia JAKIM manakala Masjid al-Ghufran pula di bawah kategori masjid kariah.¹⁹ Pemilihan Masjid al-Ghufran sebagai skop kajian

¹⁷ Masjid Negara merupakan masjid utama negara di bawah pentadbiran kerajaan persekutuan yang terletak di Jalan Perdana 50480 Kuala Lumpur.

¹⁸ Masjid Kariah merupakan masjid-masjid yang dibina oleh kerajaan negeri atau oleh orang ramai tempatan atau dibina secara bersama oleh kerajaan negeri dan orang ramai tempatan. Pembiayaan operasinya tidak ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri, tetapi perjalanan operasinya tetap dikawal oleh Kerajaan Negeri melalui Majlis Agama Islam Negeri atau Jabatan Agama Islam Negeri masing-masing.

¹⁹ Mengikut data terkini sehingga Disember 2013 yang diperolehi daripada Bahagian Kemajuan Islam Jabatan Kemajuan Islam Malaysia JAKIM, terdapat sebanyak 6174 buah masjid di seluruh negara. Masjid-masjid ini pula dibahagikan kepadabeberapa kategori antaranya masjid JAKIM, masjid negeri, masjid bandar, masjid daerah/jajahan, masjid kariah, masjid diraja dan masjid institusi. Di peringkat persekutuan tiga buah masjid iaitu Masjid Negara, Masjid Putra dan Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin

disebabkan ia merupakan sebuah masjid yang efektif dalam aspek pengurusan ekonominya yang terbukti dapat menguruskan dananya dengan baik dan cemerlang.²⁰

Kajian yang dilakukan ini adalah berdasarkan analisis laporan dan penyata kewangan untuk tempoh 5 tahun iaitu 2009-2013. Pengkaji memilih tempoh masa ini disebabkan data dan penyata akaun yang diperolehi daripada kedua-dua masjid bagi tempoh ini lebih tersusun, lengkap, sistematik dan beraudit (*audited*). Ketepatan data ini amat penting bagi memastikan hasil kajian yang tepat dan sahih. Selain itu juga, tempoh 5 tahun ini merupakan waktu di mana Masjid Negara mengurus sendiri akaun kewangan yang mana sebelum ini ia diurus oleh Bahagian Kewangan JAKIM.²¹

1.6 METODOLOGI KAJIAN

Dalam usaha untuk menghasilkan kajian ini, beberapa metodologi akan digunakan bermula daripada proses pengumpulan data sehingga proses menganalisis data. Reka bentuk kajian ialah kaedah kualitatif iaitu dengan mendapatkan data sama daripada sumber primer seperti temu bual atau wawancara dan juga sumber sekunder seperti laporan kewangan, laporan aktiviti masjid, minit mesyuarat, akta-akta kewangan dan pekeliling pentadbiran. Seterusnya maklumat dan data-data yang dikumpulkan akan dianalisis. Metodologi kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah seperti berikut:

adalah di bawah pentadbiran Bahagian Kemajuan Islam (JAKIM) manakala di peringkat negeri pula pentadbiran masjid adalah di bawah Majlis Agama Islam Negeri dan Jabatan Agama Islam Negeri. Siti Fatimah Mohd Bohari (Penolong Pengarah, Cawangan Sekretariat Khas Bahagian Kemajuan Islam, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia JAKIM), dalam temu bual dengan pengkaji, 21hb Mac 2014.

²⁰ Faizal Riduan, "Hotel dan Masjid dalam Satu Kompleks," *Milenia Muslim*. September 2009, 14-15. Lihat juga hasil temu bual Pegawai Bahagian Kariah JAWI yang menyatakan Masjid al-Ghufran merupakan masjid yang sangat aktif di kalangan masjid-masjid kariah seluruh Wilayah Persekutuan dari sudut mempelbagaikan projek ekonomi, HilmeeUmar (Penolong Pengarah Bahagian Kariah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan), dalam temu bual dengan pengkaji, 10hb September 2014.

²¹ Mohd Rejab Ramli (Penolong Pengarah Kanan Unit Kewangan Bahagian Hub Halal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia JAKIM), dalam temu bual dengan pengkaji, 5hb Mei 2014. Beliau merupakan Ketua Unit Pentadbiran dan Kewangan Masjid Negara dari tahun 2008-2013.

1.6.1 Metode Pengumpulan Data

a) Metode Perpustakaan

Melalui kajian perpustakaan, data-data sekunder dapat dikumpulkan. Kaedah ini amat penting kerana kebanyakan data yang diperlukan berkait dengan takrifan, konsep, sejarah dan teori yang berkaitan dengan institusi masjid dan ekonomi. Justeru data yang berkaitan akan diperolehi melalui disertasi, jurnal, himpunan prosiding, kertas kerja, buku-buku enakmen dan sebagainya. Selain itu juga pengkaji akan mengumpulkan dokumen-dokumen, minit mesyuarat, laporan kewangan, arahan khusus pentadbiran daripada sumber kajian iaitu Masjid Negara Kuala Lumpur dan Masjid al-Ghufran Taman Tun Dr Ismail. Seterusnya data-data ini akan dianalisis satu persatu dan dibuat perbandingan.

Dalam kajian ini juga pengkaji turut melayari internet untuk mencari maklumat terutama berkaitan penulisan-penulisan ilmiah daripada sumber-sumber autoriti. Data-data sekunder juga didapati di web-web rasmi seperti di laman web Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Jabatan Agama Islam Negeri, E-Syariah, Portal Rasmi Masjid Negara Kuala Lumpur dan Portal Rasmi Masjid al-Ghufran.

b) Metode Lapangan

Selain metode perpustakaan, metode lapangan iaitu wawancara dan temu bual juga diaplikasi dalam kajian ini bagi mendapatkan maklumat dan data yang tidak diperolehi melalui bahan bercetak dan bertulis. Metode ini juga digunakan bagi menyokong hasil dapatan yang diperolehi selain menjelaskan kesamaran berhubung maklumat dan data yang dianalisis. Jenis temu bual yang dilakukan ialah temu bual berstruktur di mana soalan yang

dikemukakan adalah terhad dan jelas skopnya meliputi fakta, data dan angka yang tepat. Temu bual yang dilakukan adalah secara bersemuka selain susulan temu bual dilakukan melalui perbualan telefon dan internet. Bagi maksud ini seramai 16 orang responden telah ditemu bual. Mereka terdiri daripada pegawai-pegawai pentadbiran dan pengurusan kewangan Masjid Negara dan Masjid al-Ghufran meliputi Imam Besar Masjid Negara, Pengerusi Masjid al-Ghufran, Pegawai Kewangan Masjid Negara dan Bendahari Masjid al-Ghufran. Soalan yang dikemukakan mencakupi aspek pengurusan masjid, dasar-dasar kewangan, perbelanjaan ekonomi masjid termasuk halangan dan cabaran dalam pengurusan derma awam.

Selain itu, temu bual turut dilakukan terhadap pihak berkuasa yang mengawal dan menyelia hal ehwal berkaitan pentadbiran masjid. Bagi Masjid Negara, temu bual dilakukan kepada pegawai di Bahagian Kemajuan Islam Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) manakala Masjid al-Ghufran pula temu bual dilakukan kepada pegawai di Bahagian Kariah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI). Antara maklumat-maklumat yang diperolehi ialah data statistik terkini jumlah dan jenis kategori masjid, organisasi pentadbiran, garis panduan dan peraturan pengurusan kewangan masjid. Bagi memperolehi maklumat yang lebih jelas berhubung prosedur dan tatacara kewangan kerajaan yang melibatkan perolehan daripada sumber derma awam, temu bual turut dilakukan kepada akauntan dari Jabatan Akauntan Negara.

Jadual 1.1: Senarai Responden Yang Ditemu Bual

Bil	Responden	Nama	Jawatan
1.	Masjid Negara	Tan Sri Dato' Syaikh Ismail Muhammad	Imam Besar
2.	Masjid Negara	Muhammad Nuraizat Zainudin	Penolong Pengarah Unit Pentadbiran & Kewangan
3.	Masjid Negara	Nurul Azwa Safiai	Penolong Pegawai Tadbir Unit Pentadbiran dan Kewangan
4.	Masjid Negara	Zaini Yusof	Ketua Pembantu Tadbir Unit Pentadbiran & Kewangan
5.	Masjid Negara	Rashid Md. Isa	Penolong Pegawai Perhubungan Awam
6.	Masjid Negara	Mohd Zamri Abd Halim	Penolong Pengarah, Unit Perkhidmatan Sosial
7.	Masjid al-Ghufran	Mohd Khalil Husain	Bendahari
8.	Masjid al-Ghufran	Esamerin Misran	Pegawai Kewangan
9.	Masjid al-Ghufran	Norazmi Ahmad	Pentadbir
10.	Masjid al-Ghufran	Mohd Shahid Mohd Noh	Ketua Imam
11.	JAWI	Hilmee Umar	Penolong Pengarah Bahagian Kariah
12.	JAWI	Mohamad Zaki Hassan	Penolong Pengarah Bahagian Kariah
13.	Bahagian Kemajuan Islam JAKIM	Siti Fatimah Mohd. Bohari	Penolong Pengarah Cawangan Sekretariat Khas
14.	Bahagian Hub Halal JAKIM	Mohd Rejab Ramli	Penolong Pengarah Kanan Unit Kewangan
15.	Kementerian Sumber Manusia	Megat Amirul Zaini Megat Jamaludin	Timbalan Ketua Akauntan

1.6.2 Metode Menganalisis Data

a) Metode Induktif

Kaedah bagi menganalisis data-data melalui pola-pola berfikir yang mencari pembuktian daripada hal-hal yang bersifat khusus untuk mencapai kepada kesimpulan yang bersifat umum. Misalnya hasil gabungan daripada data-data yang diperolehi menghasilkan satu kesimpulan umum. Metode ini akan diaplikasikan dalam bab empat ketika menganalisis data-data kewangan bagi mendapatkan kesimpulan. Contohnya ketika menganalisis jumlah wang kutipan derma awam mengikut bulan atau tahun akan melahirkan satu kesimpulan umum seperti kutipan wang derma adalah meningkat dari tahun ke tahun. Selain itu juga kaedah induktif ini turut digunakan ketika membuat analisis perbandingan dan juga rumusan dalam bab terakhir kajian. Dalam pendekatan ini, masalah pada peringkat awal yang kurang jelas secara beransur-ansur akan semakin jelas pada akhir kajian.

b) Metode Deduktif

Pengkaji akan mengenal pasti teori yang telah dibentuk oleh mana-mana pihak dan akan digunakan sebagai premis kajian.²² Pengkaji sendiri boleh membuat satu teori yang khusus berasaskan pandangan, pengalaman dan hasil kajian-kajian sebelum ini. Teori ini akan dijadikan asas bagi merangka kaedah pengumpulan data yang diperlukan untuk menyelesaikan masalah yang dikaji. Ia juga merupakan satu pendekatan yang bersifat umum kepada khusus. Contohnya metode ini digunakan untuk mencari bukti seperti teori kebanyakan masjid menyimpan dana beku dalam akaun dan juga teori masjid bukan sektor

²² Idris Awang, *Penyelidikan Ilmiah: Amalan Dalam Pengajian Islam* (Selangor: Kamil & Shakir Sdn. Bhd., 2009), 23.

awam lebih aktif berbanding masjid sektor awam daripada aspek menjana kewangan masjid.

c) **Metode Komparatif**

Kaedah komparatif juga digunakan untuk mendapatkan rumusan yang lebih tepat melalui perbandingan data-data primer dan sekunder yang diperolehi. Segala data yang dikumpulkan, dibandingkan dan dipertimbangkan serta dibuat satu kesimpulan. Metode ini mula digunakan dalam bab ketiga ketika membuat analisis perbandingan pengurusan kewangan dan ekonomi Masjid Negara dan Masjid al-Ghufran. Dalam bab keempat pula metode ini kerap digunakan bagi membuat analisis pendapatan, analisis perbelanjaan dan analisis projek ekonomi kedua-dua masjid. Umumnya metode komparatif ini bertujuan mencari titik persamaan, kelebihan dan juga kekurangan di antara Masjid Negara dan Masjid al-Ghufran daripada aspek pengurusan derma awam bagi tujuan penjanaan ekonomi. Melalui metode ini juga, beberapa cadangan dan kaedah penyelesaian dapat dikenal pasti.

1.7 SOROTAN KAJIAN LEPAS

Dalam usaha untuk menyiapkan kajian, pengkaji telah melakukan beberapa tinjauan kepada kajian-kajian lepas yang mirip dan berkaitan dengan tajuk kajian pengkaji. Tinjauan yang dilakukan dibahagikan kepada beberapa tema bermula dengan melihat kajian yang bersifat umum sehinggalah menjurus kepada skop kajian pengkaji. Antara sorotan kajian-kajian tersebut ialah:

1.7.1 Peranan Masjid dalam Ekonomi

Joni Tamkin Borhan dan Che Zarrina Sa'ari (2002)²³ mengkaji tentang peranan yang dimainkan oleh institusi masjid dalam membangunkan ekonomi masjid. Beliau telah membuat penelitian terhadap konsep, takrifan, sejarah pengurusan masjid pada zaman awal Islam dan peranan masjid dalam membangunkan ekonomi melalui pelbagai sudut. Melalui penelitian ini pengkaji telah mengemukakan pendapatnya berhubung fungsi lebih gemilang yang boleh dimainkan oleh institusi masjid terutama dalam era K-Ekonomi. Hasil kajian mendapati bahawa dalam era K-Ekonomi, masjid bukan sahaja berfungsi sebagai tempat menunaikan ibadah sahaja malah kualiti fungsinya boleh ditingkatkan lagi sebagai pusat kebajikan, pusat pembangunan ekonomi dan pengurusan kewangan seperti harta wakaf, sedekah dan sebagainya. Antara aktiviti praktikal yang dicadangkan adalah seperti penubuhan koperasi masjid, pelaburan dana masjid dalam institusi pelaburan kewangan Islam, pelaburan hartanah seperti sewaan bangunan milik masjid dan juga pelaburan dalam pengurusan perkhidmatan dan kemudahan masjid.

Hairunnizam Wahid (2009)²⁴ menyatakan bahawa prestasi ekonomi sesebuah masyarakat baik dalam jangka masa pendek dan panjang turut dipengaruhi oleh faktor-faktor aktivism masjid. Ini kerana aktivism masjid sangat berpotensi membentuk modal insan. Menggunakan model *regresi logistic binomial*, penganggaran telah dibuat untuk menentukan pemboleh-pemboleh ubah yang mempengaruhi secara signifikan keaktifan sesebuah masjid. Hasil kajian mendapati terdapat empat pemboleh ubah yang mempengaruhi secara signifikan keaktifan sesebuah masjid iaitu kategori masjid, tahap

²³ Joni Tamkin Borhan dan Che Zarrina Sa'ari, "Pembangunan Ekonomi Masjid" (Seminar Pembangunan Masjid, Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Dewan Kuliah Utama APIUM, 28hb Disember 2002), 1-15.

²⁴ Hairunnizam Wahid, Nor Ghani Md Nor, Jaafar Ahmad dan Sanep Ahmad, "Masjid dan Pembentukan Modal Sosial: Apakah Faktor Penentu Aktivism Masjid?" (Prosiding Bengkel Penyelidikan Gunaan dalam Ekonomi Islam, Fakulti Ekonomi UKM, 23-24hb April 2001).

pendidikan pengurus, kekerapan mesyuarat dan kecukupan pendapatan. Pengkaji berharap agar kajian yang dilakukan dapat membantu penggubal dasar merancang program aktivisme masjid dengan lebih berkesan.

Abdul Fikri Abshari (2011)²⁵ pula membuat kajian tentang strategi masjid dalam meningkatkan ekonomi masyarakat. Kajian dilakukan terhadap dua buah masjid di daerah Jakarta Selatan iaitu Masjid Raya Pondok Indah dan Masjid Jami' Bintaro Jaya. Kaedah analisis deskriptif digunakan bagi membuat analisis terhadap data-data yang diperolehi melalui dokumen-dokumen yang dikumpulkan, bahan perpustakaan, wawancara dan observasi. Hasil kajian mendapati kedua-dua buah masjid mempunyai strategi yang berbeza dalam usaha memperkasakan ekonomi masyarakat setempat. Masjid Raya Pondok Indah menubuhkan institusi kewangan sendiri yang dinamakan dengan *Baitul Māl Wa Tamwīl* (BMT) di mana peranan yang dimainkannya lebih luas. Selain sebagai tempat untuk mendapatkan pembiayaan perniagaan, produk lain juga diperkenalkan termasuklah simpanan dan tabungan, perniagaan secara usaha sama dan produk transaksi syariah yang lain. Berbeza dengan Masjid Jami' Bintaro Jaya di mana strategi yang dilakukan ialah memperkenalkan (PMM) Pinjaman Mikro Masjid. Ia merupakan satu bentuk produk yang memberikan kemudahan pembiayaan wang secara Islam khusus kepada pengusaha atau peniaga-peniaga kecil bagi mengembangkan perniagaan. Kesimpulan kajian juga mendapati kedua-dua strategi yang dilaksanakan oleh kedua-dua masjid telah terbukti berjaya meningkatkan ekonomi masyarakat. Selain daripada itu potensi di antara kedua-dua masjid ini tidak jauh bezanya.

²⁵ Abdul Fikri Abshari, "Strategi Masjid Dalam Pemberdayaan Ekonomi Umat, Studi Pada Masjid Raya Pondok Indah dan Masjid Jami' Bintaro Jaya" (Disertasi Sarjana, Program Studi Muamalat, Fakulti Syariah dan Hukum, Universiti Islam Negeri Syarif Hidayatullah Jakarta, 2011).

Kajian berhubung peranan masjid sebagai pusat meningkatkan ekonomi masyarakat juga telah dibuat oleh Carolina Imran (2011).²⁶ Kajian beliau berkisar kepada fungsi yang dimainkan oleh masjid daripada aspek meningkatkan ekonomi masyarakat di Masjid Ittihadul Muhajirin, Kota Tangerang Selatan, Jawa Barat, Indonesia. Pengkaji telah membuat klasifikasi terhadap data-data yang diperolehi seterusnya diolah menjadi data kuantitatif. Kaedah analisis statistik deskriptif digunakan di mana hasil dapatan disajikan dalam bentuk gambar rajah dan jadual. Hasil kajian mendapati Masjid Ittihadul Muhajirin dilihat memainkan fungsi dan peranan selaku pusat meningkatkan ekonomi masyarakat namun ia masih belum mampu meningkatkan taraf hidup masyarakat setempat disebabkan masih terdapat banyak kekurangan yang harus diperbaiki. Di akhir kajian pengkaji menyarankan bahawa perlunya campur tangan daripada pihak kerajaan terutama dalam menyediakan dana bagi membantu program dan projek yang dapat meningkatkan ekonomi masyarakat setempat.

Peranan masjid dalam menjana kegiatan ekonomi ummah telah disentuh dalam kajian Lokman Zulkifli (2007).²⁷ Pengkaji mengutarakan beberapa hujah mengapa perlunya masjid berperanan sebagai pusat kegiatan ekonomi ummah mengambil kira contoh dan bukti pada zaman Rasulullah SAW di mana terdapat aktiviti ekonomi dan perniagaan di sekeliling Masjid Quba', Masjid Nabawi dan Masjid al-Haram. Tinjauan pengkaji mendapati kebanyakan masjid mengalami masalah pengurusan kewangan masjid yang tidak cekap di mana dananya lebih suka disimpan berbanding dibelanjakan. Di akhir kajian pengkaji telah melontarkan beberapa cadangan bagi membangunkan ekonomi masjid

²⁶ Carolina Imran, "Masjid Sebagai Sentral Pemerdayaan Ekonomi Umat, Studi di Masjid Ittihadul Muhajirin Perumahan Reni Jaya Pamulang Tangerang" (Disertasi Sarjana, Program Studi Muamalat, Fakulti Syariah dan Hukum, Universiti Islam Negeri Syarif Hidayatullah Jakarta, 2011).

²⁷ Lokman Zulkifli "Penjanaan Kegiatan Ekonomi Institusi Masjid," dalam *Islam Hadhari Kekuatan Masjid Dalam Menjana Masyarakat Gemilang*, ed. Tan Sri Dato' Dr Abd. Hamid Othman (Putrajaya: Yayasan Islam Hadhari, 2007), 285-301.

antaranya ialah dengan melaksanakan pelan perancangan fizikal. Justeru perancangan fizikal seperti pengubahsuaian persekitaran masjid perlu dilakukan untuk mewujudkan pelbagai prasarana dan premis perniagaan bagi aktiviti ekonomi.

Fungsi masjid sebagai pusat sosial ekonomi dalam pembinaan umat telah dilontarkan oleh Zasri M. Ali (2012).²⁸ Kajian dilakukan dengan merujuk kepada kitab-kitab dan buku-buku berkaitan sejarah masjid dan juga sirah nabi Muhammad SAW. Hasil kajian mendapati jumlah masjid-masjid yang mencapai ratusan ribu dan semakin bertambah masih belum dapat dimanfaatkan fungsinya secara maksimum. Hal ini dengan mengambil kira fungsinya yang menyeluruh dalam membina pelbagai bidang kehidupan, sebagai pusat kegiatan masyarakat termasuk sosial ekonomi. Justeru beliau menyatakan perlunya usaha-usaha bagi memperkasakan fungsi ini melalui gabungan strategi pengurusan, aktiviti program dan pembangunan fizikal.

Manakala Hafsa Othman dan Nangkula Utaberta (2011)²⁹ menganalisis hadis-hadis berkaitan permasalahan perancangan masjid moden di Malaysia. Dalam kajian ini pengkaji telah mengumpulkan hadis-hadis kompilasi al-Bukhari dan al-Muslim yang kemudiannya dihuraikan dan dijadikan kerangka rujukan bagi menjawab pelbagai permasalahan dan krisis perancangan masjid di Malaysia dan dunia. Pengkaji memetik sepotong hadis yang menceritakan bagaimana seseorang yang dalam keadaan memerlukan sesuatu mendapatkannya dari masjid melalui pertolongan Rasulullah SAW dan sahabat baginda. Hasil kajian mendapati setiap masjid perlu berfungsi dari semua sudut termasuk ekonominya bagi kepentingan institusi dan juga kepada mereka yang memerlukannya. Di akhir kajian pengkaji membuat kesimpulan bahawa setiap umat Islam perlu mengambil

²⁸ Zasri M. Ali, "Masjid Sebagai Pusat Pembinaan Umat," *Jurnal Toleransi*, Vol. 4, No.1 (2012), 1-11.

²⁹ Hafsa Othman dan Nangkula Utaberta, "Analisis Hadis Dalam Permasalahan Perancangan Masjid Modern di Malaysia," *Journal of Islami Architecture*, Vol. 1, Issue 3 (2011), 107-121.

tauladan atas kejayaan Rasulullah SAW pada zaman tersebut dengan cara membangun dan memaksimumkan fungsi masjid sebagai pusat penggerak masyarakat Islam terkini dengan memenuhi pelbagai keperluan rohani dan fizikal.

1.7.2 Pengurusan Kewangan Masjid

Jamaliah Said et al. (2013)³⁰ telah membuat kajian tentang amalan pengurusan kewangan masjid berdasarkan berdasarkan bukti-bukti empirikal. Pengkaji menyatakan bahawa institusi masjid mempunyai potensi yang cukup besar dalam memastikan kebajikan masyarakat setempat. Oleh yang demikian, masjid perlu mempunyai kekuatan daripada aspek sumber kewangan. Justeru kajian dilakukan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang menyumbang kepada prestasi kewangan institusi masjid. Bagi mencapai objektif kajian, soal selidik telah dilakukan terhadap 250 orang bendahari masjid di seluruh Malaysia di mana data-data yang diperolehi dianalisis menggunakan sistem perisian SPSS. Hasil kajian mendapati kawalan dalaman yang baik dan penglibatan aktif jawatankuasa masjid dalam aktiviti pengumpulan dana masjid mempengaruhi peningkatan prestasi kewangan masjid. Diakhir kajian, pengkaji menyatakan bahawa institusi masjid perlu mengambil berat akan kepentingan aktiviti-aktiviti yang boleh menjana dana masjid bagi memastikan kelancaran dan kesinambungan sumber dana masjid.

Terdapat satu kajian berhubung sistem pengurusan kewangan yang diaplikasikan oleh institusi-institusi masjid terpilih oleh Zakiah Samori dan Amal Hayati Ishak (2011).³¹ Kajian ini dilakukan bagi menerokai sejauh mana pengamalan institusi-institusi masjid

³⁰ Jamaliah Said, Azizah Mohamed, Zuraidah Mohd Sanusi, Syed Yusuf, and Sharifah Norzehan, "Financial Management Practices in Religious Organizations: An Empirical Evidence of Mosque in Malaysia," *International Business Research* 6, No. 7 (2013), 111-119.

³¹ Zakiah Samori dan Amal Hayati Ishak, "Sistem Pengurusan Kewangan Efektif: Satu Kajian di Masjid-Masjid Terpilih," *Jurnal Pengajian Islam Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor*, Bil.5 (2011), 111-131.

terpilih terhadap sistem pengurusan kewangan yang telah diwartakan melalui enakmen dan prosedur khusus. Kaedah kajian yang dilakukan ialah dengan menggunakan metod kajian perpustakaan dan temu bual. Hasil kajian mendapati wujudnya amalan pengurusan kewangan di beberapa buah masjid sama ada berpandukan akta atau prosedur khusus yang telah diwartakan oleh pihak berkuasa agama negeri. Selain itu juga didapati segelintir dari masjid-masjid terpilih tersebut mengamalkan sistem pengurusan kewangan yang disusun atur dan diselia sendiri oleh pihak masjid. Kajian akhirnya mendapati walaupun prosedur kewangan yang diaplikasikan antara masjid-masjid tersebut berbeza namun objektifnya tetap sama iaitu untuk mengelakkan sebarang penyelewengan dana masjid seterusnya memperkasa penstrukturan masjid khususnya dalam konteks pengurusan kewangan efektif.

Kajian terhadap kepentingan amalan pengurusan kewangan masjid-masjid di Malaysia turut dilakukan oleh Mohamed Azam Mohamed Aidil et.al (2013).³² Kajian dilakukan melalui edaran borang soal selidik kepada pengerusi dan bendahari di 192 buah masjid terpilih seluruh Malaysia termasuk di Sabah dan Sarawak. Hasil kajian mendapati institusi masjid di Malaysia masih perlu meningkatkan sistem kawalan dalaman bagi memastikan pengurusan kewangan yang cekap dan menjamin akauntabiliti. Beliau turut mencadangkan langkah-langkah bagi meningkatkan kecekapan dan akauntabiliti pengurusan kewangan masjid antaranya ialah setiap transaksi kewangan yang dilakukan hendaklah direkod dengan sistematik, betul dan tepat.

Zainal Samdin, Mat Noor Mat Zain dan Muhammad Firdaus Abdul Manaf (2013)³³ pula membuat kajian berhubung pengurusan kewangan masjid di daerah Jelebu Negeri

³² Mohamed Azam Mohamed Adil, Zuraidah Mohd Sanusi, Noor Azaliah Jaafar, Mohammad Mahyuddin Khalid dan Asmah Abd Aziz, Financial Management Practices of Mosque in Malaysia, *Global Journal al-Thaqafah*, Vol. 3, Issue 1 (June 2013), 23-29.

³³ Zainal Samdin, Mat Noor Mat Zain dan Muhammad Firdaus Abdul Manaf, “ Pengurusan Kewangan Masjid di Daerah Jelebu” (Prosiding Kolokium Antarabangsa Siswazah Pengajian Islam (KASPI 2013)

Sembilan. Dua buah masjid Daerah Jelebu iaitu Masjid Jamek Kuala Klawang dan Masjid Warisan Kg. Dulang telah dipilih. Reka bentuk kajian adalah berdasarkan kaedah tinjauan dan analisis data secara deskriptif terhadap aliran keluar masuk kewangan kedua-dua buah masjid. Hasil kajian mendapati dana Masjid Jamek Kuala Klawang dibelanjakan secara maksimum di mana pada penghujung 31 Disember 2012, wang yang diterima adalah sebanyak RM59,695.40 berbanding perbelanjaan sebanyak RM58,863.90. Baki semasa pula ialah RM831.50. Manakala pendapatan Masjid Warisan Kg. Kuala Dulang pula ialah sebanyak RM38,907.71 berbanding perbelanjaan hanya sekadar RM26,345.65. Baki kewangan pula sebanyak RM12,562.06. Bagaimanapun pengkaji mendapati terdapat beberapa perbelanjaan yang tidak sepatutnya digunakan mengambil kira kepentingan untuk program umum masyarakat yang lebih utama. Di akhir kajian pengkaji membuat kesimpulan bahawa kedua-dua masjid ini terhad membelanjakan dana masjid untuk kegiatan dakwah dan kerohanian semata-mata berbanding digunakan kepada sesuatu aset yang boleh dikembangkan nilainya.

Seterusnya Zulkifli Dahalan (2002)³⁴ mengkaji pengurusan kewangan masjid di Masjid Tuan Samad Permatang Sungai Dua, Seberang Perai Utara Pulau Pinang. Soal selidik secara rawak telah diedarkan kepada 50 orang responden yang terdiri daripada populasi anak-anak kariah Permatang Sungai Dua. Seterusnya data-data yang diperolehi ini dianalisis secara manual bagi mendapatkan kesimpulan. Hasil kajian mendapati Masjid Tuan Samad merupakan sebuah masjid yang sangat efektif dalam aspek pengurusan kewangan. Kajian juga mendapati Masjid Tuan Samad tidak bergantung sepenuhnya kepada sumber-sumber tersedia masjid malah menjana kewangan masjid dengan pelbagai

anuran Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, Institut Latihan KWSP Kajang, 13-14hb November 2013).

³⁴ Zulkifli Dahalan, "Kaedah Kutipan Dan Perbelanjaan Wang-Wang Khairat Masjid: Kajian di Masjid Tuan Samad, Permatang Sungai Dua, Kepala Batas, Pulau Pinang" (Tesis Sarjana, Universiti Malaya, 2002).

aktiviti ekonomi. Aset-aset sedia ada masjid yang kebanyakannya terdiri daripada hartanah telah digunakan secara komersial bagi menambah sumber kewangan masjid. Namun pengkaji turut mendapati beberapa kelemahan dalam pengurusan kewangan masjid antaranya berpunca daripada kelemahan aspek pengurusan. Di akhir kajian beliau telah mengemukakan beberapa cadangan bagi mempertingkatkan mutu pengurusan masjid terutama daripada aspek kewangan.

Di samping itu juga Azhar Abdul Wahab (2008)³⁵ mengkaji tentang amalan pengurusan kewangan masjid dari sudut sistem kutipan yang dijalankan, sumber dana, sistem merekod dan pelaporan urusniaga kewangan. Kajian ini dilakukan di 40 buah masjid daerah Kota Setar Kedah. Data kajian diperolehi melalui borang soal-selidik yang diedarkan kepada ahli jawatankuasa masjid di 40 buah masjid daerah Kota Setar. Hasil penemuan menunjukkan sumber utama perolehan masjid ialah melalui kutipan orang ramai terutama tabung Jumaat. Dapatan kajian juga mendapati perlunya penambahbaikan dilakukan dari sudut pelaporan maklumat kewangan tentang dana masjid. Kajian juga menunjukkan isu utama yang dihadapi oleh masjid ialah kekurangan usaha untuk melabur dana masjid dalam aktiviti-aktiviti yang lebih ekonomik dan produktif. Di akhir kajian pengkaji telah mengemukakan beberapa cadangan untuk penambahbaikan pengurusan dana kewangan di masjid-masjid

Kajian berhubung akauntabiliti pengurusan dana sedekah telah dibuat oleh Siti Alawiah Siraj, Shahul Hameed Mohamed Ibrahim dan Maliah Sulaiman (2008).³⁶ Kajian telah dijalankan terhadap 12 buah masjid negeri di semenanjung Malaysia. Analisis

³⁵ Azhar Abdul Wahab, "Financial Management of Mosque in Kota Setar District: Issues and Challenges" (Tesis Sarjana, Universiti Utara Malaya, 2008).

³⁶ Siti Alawiah Siraj, Shahul Hameed Mohamed Ibrahim dan Maliah Sulaiman "Pengurusan Kewangan: Mempamerkan Akauntabiliti Masjid," dalam *Pengurusan Berkualiti Memacu Kecemerlangan Pengurusan Masjid*, ed. Mohd. Ismail Mustari dan Kamarul Azmi Jasmi (Skudai: Universiti Teknologi Malaysia, 2008), 67-80.

dilakukan terhadap sistem kawalan belanjawan, penerimaan pendapatan wang tunai, perbelanjaan dana, operasi bank dan pelaporan. Pengkaji memperolehi data-data dan maklumat melalui soal selidik dan temuduga bersemuka. Seterusnya analisis data dilakukan menggunakan statistik perihalan (*descriptive statistics*). Hasil kajian mendapati masjid negeri mempunyai sistem kawalan yang baik bagi penerimaan pendapatan (kutipan) dan penggunaan dana. Bagaimanapun masih terdapat beberapa kelemahan dari sudut aspek pengurusan kewangan sekalipun mempunyai jumlah kakitangan yang mencukupi. Di akhir kajian pengkaji turut membuat saranan supaya kerajaan negeri melantik dan membekalkan jawatan penyelia kewangan masjid kepada setiap negeri agar dapat meningkatkan prestasi amalan pengurusan kewangan masjid negeri.

Hasan Bahrom (2008)³⁷ juga telah membuat kajian tentang sumber kewangan masjid dan strategi untuk menjana kewangannya. Berdasarkan analisis yang dilakukan terhadap kajian-kajian lepas beliau mendapati dana masjid boleh menjadi sumber asas kepada kekuatan ekonomi umat Islam keseluruhannya sekiranya ia dikendali dan diurus tadbir dengan baik dan sistematik. Hasil tinjauan beliau mendapati kejayaan menguruskan dana masjid dengan strategik adalah bergantung kepada kecekapan jawatankuasa dalam menguruskannya. Atas sebab itu pengkaji mencadangkan agar latihan pengurusan dana yang menyeluruh patut diadakan di samping penerapan nilai korporat dan *governance* dalam diri jawatankuasa pengurusan masjid. Di akhir kajian pengkaji berharap agar ahli jawatankuasa masjid sanggup bekerjasama dengan semua pihak di samping mempunyai hati yang terbuka menerima pandangan dan teguran orang lain. Pengkaji juga turut menimbulkan persoalan mengenai kesediaan ahli jawatankuasa masjid untuk duduk semeja

³⁷ Hasan Bahrom "Menjana Sumber Kewangan Masjid Pemangkin Pembangunan Ekonomi Ummah," dalam *Pengurusan Berkualiti Memacu Kecemerlangan Pengurusan Masjid*, ed. Mohd. Ismail Mustari dan Kamarul Azmi Jasmi (Skudai: Universiti Teknologi Malaysia, 2008), 81-100.

berunding dalam menentukan hala tuju dana masjid agar ia memberi faedah kepada masyarakat keseluruhannya.

Kajian terhadap tahap pengetahuan pentadbir dan ahli jawatankuasa berhubung pengurusan masjid turut dilakukan oleh Ahmad Puhad Alim dan Siti Roddiah Abdullah (2010).³⁸ Kajian ini melibatkan 142 orang pentadbir dan ahli jawatankuasa di 19 buah masjid di daerah Pasir Puteh Kelantan dengan menggunakan set soal selidik. Seterusnya data-data yang diperolehi telah dianalisis menggunakan perisian *Statistical Packages for the Social Science (SPSS for windows)* versi 14.0 bagi mendapatkan kekerapan, peratusan dan min. Hasil kajian mendapati majoriti responden mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi terhadap pengurusan dalam Islam. Kajian turut mendapati setiap aktiviti yang dirancang dan dikendalikan oleh masjid perlu memenuhi keperluan masyarakat yang pelbagai dan menarik minat mereka di mana hal ini akan membawa kepada kejayaan institusi masjid.

1.7.3 Dana Masjid

Joni Tamkin Borhan, Mohd Yahya Mohd Hussin, Fidlizan Muhammad dan Mohd Fauzi Abu @ Hussin (2011)³⁹ telah mengkaji tentang peranan dana masjid dalam membentuk usahawan muslim berasaskan isu kebergantungan usahawan muslim terhadap modal daripada institusi perbankan. Kajian ini dilakukan berdasarkan data-data dan laporan yang dikumpulkan berhubung pengurusan dana masjid. Hasil kajian mendapati institusi masjid mempunyai sumber dana yang berterusan dan dapat digunakan untuk faedah masa panjang.

³⁸ Ahmad Puhad Alim dan Siti Roddiah Abdullah "Audit Pengurusan Masjid: Kajian di Daerah Pasir Puteh Kelantan" (Artikel, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, 2010), 1-7.

³⁹ Joni Tamkin Borhan, Mohd Yahya Mohd Hussin, Fidlizan Muhammad dan Mohd Fauzi Abu @ Hussin, "Membentuk Usahawan Muslim: Peranan Dana Masjid," *al-Basirah Jurnal Akademi Pengajian Islam Nilam Puri, Universiti Malaya*, Jilid 1, Bilangan 1 (Disember 2011), 53-63.

Kajian ini mencadangkan agar konsep koperasi masjid diaplikasikan bagi membentuk dana masjid yang efisien serta mampu melahirkan usahawan. Melalui penubuhan koperasi, akan tercipta peluang-peluang perniagaan dan lahirnya usahawan-usahawan muda. Usahawan-usahawan ini juga dapat dibantu daripada aspek modal perniagaan dengan menawarkan pembiayaan yang diadaptasi daripada model-model muamalah yang digunakan dalam institusi perbankan Islam.

Kajian berhubung sumber-sumber dana masjid turut dibincangkan dalam kajian Zakaria Bahari dan Mohd Kamal Omar (2004).⁴⁰ Berdasarkan kajian dan penelitian yang dibuat terhadap data-data dan laporan daripada kajian termasuk hasil penemuan penyelidikan daripada MAMPU dan Universiti Sains Malaysia, kajian mendapati kesemua masjid memperoleh sumber dana daripada tabung-tabung masjid yang disediakan. Dalam hal ini masjid-masjid yang menerima peruntukan dana daripada kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Majlis Agama Islam Negeri tidak berhadapan dengan masalah pembiayaan pengurusan. Keadaan ini berbeza dengan masjid-masjid yang menerima sebahagian peruntukan atau tidak mendapat langsung peruntukan dana daripada mereka. Diakhir kajian beliau telah mengemukakan bentuk-bentuk sumber dana yang dapat dijana sebagai alternatif selain sumber kutipan tabung antaranya ialah dengan penubuhan koperasi, sumbangan secara tetap oleh badan korporat dan penerimaan zakat.

Turut membuat kajian berhubung dana masjid ialah Mohd Yahya Mohd Hussin, Fidlizan Muhammad, Azila Abdul Razak, Nurul Fadly Habidin dan Syed Ismail Syed Mohamad (2012)⁴¹ di mana pengkaji telah membuat kajian mengenai dana kewangan

⁴⁰ Zakaria Bahari dan Mohd Kamal Omar, "Penjanaan Dana Pengurusan Masjid" (Prosiding seminar Kebangsaan Pengurusan Masjid, Pusat Islam Jabatan Hal Ehwal Pelajar Universiti Utara Malaysia, 25-27hb September 2004).

⁴¹ Mohd Yahya Mohd Hussin, Fidlizan Muhammad, Azila Abdul Razak, Nurul Fadly Habidin dan Syed Ismail Syed Mohamad, "Eksplorasi Dana Kewangan Masjid di Negeri Perak" (Persidangan Kebangsaan

institusi masjid di seluruh negeri Perak. Kajian dijalankan menggunakan kaedah kuantitatif dengan cara mengedat borang soal selidik kepada 617 buah masjid di negeri Perak. Seterusnya data yang diperolehi dianalisis dengan kaedah analisis deskriptif yang menerangkan bilangan masjid yang terlibat mengikut daerah serta pecahan masjid mengikut kategori pendapatan. Dapatan kajian menunjukkan institusi masjid di negeri Perak mempunyai dana kewangan yang agak baik daripada segi simpanan tunai dan juga aset-aset yang dimiliki. Selain daripada itu kajian menunjukkan sejumlah 240 ekar tanah di seluruh negeri Perak yang dimiliki oleh institusi masjid tidak diuruskan dalam aktiviti-aktiviti yang dapat memberi nilai tambah pendapatan kepada masjid. Di akhir kajian pengkaji mencadangkan agar pihak pengurusan masjid mengembangkan dana masjid untuk tujuan menjana ekonomi masjid itu sendiri dan seterusnya mampu memberi limpahan kepada masyarakat setempat. Ia boleh dilakukan dengan membentuk model penjana dana masjid yang efektif dan efisien.

Selain itu juga idea dan strategi mengembangkan dana masjid bagi pembangunan ekonomi telah dilontarkan oleh Mohd Yahya Mohd Hussin, Fidlizan Muhammad dan Mohd Yazid Isa (2011).⁴² Kajian yang dilakukan menggunakan metodologi induktif di mana pengkaji telah membuat penelitian terhadap kajian-kajian dan data-data terdahulu seterusnya dibentuk model pengembangan dana awam masjid. Model pengembangan dana masjid ini mirip seperti sistem kewangan yang diamalkan di institusi kewangan dan perbankan. Masjid-masjid dimisalkan sebagai pendeposit manakala koperasi sebagai bank utama, manakala bank pusat masjid dianggap sebagai bank negara. Selain itu juga pengkaji turut mencadangkan beberapa strategi yang lain seperti mewujudkan saham wakaf, skim

Ekonomi Malaysia ke VII (PERKEM VII), Transformasi Ekonomi Dan Sosial Ke Arah Negara Maju, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan Universiti Kebangsaan Malaysia, Ipoh, Perak, 4 – 6hb Jun 2012), 1274-1286.

⁴² Mohd Yahya Mohd Hussin, Fidlizan Muhammad dan Mohd Yazid Isa, "Dana Masjid Menjana Ekonomi Ummah," *Jurnal Muamalat*, Bil.4 (2011), 199-213.

potongan gaji, pembinaan masjid di lokasi strategik dan juga penglibatan masjid dalam kegiatan ekonomi yang produktif. Di akhir kajian pengkaji optimis bahawa strategi yang dicadangkan ini bolehlah dianggap sebagai perintis kepada pengurusan dana orang ramai kepada yang lebih baik dan dapat dirasai oleh seluruh masyarakat.

Satu kajian berhubung potensi masjid sebagai sumber dana umat telah dilakukan oleh Nik Kamal Wan Muhamad et al. (2007).⁴³ Pengkaji menyatakan bahawa institusi masjid mempunyai potensi besar dalam menggembelng dana umat memandangkan dana besar yang dimiliki oleh setiap masjid. Kajian mendapati sumber derma yang disimpan oleh masjid dalam sesuatu tahun tidak digunakan secara aktif dan optimum. Sehubungan dengan itu pengkaji mencadangkan penubuhan Perbadanan Amanah Masjid Berhad (PAMD) yang berperanan mengumpul dan mengembangkan dana-dana yang dikutip daripada lebih-lebihan dana setiap masjid di seluruh Malaysia. Dana-dana terkumpul ini seterusnya akan digunakan untuk tujuan pelaburan dan perniagaan bagi memastikan masjid-masjid mempunyai pendapatan yang kukuh di samping dapat membangunkan ekonomi masjid dan agenda sosial umat. Di akhir kajian pengkaji menyatakan cadangan penubuhan Perbadanan Amanah Masjid Berhad (PAMD) ini akan dapat direalisasikan dengan syarat kesungguhan dan inisiatif awal dapat dilakukan oleh pihak pemerintah.

Selain itu juga kajian tentang pengurusan strategik dana dan harta masjid di Malaysia dibuat oleh Jaafar Ahmad , Sanep Ahmad, Mariani Ab. Majid dan Hairunnizam Wahid (2001).⁴⁴ Kajian mendapati terlalu banyak masjid terus menyimpan dana beku dan

⁴³ Nik Kamal Wan Muhamad, Shah Rul Anuar Nordin, Ahmad Sharifuddin Mustapha, Mohd Zamerey Abdul Razak, "Potensi Pengukuhan Ekonomi Institusi Masjid," dalam *Islam Hadhari Kekuatan Masjid Dalam Menjana Masyarakat Gemilang*, ed. Tan Sri Dato' Dr Abd. Hamid Othman (Putrajaya: Yayasan Islam Hadhari, 2007), 81-91.

⁴⁴ Jaafar Ahmad, Sanep Ahmad, Mariani Abd Majid dan Hairunnizam Wahid, "Dana dan Harta Masjid di Malaysia: Ke Arah Pengurusan Strategik" (National Workshopon Capacity Building Towards Excellence in Econ. Research & Policy Formulation, Fakulti Ekonomi UKM, 23-24hb April 2001), 1-13.

harta berbanding menggerakkannya dalam aktiviti-aktiviti yang mampu memberikan hasil dan pulangan yang lebih menguntungkan kepada masjid dan ahli kariah masing-masing. Beliau turut menyatakan bahawa kecekapan pengurusan dana masjid adalah bergantung kepada setinggi mana kelulusan pengerusi jawatankuasa. Kajian ini dilakukan dengan menggunakan kaedah statistik bagi menguji hipotesis kajian. Ujian *Chi-Square* juga digunakan terhadap data-data dan angka-angka yang diperolehi. Hasil kajian mendapati dana masjid agak banyak tersimpan di bank-bank perdagangan dan pulangan yang diperolehi agak rendah. Kedua, kelulusan dan jawatan tinggi yang pernah diperolehi oleh pengerusi dan jawatankuasa masjid tidak semestinya menjamin kecekapan mereka dalam mengurus dana dan harta. Di akhir kajian, pengkaji mencadangkan agar Jabatan Agama dan Majlis Agama Islam Negeri memberi latihan yang lebih menyeluruh dan berterusan kepada pengerusi dan jawatankuasa masjid dalam aspek pengurusan harta dan dana yang lebih efisien dan sistematik.

Abdullah Jalil dan Muhamad Muda (2008)⁴⁵ pula mengkaji tentang pengurusan dana sedekah yang mempunyai potensi yang sangat besar untuk dibangunkan dalam sistem ekonomi dan kewangan yang berasaskan teknologi maklumat dan komunikasi pada hari ini. Kajian ini mengaplikasikan kaedah induktif dan deduktif berdasarkan maklumat-maklumat yang diperolehi daripada kitab-kitab tradisional bidang fiqh, ekonomi, tasawuf di samping artikel ilmiah, jurnal dan juga maklumat daripada laman web. Hasil kajian ini mendapati bahawa isu utama dalam pengurusan derma sedekah ialah aspek pengutipan dan agihan. Justeru kajian ini menyarankan beberapa aspek dan tindakan yang perlu diambil sama ada di pihak kerajaan mahupun sektor swasta iaitu dengan mewujudkan garis panduan dan

⁴⁵ Abdullaah Jalil dan Muhamad Muda, "Pengurusan Dana Sedekah Secara Sistematik: Analisis Peranan Institusi Kerajaan dan Swasta," *Jurnal Pengurusan JAWHAR*, Vol.2, No.1 (2008), 53-72.

kaedah pembahagian yang munasabah dan relevan serta sistem laporan di samping penyelarasan dan penilaian yang mantap.

S. Salahudin Suyurno dan Halipah Hamzah (2004)⁴⁶ telah membuat kajian tentang kepentingan konsep al-sakha' atau sifat pemurah yang memberi kesan positif terhadap sosio ekonomi masyarakat Islam. Kajian dilakukan dengan menghimpunkan bahan-bahan daripada al-Quran, al-Hadis dan kitab-kitab tradisional seterusnya dibuat rumusan dan kesimpulan. Hasil kajian mendapati terdapat pelbagai cara pengagihan aset menurut ajaran Islam antaranya melalui amalan bersedekah. Beliau turut menyatakan sedekah merupakan jalan nafkah yang amat luas dan tidak terhad kepada jumlah tertentu dan ia bergantung pada sejauh mana sifat sakha' dan kedermawanan seseorang. Kesan daripada sifat sakha' ini akan menjadikan sosio ekonomi masyarakat berada di landasan sebenar.

Kesimpulannya berdasarkan tinjauan terhadap kajian-kajian lepas ini, pengkaji mengakui terdapat banyak kajian yang telah dilakukan mengenai peranan masjid dalam menjana ekonomi, pengurusan kewangan masjid dan sumber-sumber dana termasuklah derma awam. Walau bagaimanapun, terdapat sedikit kelainan dan keunikan dalam kajian pengkaji di mana kajian yang dilakukan berbentuk kajian perbandingan derma awam di antara masjid di bawah pentadbiran kerajaan dan masjid kariah. Selain itu, kajian derma awam kedua-dua buah masjid turut belum disentuh secara khusus oleh mana-mana pengkaji. Justeru pengkaji berkeyakinan bahawa dapatan kajian pasti berbeza dan berlainan dengan kajian-kajian sebelumnya.

⁴⁶ S.Salahudin Suyurno, Halipah Hamzah, "Membudayakan Konsep al-Sakha' dalam Ekonomi Masyarakat Islam" (Seminar Pengurusan Masjid Peringkat Kebangsaan 2004, Pusat Islam Jabatan Hal Ehwal Pelajar, UUM, Aseania Hotel Langkawi, 25-27hb September 2004).

1.8 SISTEMATIKA PENULISAN

Dalam kajian ini pengkaji telah membahagikan penulisannya kepada lima bab iaitu :

Bab satu merupakan bab pendahuluan bagi kajian ini. Dalam bab ini pengkaji akan menjelaskan mengenai latar belakang kajian, permasalahan kajian, kepentingan kajian, objektif kajian, skop kajian, metodologi kajian, sorotan kajian lepas serta sistematika bab.

Bab dua pula dimulakan dengan pengenalan kepada derma awam, konsep dan ciri-cirinya sebagai salah satu instrumen dana sedekah. Seterusnya kelebihan derma awam akan dihuraikan daripada perspektif ekonomi dari sudut bagaimana ia boleh menjana ekonomi masjid. Kajian diteruskan dengan melihat peranan dan fungsi institusi masjid pada zaman awal Islam dan seterusnya difokuskan daripada aspek ekonomi. Sebahagian aktiviti ekonomi masjid pada zaman awal Islam dan realiti masa kini akan dinyatakan. Aktiviti-aktiviti yang menjana ekonomi masjid turut dikemukakan sebelum diakhiri dengan kesimpulan bab.

Bab tiga pula akan menerangkan secara terperinci pengurusan ekonomi dan kewangan Masjid Negara dan Masjid al-Ghufran. Ia meliputi gambaran yang berkaitan dengan kedua-dua masjid meliputi aspek sejarah, bidang kuasa, organisasi pentadbiran, sistem kewangan yang digunakan dan aspek kawalan kewangan. Selain itu juga bab ini turut menjelaskan sumber-sumber kewangan dan pendapatan kedua-dua masjid secara terperinci. Turut dinyatakan aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh masjid terutama aktiviti yang menjana ekonomi masjid dan ekonomi masyarakat.

Bab empat merupakan hasil kajian. Dalam bab ini, pengkaji akan membuat analisis terhadap data-data yang diperolehi daripada sumber primer iaitu temu ramah dan juga sumber sekunder yang berupa penyata kewangan terimaan dan bayaran kedua-dua masjid.

Sumber pendapatan dan agihan perbelanjaan Masjid Negara dan Masjid al-Ghufran dianalisis secara deskriptif berdasarkan laporan kewangan tahunan rasmi kedua-dua masjid. Analisis akan menyentuh hubungan dan juga perbandingan dapatan antara kedua-dua masjid ini. Dua perbandingan yang akan dilakukan iaitu perbandingan antara pendapatan dan perbelanjaan dan perbandingan hasil dapatan antara kedua-dua masjid. Di akhir bab ini pengkaji turut memaparkan cabaran-cabaran dan masalah-masalah yang dihadapi oleh kedua-dua masjid.

Bab lima pula merupakan bab penutup bagi kajian ini. Dalam bab ini, pengkaji akan membuat rumusan dan kesimpulan mengenai keputusan yang diperolehi daripada analisis dan perbandingan yang dilakukan dalam bab empat. Akhir sekali, pengkaji akan melontarkan beberapa cadangan, saranan di samping kaedah penyelesaian untuk tindakan pihak-pihak yang terlibat.

1.9 KESIMPULAN

Dalam bab ini, pengkaji secara umumnya mengemukakan gambaran secara ringkas mengenai kajian yang akan dilakukan. Beberapa perkara penting yang menjadi asas kepada kajian ini telah diterangkan antaranya ialah pengenalan kajian, permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, kentingan kajian, skop kajian dan sebagainya seperti yang telah dibincangkan di atas. Di samping itu juga, pengkaji telah menerangkan metodologi kajian yang akan digunakan dalam mencari jawapan kepada permasalahan dalam kajian ini.

BAB DUA

DERMA AWAM DAN PENJANAAN EKONOMI MASJID

2.0 PENDAHULUAN

Derma awam merupakan salah satu instrumen daripada dana sedekah. Walau bagaimanapun derma awam lebih unik dan mempunyai banyak kelebihan berbanding dana-dana sedekah yang lain seperti zakat, nazar, kafarah dan fidyah. Ciri-cirinya yang fleksibel seperti tidak adanya had membuat sumbangan dan agihan menjadikannya sebagai instrumen kewangan yang paling relevan kepada institusi masjid. Oleh yang demikian, pengurusan dan penjanaaan wang derma awam ini perlu dilakukan dengan sistematik dan efektif agar ia mampu mendatangkan pulangan ekonomi kepada masjid dan masyarakat setempat. Justeru dalam bab ini pengkaji terlebih dahulu akan menjelaskan definisi, konsep dan ciri-ciri derma awam sebagai salah satu instrumen dana sedekah. Seterusnya kelebihan derma awam akan dihuraikan daripada perspektif ekonomi. Kajian diteruskan dengan melihat peranan dan fungsi institusi masjid secara menyeluruh sebelum difokuskan kepada aspek ekonomi. Aktiviti-aktiviti yang menjana ekonomi masjid turut dikemukakan sebelum diakhiri dengan kesimpulan bab.

2.1 DERMA AWAM

2.1.1 Derma Awam sebagai Dana Sedekah

Menurut Kamus Dewan, “derma” adalah merujuk kepada bantuan yang berupa wang, pemberian yang ikhlas dan sedekah kepada orang miskin dan lain-lain manakala “awam” pula merujuk kepada orang ramai secara keseluruhan yang tidak khusus kepada golongan tertentu.⁴⁷ Justeru derma awam bolehlah merujuk kepada sedekah atau pemberian ikhlas yang diberikan oleh orang ramai. Sedekah menurut bahasa Arab ialah sesuatu yang diberi bertujuan mendekatkan diri kepada Allah SWT dan bukan untuk kemuliaan.⁴⁸ Sedekah bermaksud fitrah, pemberian kepada fakir miskin, derma, bantuan berupa wang, dana, kenduri, jamuan khairat dan kebajikan.⁴⁹ Ia juga bermaksud harta yang diserahkan secara wajib atau sukarela kepada pihak lain untuk membantu pihak berkenaan dengan mengharapkan pahala daripada Allah SWT seperti zakat, pemberian kepada mangsa banjir atau orang kurang upaya, atau derma tabung masjid.⁵⁰ Ia merupakan pemberian yang diberikan seorang muslim kepada orang lain secara spontan, sukarela tanpa dibatasi oleh masa, kadar dan jumlah sebagai kebajikan yang mengharapkan keredaan dan pahala semata-mata.⁵¹

Menurut perspektif Islam sedekah ialah satu pemberian yang diniatkan bagi tujuan mendekatkan diri kepada Allah SWT bagi orang yang berhajat.⁵² Menurut Ibn Taimiyah pula, sedekah ialah memberi sebarang benda secara percuma untuk agama dengan tujuan

⁴⁷ *Kamus Dewan Edisi Keempat* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005).

⁴⁸ Ibrāhīm Anīs et al., *Al-Mu'jam al-Waṣīf* (Qāherah: t.p, 1972), 536.

⁴⁹ *Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan* (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd, 1995).

⁵⁰ Laman sesawang *Pusat Rujukan Persuratan Melayu Dewan Bahasa dan Pustaka*, dicapai 20hb September 2014, <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=sedekah>.

⁵¹ *Ensiklopedia Islam* (cet. Ke-3, Jakarta: PC Ihtiar Baru Van Hoere, 1994).

⁵² Ibn Qudāmah & al-Maqdisī, *al-Mughnī wa Yalīhī al-Sharḥ al-Kabīr* (Beirūt: Dār al-Kutub al-‘Arabī, t.t.), 6:246.

ibadat kepadaNya.⁵³ Definisi lain bagi sedekah ialah akad yang memberi pemilikan harta kepada pihak yang lain yang berhajat tanpa timbal balas untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT secara sukarela.⁵⁴

2.1.2 Asas Pensyariatian Sedekah

Segala bentuk kekuasaan pemilikan harta dan lain-lain kepunyaan manusia hanyalah sekadar pinjaman sementara waktu dan manusia hanya berperanan sebagai wakil atau pengganti. Sehubungan dengan itu Allah SWT telah memerintahkan seluruh umat manusia agar memberikan sumbangan daripada setiap kurniaan yang diletakkan di bawah jagaan manusia di samping Allah SWT turut menzahirkan kehairananNya di atas sifat manusia yang enggan bersedekah daripada hasil rezeki kurniaanNya.⁵⁵ Terdapat banyak nas al-Quran yang merujuk kepada amalan bersedekah, sebahagiannya ialah:

مَنْ ذَا الَّذِي يُقْرِضُ اللَّهَ قَرْضًا حَسَنًا فَيُضْعِفَهُ لَهُ أَضْعَافًا كَثِيرَةً وَاللَّهُ يَقْبِضُ وَيَبْضُطُ وَإِلَيْهِ تُرْجَعُونَ ﴿٢٤٥﴾

Al-Baqarah 2:245

Terjemahan: Siapakah orangnya yang (mahu) memberikan pinjaman kepada Allah SWT sebagai pinjaman yang baik (yang ikhlas) supaya Allah SWT melipat gandakan balasannya dengan berganda-ganda banyaknya? Dan (ingatlah), Allah SWT jualah Yang menyempit dan Yang meluaskan (pemberian rezeki) dan kepadaNyalah kamu semua dikembalikan.⁵⁶

⁵³ Ibn Taimiyah, *Mukhtaṣar Fatāwā* (Beirūt: t.p.,1985), 461.

⁵⁴ Abdullaah Jalil, “Konsep Wang Khairat (Derma/Sedekah) Menurut Perspektif Islam” (Bengkel Penyediaan Manual Pengurusan Wang Khairat (MPWK), JAWHAR, Port Dickson, 27-29hb November 2013).

⁵⁵ Yūsuf al-Qarḍawī, *Ciri-Ciri Unggul Masyarakat Islam Yang Kita Idamkan* terj. Mohammad Zaini Yahaya (Bandar Baru Bangi, Selangor: Penerbitan Seribu Dinar, 2000).

⁵⁶ Sheikh Abdullah Muhammad Basmeih, Muhammad Noor Ibrahim, ed., *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran* (Kuala Lumpur: Darul Fikir, 2000).

Begitu juga banyak hadits yang menjelaskan pensyariaan amalan bersedekah antaranya hadits yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah R.A bahwa Nabi Muhammad SAW bersabda:

مَنْ تَصَدَّقَ بِعَدْلِ تَمْرَةٍ مِنْ كَسْبٍ طَيِّبٍ وَلَا يَصْعَدُ إِلَى اللَّهِ إِلَّا الطَّيِّبُ فَإِنَّ اللَّهَ يَتَقَبَّلُهَا بِيَمِينِهِ ثُمَّ يُرَبِّيهَا لِصَاحِبِهَا كَمَا يُرَبِّي أَحَدَكُمْ فَلُوَّهُ حَتَّى يَكُونَ مِثْلَ الْجَبَلِ.

Terjemahan: Barangsiapa yang bersedekah dengan seberat tamar daripada hasil usaha yang baik, dan Allah SWT tidak menerima melainkan sesuatu yang baik, dan sesungguhnya Allah SWT akan menerimanya dengan kekuasaanNya. Kemudian Dia mengembangkannya bagi pemiliknya sepertimana salah seorang daripada kamu memelihara anak kudanya sehinggalah ia menjadi seumpama bukit.⁵⁷

2.1.3 Konsep Sedekah dalam Islam

Dalam Islam sedekah merupakan satu bentuk pemberian seseorang kepada orang lain yang mempunyai ciri-ciri dan konsep yang tersendiri. Sedekah berkonsepkan *tabarru'* di mana ia berunsurkan kebajikan dengan rela hati tanpa niat jual beli.⁵⁸ *Tabarru'* merujuk kepada semua pemberian yang dibuat secara sukarela sama ada ia berbentuk fizikal atau manfaat.⁵⁹ Selain itu juga konsep sedekah dalam Islam ialah kesederhanaan, berhemah dan tidak berlebih-lebihan. Ini bermakna sesuatu pemberian itu tidaklah dibuat dengan melampaui batas dan juga tidak kedekut. Hal ini berdasarkan firman Allah SWT dalam surah al-Furqan:

⁵⁷ Hadith riwayat al-Bukhārī, Kitab al-Tauhīd, Bab Qawl Allāh Ta 'ālā Ta'ruj al-Malā'ikah wa al-Rūh, no. 6992. Lihat juga Abū 'Abd Allāh Muḥammad ibn Ismā'īl ibn Ibrāhīm ibn al-Mughīrah ibn Bardizbah al-Ju'fī al-Bukhārī, Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, ed. Dr Mustofā Dīb al-Bughā (Beirūt: Dār Ibn Kathīr,1993) Jilid 6, 2702.

⁵⁸ Hailani Muji Tahir dan Sanep Ahmad, *Aplikasi Fiqh Muamalat dalam Sistem Kewangan Islam*, (Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA) Universiti Teknologi Mara, 2009), 261.

⁵⁹ Abdullaah Jalil dan Muhamad Muda, "Pengurusan Dana Sedekah Secara Sistematik: Analisa Peranan Institusi Kerajaan dan Swasta," *Jurnal Pengurusan JAWHAR*, Vol.2, No.1 (2008).

وَالَّذِينَ إِذَا أَنْفَقُوا لَمْ يُسْرِفُوا وَلَمْ يَقْتُرُوا وَكَانَ بَيْنَ ذَلِكَ قَوَامًا ﴿٦٧﴾

Al-Furqān 25:67

Terjemahan: Dan juga mereka (yang direndhai Allah SWT itu ialah) yang apabila membelanjakan hartanya, tiadalah melampaui batas dan tiada bakhil kedekut; dan (sebaliknya) perbelanjaan mereka adalah betul sederhana di antara kedua-dua cara (boros dan bakhil) itu.⁶⁰

Sedekah juga merupakan satu tindakan dan perbuatan yang lahir daripada sifat al-sakha' yang diertikan dengan kemurahan hati atau sifat dermawan. Ia merupakan satu sifat yang mulia yang berlawanan dengan sifat bakhil dan perlu disemai oleh umat Islam kerana ia memberi kesan positif kepada kedua-dua belah pihak sama ada pemberi dan penerima.⁶¹

Di antara ayat al-Quran yang menyeru ke arah sifat al-sakha' ini ialah:

وَالَّذِينَ تَبَوَّءُوا الدَّارَ وَالْإِيمَانَ مِنْ قَبْلِهِمْ يُحِبُّونَ مَنْ هَاجَرَ إِلَيْهِمْ وَلَا تَجِدُونَ فِي صُدُورِهِمْ حَاجَةً مِمَّا أُوتُوا وَيُؤْثِرُونَ عَلَىٰ أَنْفُسِهِمْ وَلَوْ كَانَ بِهِمْ خَصَاصَةٌ وَمَنْ يُوقِ شُحَّ نَفْسِهِ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿٩﴾

Al-Hasyr 59:9

Terjemahan: Dan orang-orang (Ansar) yang mendiami negeri (Madinah) serta beriman sebelum mereka, mengasihi orang-orang yang berhijrah ke negeri mereka, dan tidak ada pula dalam hati mereka perasaan berhajatkan apa yang telah diberi kepada orang-orang yang berhijrah itu; dan mereka juga mengutamakan orang-orang yang berhijrah itu lebih daripada diri mereka sendiri, sekalipun mereka dalam keadaan kekurangan dan amat berhajat. Dan (ingatlah), sesiapa yang menjaga serta memelihara dirinya

⁶⁰ Sheikh Abdullah Muhammad Basmeih, Muhammad Noor Ibrahim, ed., *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran* (Kuala Lumpur: Darul Fikir, 2000).

⁶¹ S.Salahudin Suyurno, Halipah Hamzah, "Membudayakan Konsep al-Sakha' dalam Ekonomi Masyarakat Islam" (Seminar Pengurusan Masjid Peringkat Kebangsaan 2004, Pusat Islam Jabatan Hal Ehwal Pelajar, UUM, Aseania Hotel Langkawi, 25-27hb September 2004).

daripada dipengaruhi oleh tabiat bakhilnya, maka merekalah orang-orang yang berjaya.⁶²

2.1.4 Kategori Sedekah dalam Islam

Ulama-ulama meletakkan kategori sedekah kepada pecahan yang berbeza. Menurut Wahbah Zuhaili (1985), sedekah dan hadiah termasuk dalam kategori hibah yang merujuk kepada suatu akad yang memberi faedah pemilikan tanpa sebarang pertukaran atau balasan sepanjang hayat secara sukarela.⁶³ Namun hadiah dan sedekah pula berbeza dari sudut tujuan pemberian di mana sedekah ialah suatu pemberian yang bertujuan untuk mendapat pahala di akhirat dan ia biasanya dari yang kaya kepada yang miskin manakala hadiah pula ialah pemberian untuk memuliakan seseorang dan biasanya ia ada hubung kait dengan sesuatu perkara.⁶⁴

Menurut Syeikh ‘Alī al-Jum‘ah (2000)⁶⁵ pula sedekah merupakan istilah umum yang merangkumi sedekah wajib dan sedekah sunat. Ia juga mempunyai beberapa makna iaitu:

1. Sedekah yang diwajibkan ke atas harta (zakat harta).
2. Sedekah yang diwajibkan ke atas individu (zakat fitrah).
3. Sedekah yang diwajibkan oleh seseorang ke atas diri sendiri (nazar).
4. Sedekah yang diwajibkan kerana hak Allah SWT iaitu fidyah dan kaffarah.
5. Sedekah sunat yang diberikan secara sukarela.

⁶² Sheikh Abdullah Muhammad Basmeih, Muhammad Noor Ibrahim, ed., *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran* (Kuala Lumpur: Darul Fikir, 2000).

⁶³ Wahbah al-Zuhailī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh* (Beirūt: Dār al-Fikr, 1985), 5:5.

⁶⁴ Mohd Zamro Muda, “Instrumen Hibah dan Wasiat: Analisis Hukum dan Aplikasi di Malaysia” *Jurnal Pengurusan JAWHAR* Vol. 3, No. 1 (2009), 106.

⁶⁵ Al-Jum‘ah, ‘Alī Ibn Muḥammad, *Mu‘jam al-Mustalahāt al-Iqtisadiyyah wa al-Islāmiyah* (Riyād: Maktabah al-‘Ubaykan, 2000).

Sehubungan dengan itu, dalam konteks kajian ini, wang daripada derma awam adalah termasuk dalam kategori sedekah sunat yang diberikan secara sukarela.

2.1.5 Peranan Sedekah dari Sudut Ekonomi

Sedekah merupakan satu instrumen kewangan Islam yang berperanan sebagai dana pelengkap dan penyokong kepada dana zakat dan dana-dana lain. Ia salah satu instrumen ekonomi sosial yang mampu memperbaiki keadaan ekonomi peringkat makro di samping memastikan pengaliran dana yang lebih efisien.⁶⁶ Selain daripada itu dana sedekah berperanan sebagai salah satu agen pengagihan kekayaan untuk pembangunan ekonomi ummah di mana agihan semula kekayaan ini baik dalam bentuk zakat, wakaf, sedekah dan sebagainya.⁶⁷ Agihan kekayaan ini merujuk kepada pengaliran harta dari sebahagian masyarakat kepada masyarakat yang lain sama ada dalam bentuk wang mahupun barangan dan ia merupakan satu tindakan yang perlu dilakukan oleh umat Islam yang mempunyai lebihan kekayaan.⁶⁸

Dari aspek pembangunan ekonomi, dana sedekah ini istimewa berbanding dengan dana-dana Islam lain disebabkan beberapa faktor. Menurut Muhammad Hisyam Mohamad (2014),⁶⁹ agihan pendapatan dalam bentuk sedekah sukarela lebih memberi kesan kebaikan kepada pembangunan ekonomi ummah berbanding sedekah berbentuk wajib (zakat) kerana sedekah berbentuk wajib (zakat) merupakan satu levi minima yang dikenakan ke atas harta atau pemilikan kaum muslimin justeru sudah tentu kesannya tidaklah sebaik sedekah

⁶⁶ Abdullaah Jalil dan Muhamad Muda, "Pengurusan Dana Sedekah Secara Sistemik: Analisa Peranan Institusi Kerajaan dan Swasta," *Jurnal Pengurusan JAWHAR*, Vol.2, No.1 (2008).

⁶⁷ Lihat Asmak Ab Rahman, Peranan Wakaf Dalam Pembangunan Ekonomi Umat Islam dan Aplikasinya di Malaysia, *Jurnal Syariah* Jil.17, Bil.1 (2009), 124-128.

⁶⁸ *Ibid.*

⁶⁹ Muhammad Hisyam Mohamad, Felo Pusat Ekonomi & Kajian Sosial Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) "Peranan Sedekah Dalam Pembangunan Negara", laman sesawang *Institut Kefahaman Islam Malaysia* dicapai 19hb September 2014, <http://www.ikim.gov.my/index.php/ms/utusan-malaysia/7898-peranan-sedekah-dalam-pembangunan-negara>.

sukarela yang tiada had minima mahupun had maksima untuk membuat sumbangan. Selain itu juga ia hanya bergantung kepada keikhlasan seseorang dan boleh dilakukan pada bila-bila masa tanpa mengira tempat dan boleh disalurkan untuk masyarakat umum. Wang-wang sedekah ini juga jika diuruskan di bawah satu badan khas ia boleh dikembangkan melalui alat-alat pelaburan yang ada di pasaran kewangan.

Menurut Abdullah Jalil dan Muhamad Muda (2008)⁷⁰ pula, dana sedekah ini merupakan dana sedekah yang unik berbanding instrumen kewangan Islam lain seperti zakat, wakaf, kaffarah dan sebagainya disebabkan sifatnya yang fleksibel di mana ia boleh diterima dan digunakan secara meluas tanpa terikat dengan syarat-syarat atau tujuan penyumbang. Beliau turut menyatakan beberapa kelebihan dana sedekah ini antaranya:

1. Sumbangan boleh diterima dan terbuka sepanjang masa.
2. Boleh dibuat dalam pelbagai bentuk dan jenis harta.
3. Tidak ditentukan jumlah sumbangannya.
4. Boleh diagihkan secara meluas tanpa syarat yang ketat.
5. Boleh disumbangkan oleh sesiapa sahaja.

Atas sebab-sebab yang dinyatakan di atas jelaslah membuktikan bahawa dana sedekah memainkan peranan yang amat penting dalam memastikan pembangunan ekonomi ummah secara keseluruhan dan sewajarnya ia diurus tadbir dengan sistematik dan berkesan.

⁷⁰ Abdullaah Jalil dan Muhamad Muda, "Pengurusan Dana Sedekah Secara Sistematik: Analisa Peranan Institusi Kerajaan dan Swasta," *Jurnal Pengurusan JAWHAR*, Vol.2, No.1 (2008).

2.1.6 Amalan Bersedekah di Masjid

Di Malaysia penggunaan istilah sedekah adalah berbeza berbanding penafsiran yang lebih luas dalam Islam. Sedekah yang dimaksudkan dan difahami oleh orang awam dalam konteks suasana dan budaya di Malaysia ialah sedekah yang sunat dan tidak termasuk dalam kategori sedekah yang wajib.⁷¹ Secara umumnya umat Islam sentiasa bersedia untuk memberi sumbangan sama ada dalam bentuk tenaga atau daripada aspek harta jika dikaitkan dengan institusi masjid. Ini kerana masjid merupakan institusi akar umbi gerakan masyarakat di mana hubungannya dengan umat Islam tidak dapat dipisahkan.⁷² Amalan sedekah di masjid juga sudah menjadi sinonim dan sehati dalam amalan dan kebiasaan masyarakat Islam disebabkan masjid dianggap sebagai satu institusi yang menguruskan kepentingan orang Islam semasa hidup dan juga mati, maka atas sebab itu masjid sentiasa tidak putus-putus menerima derma dan sedekah.⁷³ Amalan bersedekah di masjid dilakukan dengan memasukkan wang ringgit ke dalam ke dalam tabung-tabung yang disediakan dan wang ini turut dikenali dengan nama wang khairat. Wang khairat adalah sedekah yang dilakukan dalam bentuk wang bagi tujuan kebaikan dan mendekatkan diri kepada Allah SWT.⁷⁴

Istimewanya institusi masjid adalah disebabkan kuasa khas yang diberi oleh Majlis Agama Islam Negeri untuk membuat kutipan dan memungut wang daripada orang awam. Ia telah dinyatakan secara jelas dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam atau Undang-

⁷¹ *Ibid.*

⁷² Hasan Bahrom "Menjana Sumber Kewangan Masjid Pemangkin Pembangunan Ekonomi Ummah," dalam *Pengurusan Berkualiti Memacu Kecemerlangan Pengurusan Masjid*, ed. Mohd. Ismail Mustari dan Kamarul Azmi Jasmi (Skudai: Universiti Teknologi Malaysia, 2008), 81.

⁷³ Joni Tamkin Borhan, Mohd Yahya Mohd Hussin, Fidlizan Muhammad dan Mohd Fauzi Abu @ Hussin, "Membentuk Usahawan Muslim: Peranan Dana Masjid," *al-Basirah Jurnal Akademi Pengajian Islam Nilam Puri, Universiti Malaya*, Jilid 1, Bilangan 1 (Disember 2011), 55.

⁷⁴ Abdullaah Jalil, "Konsep Wang Khairat Menurut Perspektif Islam" (Bengkel Penyediaan Manual Pengurusan Wang Khairat (MPWK) JAWHAR, Port Dickson, 27-29hb November 2013), 1.

Undang Pentadbiran Hukum Syarak yang diwartakan oleh setiap negeri di Malaysia.⁷⁵ Justeru jawatankuasa yang telah dibentuk di masjid diberi kuasa untuk mengadakan kutipan wang dalam bentuk khairat kebajikan masjid yang dikutip melalui tabung masjid, kutipan Jumaat, kutipan pada hari kebesaran Islam. Maka atas sebab ini wang sedekah menjadi salah satu sumber pendapatan utama masjid dan ia menjadi sumber dana tradisi terutamanya melalui kutipan daripada tabung-tabung Jumaat dan dua hari raya.⁷⁶ Terdapat juga bentuk derma yang dibuat oleh orang-orang tertentu dalam bentuk bulanan sama ada secara tunai atau menyelesaikan bil-bil api dan air yang digunakan oleh masjid.⁷⁷ Sebilangan masjid turut memperolehi dana melalui sumbangan wang dan wang zakat daripada badan-badan korporat dan keadaan ini menjadikan institusi masjid mempunyai jumlah dana yang banyak terutama masjid-masjid yang terletak di kawasan bandar.⁷⁸

Kepentingan dana sedekah ini turut dibuktikan melalui kajian yang dilakukan oleh Sanep Ahmad (2001) terhadap 73 buah masjid yang dikaji pada tahun 1999 di mana didapati hampir 50% daripada jumlah pendapatan institusi masjid terhasil daripada kutipan sedekah tabung jumaat manakala bakinya daripada pelbagai sumber pendapatan dari aset fizikal dan kewangan.⁷⁹ Justeru, dapatan dan bukti yang dikemukakan ini jelas

⁷⁵ Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan), 1993 (Akta No.505 Bahagian viii, Seksyen 84, Pungutan Khairat). Lihat juga Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, 1994 (Bahagian 3, Seksyen 67, Pungutan Khairat).

⁷⁶ Asharaf Mohd Ramli, Abdullaah Jalil, Norman Hamdan, Asmaddy Haris, Mohd. Aizuddin Abd. Aziz, "Kerangka Pengurusan Ekonomi dan Kewangan Masjid: Satu Analisa" (Islamic Economic System iECONS 2009 Conference, Universiti Sains Islam Malaysia, 15-16hb Julai 2009), 11.

⁷⁷ Hasan Bahrom "Menjana Sumber Kewangan Masjid Pemangkin Pembangunan Ekonomi Ummah," dalam *Pengurusan Berkualiti Memacu Kecemerlangan Pengurusan Masjid*, ed. Mohd. Ismail Mustari dan Kamarul Azmi Jasmi (Skudai: Universiti Teknologi Malaysia, 2008), 93.

⁷⁸ Mohd Yahya Mohd Hussin, Fidlizan Muhammad, Azila Abdul Razak, Nurul Fadly Habidin dan Syed Ismail Syed Mohamad, "Eksplorasi Dana Kewangan Masjid di Negeri Perak" (Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VII (PERKEM VII), Transformasi Ekonomi Dan Sosial Ke Arah Negara Maju, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan Universiti Kebangsaan Malaysia, Ipoh, Perak, 4 – 6hb Jun 2012), 1276.

⁷⁹ Sanep Ahmad, Jaafar Ahmad, Mariani Abd Majid dan Hairunnizam Wahid, "Dana dan Harta Masjid di Malaysia: Ke Arah Pengurusan Strategik" (National Workshop on Capacity Building Towards Excellence in Econ. Research & Policy Formulation, Fakulti Ekonomi UKM, 23-24hb April 2001), 1-13.

menunjukkan wang daripada derma awam ke dalam tabung-tabung masjid merupakan sumber dana penting bagi institusi masjid.

2.2 PENJANAAN EKONOMI MASJID

2.2.1 Definisi Masjid

Masjid merupakan satu perkataan yang berasal daripada perkataan arab iaitu “*masjid*” yang memberi makna tempat bersujud. Ia diambil daripada kata nama “*sajada*” yang bermakna meletakkan dahi ke bumi.⁸⁰ Manakala dalam Kamus Dewan⁸¹ pula masjid diertikan sebagai bangunan khas tempat umat Islam melakukan solat Jumaat dan ibadah-ibadah lain. Menurut Yusuf al-Qaradawi (1995)⁸² masjid merupakan tempat solat dan tempat bagi segala perkara yang berhubung atau berkaitan dengan umat Islam.

Masjid dalam konteks pemakaian istilah pula diertikan sebagai sebuah kawasan yang mempunyai bangunan diperbuat daripada batu atau kayu tetapi dikhaskan dan diniatkan untuk masjid. Masjid merupakan sebuah bangunan tempat orang Islam sujud ketika sembahyang yang biasanya mempunyai mimbar, mihrab, menara dan sebagainya. Dalam istilah lain masjid juga merupakan satu binaan untuk solat berjemaah, solat Jumaat, beriktikaf dan mempunyai kehormatan yang tertentu.⁸³

⁸⁰ Ibn Manzūr Jamāluddīn Muḥammad Mukarram, *Lisān al-Lisān Tahzīb Lisān al-‘Arab* (Beirūt, Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1993), 1: 577.

⁸¹ *Kamus Dewan Edisi Ketiga 2000* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000), 864.

⁸² Yūsuf al-Qarḍawī, *al-‘Ibādah fi al-Islām* (Qāherah: Maktabah Wahbah, 1995), 56.

⁸³ Abdullah Mat, Muhyidin Aziz *Konsep dan Falsafah Masjid*, Norrodzah Hj Siren, Yusmini Md. Yusoff, ed., dlm *Membangun Institusi Masjid* (Kuala Lumpur: Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2003).

2.2.2 Fungsi Masjid pada Zaman Awal Islam

Pada zaman Rasulullah SAW, masjid merupakan tempat suci untuk membersihkan diri dan jiwa seseorang muslim. Sebelum kedatangan Islam, arab jahiliah telah menjadikan Kaabah sebagai tempat penyembahan berhala. Setelah tertegaknya Islam semua berhala tersebut telah dimusnahkan dan Kaabah telah dijadikan tempat ibadah umat Islam untuk menyembah Allah SWT Yang Maha Esa.⁸⁴ Umumnya masjid berfungsi sebagai tempat suci umat Islam melakukan ibadah khusus seperti solat fardu, solat sunat, berzikir dan ibadah-ibadah lain. Rasulullah SAW mengambil pendekatan menggalakkan umatnya mengerjakan ibadat solat fardu dan sunat di masjid-masjid bagi memastikan masjid menjadi tempat yang sentiasa dikunjungi dan dimakmurkan oleh umat Islam.⁸⁵ Hal ini bertepatan dengan firman Allah SWT:

إِنَّمَا يَعْمُرُ مَسْجِدَ اللَّهِ مَن ءَامَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَأَقَامَ الصَّلَاةَ وَءَاتَى الزَّكَاةَ وَلَمْ يَحْشَ إِلَّا اللَّهَ فَعَسَىٰ أُولَٰئِكَ أَن يَكُونُوا مِنَ الْمُهْتَدِينَ ﴿٩﴾

Al-Taubah 9:18

Terjemahan: Hanya sanya yang layak memakmurkan (menghidupkan) masjid-masjid Allah SWT itu ialah orang-orang yang beriman kepada Allah SWT hari akhirat serta mendirikan sembahyang dan menunaikan zakat dan tidak takut melainkan kepada Allah SWT (dengan adanya sifat-sifat yang tersebut) maka adalah diharapkan mereka menjadi daripada golongan yang mendapat petunjuk.⁸⁶

⁸⁴ Zakiah Samori dan Amal Hayati Ishak, "Sistem Pengurusan Kewangan di Masjid Putra, Putrajaya & Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: Satu Kajian Perbandingan", (Prosiding Seminar Kebangsaan Tamadun Islam 2009, Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU) UITM Perak, Hotel Impiana Ipoh, 8-9hb Disember 2009), 220.

⁸⁵ Joni Tamkin Borhan dan Che Zarrina Sa'ari, "Pembangunan Ekonomi Masjid" (Seminar Pembangunan Masjid, Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Dewan Kuliah Utama APIUM, 28hb Disember 2002), 4.

⁸⁶ Sheikh Abdullah Muhammad Basmeih, Muhammad Noor Ibrahim, ed., *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran* (Kuala Lumpur: Darul Fikir, 2000).

Menyusuri sejarah Islam, masjid bukan hanya berperanan sebagai sebuah tempat umat Islam melakukan ibadat-ibadat khusus seperti sembahyang, membaca al-Quran, berzikir dan seumpamanya bahkan ia telah dijadikan pusat pembangunan masyarakat Islam yang lebih menyeluruh. Oleh sebab itu usaha pertama yang dilakukan oleh Rasulullah SAW bagi membentuk masyarakat dan negara Islam di Madinah ialah dengan mendirikan masjid. Masjid Nabawi di Madinah telah menjadi nadi kepada segala kegiatan penting di zaman Rasulullah SAW, di mana baginda mendidik umatnya supaya dapat mengatur urusan kehidupan dan agama dalam segenap keadaan.⁸⁷ Bermulanya masjid sebagai tempat pembinaan peribadi muslim, pembangunan keluarga, pembangunan masyarakat seterusnya kepada pembentukan negara Islam yang menjadi payung kepada pembangunan insan keseluruhannya.⁸⁸ Masjid pada ketika itu menjadi institusi penyatuan umat Islam dalam pelbagai bidang. Umumnya, ketika saat kegemilangan pemerintahan kerajaan Islam, masjid dijadikan sebagai pusat rujukan utama melibatkan soal pentadbiran kerajaan, kewangan dan ekonomi, keagamaan, perundangan, institusi sosial, dan sebagainya. Fungsi yang komprehensif ini menjadikan masjid sebagai pusat tumpuan masyarakat. Faktor ini dikuatkan atas kapasiti masjid yang amat luas ruang lingkupnya di mana ia sebuah institusi yang boleh menghimpunkan seluruh umat Islam.⁸⁹

Masjid turut dijadikan sebagai pusat kehakiman di mana baginda melaksanakan prosiding kehakiman dan perlaksanaan hukuman kepada pesalah-pesalah yang telah terbukti bersalah.⁹⁰ Selain itu juga masjid juga turut berfungsi sebagai pusat rawatan dan

⁸⁷ Lokman Ab. Rahman dan Musa Ahmad, *Pengantar Sains Pengurusan Masjid* (Melaka: Majlis Agama Islam Melaka, 1996), 57.

⁸⁸ 'Alī 'Abd al-Ḥalīm Maḥmūd, *al-Masjid wa Athruhū fī al-Mujtama' al-Islāmī* (Mesir: Dār al-Ma'ārif, t.t), 13.

⁸⁹ Mohd Yahya Mohd Hussin, Fidlizan Muhammad dan Mohd Yazid Isa, "Dana Masjid Menjana Ekonomi Ummah," *Jurnal Muamalat*, Bil.4 (2011), 199-200.

⁹⁰ Zakiah Samori dan Amal Hayati Ishak, *Sistem Pengurusan Kewangan di Masjid Putra, Putrajaya & Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: Satu Kajian Perbandingan* (Prosiding Seminar Kebangsaan

kebajikan di mana ia dibuktikan apabila seorang wanita bernama Rufaidah yang merupakan sahabat Nabi SAW secara sukarela menjadikan Masjid Nabawi di Madinah sebagai pusat memberikan rawatan percuma kepada orang yang sakit. Rufaidah telah merawat Saad bin Muaz sehingga Saad meninggal dunia. Rufaidah telah dinobatkan dalam sebuah biografi sebagai seorang wanita yang mengabdikan dirinya untuk merawat masyarakat Islam yang sakit di Masjid Nabawi.⁹¹ Masjid juga berfungsi sebagai pusat kegiatan kesusasteraan dan persuratan Islam di mana terdapat para sahabat nabi yang menyampaikan syairnya di dalam masjid memuji kebesaran Allah SWT dan kemuliaan Rasulullah Muhammad SAW.⁹²

Menurut Zulkifli Mohd Yusoff (2004) pula, masjid bukan lagi sebagai tempat umat Islam menunaikan ibadah solat semata-mata malah melangkau lebih jauh dari itu. Tanpa dinafikan ia merupakan tempat ibadah, ia perlu juga diterima sebagai tempat membudayakan cara hidup Islam secara menyeluruh. Masjid merupakan pusat penyebaran dakwah, pusat sumber maklumat, persaudaraan dan meringankan masalah sesama kariah. Selain itu masjid merupakan “*centre*” melahirkan rasa kasih dan terima kasih sesama kariah.⁹³ Pendek kata pada zaman kegemilangan Islam, masjid adalah sebuah institusi umat Islam yang berfungsi menjadi pemangkin setiap kegiatan masyarakat.⁹⁴ Fungsi dan peranannya terbukti amat luas mencakupi setiap aspek sama ada ibadah, ilmu, politik, ekonomi, ketenteraan, pentadbiran, pembentukan dasar negara, perhubungan antara negara

Tamadun Islam 2009, Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU) UITM Perak, 8-9hb Disember 2009, Hotel Impiana Ipoh), 220.

⁹¹ *Ibid.*

⁹² Mohd Mokhtar Shafii, “Masjid sebagai Pusat Pendidikan dan Penjanaan Ummat Cemerlang,” *Jurnal Pendidikan Islam*, Jilid 10, Bil.3, 49.

⁹³ Zulkifli Mohd Yusoff, “Pengurusan Masjid di bawah Wahyu: Analisa Terhadap Ayat-Ayat dan Hadith-Hadith Pilihan” (Prosiding Seminar Kebangsaan Pengurusan Masjid 2004, Pusat Islam Jabatan Hal Ehwal Pelajar Universiti Utara Malaysia, 25-27hb September 2004).

⁹⁴ Muhammad Hisyam Mohamad, “Mengembalikan Fungsi Peranan Institusi Masjid,” laman sesawang *Institut Kefahaman Islam Malaysia*, dicapai 21hb Mac 2014, <http://e-kiosk.ikim.gov.my/Articledetails.asp?ID=754>

dan sebagainya.⁹⁵ Walau bagaimanapun, fungsi dan peranan masjid mengalami perubahan dari semasa ke semasa sesuai dengan peredaran zaman dan tamadun manusia. Fungsi masjid berubah ketika zaman kegemilangan dan tamadun Islam berlalu di waktu umat Islam menjadi mundur dalam segenap aspek kehidupan.⁹⁶

2.2.3 Fungsi Masjid pada Masa Kini

Tidak seperti peranannya pada peringkat awal Islam, masjid pada masa kini tidak lagi dianggap sebagai institusi yang berperanan besar dalam membina peradaban manusia.⁹⁷ Peredaran masa dan zaman menyebabkan fungsi menyeluruh yang pernah dimainkan oleh institusi masjid pada zaman Rasulullah SAW sedikit demi sedikit terhakis. Tanggapan masyarakat terhadap masjid kini hanya tertumpu sebagai pusat kerohanian dan keagamaan semata-mata. Seseengah masjid pula hanya berperanan sebagai tempat beribadat dan sesekali akan dijadikan tempat untuk menyambut perayaan di dalam Islam. Di seseengah tempat pula selepas solat jemaah ditunaikan, masjid terus dikunci untuk tujuan keselamatan dan tinggallah masjid sepi tanpa pengunjung sehingga tiba waktu solat berikutnya.⁹⁸ Walau bagaimanapun terdapat beberapa fungsi masjid berkekalan secara tradisi sehingga ke hari ini. Fungsi masjid daripada aspek menyediakan pusat pendidikan, tarbiah dan aktiviti sosial tidak banyak berubah dari dahulu hingga sekarang, malah fungsi ini seiring dengan perkembangan semasa kehidupan umat Islam. Ibu bapa menjadikan masjid sebagai sebuah tempat latihan bagi kanak-kanak agar hati mereka terikat dan terbiasa untuk pergi ke

⁹⁵ Lokman Ab. Rahman dan Musa Ahmad, *Pengantar Sains Pengurusan Masjid* (Melaka: Majlis Agama Islam Melaka, 1996), 57.

⁹⁶ Yūsuf al-Qarḍawī, *Fatwa Masa Kini: Fatāwā Mu'aṣirah*, ter. Sidi Ahmad et al., (Kuala Lumpur: Pustaka Salam, 1991).

⁹⁷ *Ibid.*

⁹⁸ Asmak Ali, "Masjid dan Peranannya dalam Membendung Gejala Sosial" (Prosiding Seminar Kebangsaan Pengurusan Masjid 2004, Pusat Islam Jabatan Hal Ehwal Pelajar Universiti Utara Malaysia, 25-27hb September 2004).

masjid. Selain itu juga pusat tarbiah peringkat awal kanak-kanak atau dikenali dengan tadika dan taska ditubuhkan di sebahagian masjid. Manakala masjid-masjid yang berada di tepi jalan raya menjadi pusat transit atau tempat singgahnya bas-bas ekspres untuk menumpangkan penumpangnya solat musafir dan menggunakan kemudahan tandas.⁹⁹

Menurut Roslan Mohamed (2004),¹⁰⁰ secara umumnya dalam konteks perkembangan institusi masjid semasa, aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh setiap masjid dapat disimpulkan kepada aktiviti asas dan aktiviti sekunder. Aktiviti asas yang dilakukan oleh masjid ialah solat jemaah lima waktu, solat Jumaat mingguan, solat jenazah, ceramah-ceramah ilmu, aktiviti ibadat dalam bulan Ramadhan, dan aktiviti korban sekali setahun. Aktiviti sekunder pula seperti mengadakan hari sambutan kebesaran Islam seperti maal hijrah, maulidur rasul, majlis akad nikah, dan majlis doa selamat. Shukri Ahmad dan Mohamad Khadafi Rofie (2004)¹⁰¹ pula menyatakan terdapat sembilan fungsi masjid sebagai tempat ibadah umum, tempat pembelajaran, sekolah formal, perpustakaan, tempat percetakan dan pengedaran buku-buku, tempat penyempurnaan upacara perkahwinan, destinasi pelancongan dan tempat mengadakan jamuan. Ringkasnya program-program berbentuk inilah yang dijadikan kemestian bagi setiap masjid di negara kita.

Berdasarkan Kod Amalan Pengurusan Masjid Jabatan Kemajuan Islam Malaysia JAKIM,¹⁰² fungsi masjid terbahagi kepada lima aspek utama iaitu tempat ibadah, tempat

⁹⁹ Lokman Zulkifli "Penjanaan Kegiatan Ekonomi Institusi Masjid," dalam *Islam Hadhari Kekuatan Masjid Dalam Menjana Masyarakat Gemilang*, ed. Tan Sri Dato' Dr Abd. Hamid Othman (Putrajaya: Yayasan Islam Hadhari, 2007), 277.

¹⁰⁰ Roslan Mohamed, *Memperkasa Masjid sebagai Institusi Pembangunan Insan* (Prosiding Seminar Kebangsaan Pengurusan Masjid 2004, Pusat Islam Jabatan Hal Ehwal Pelajar Universiti Utara Malaysia, 25-27hb September 2004).

¹⁰¹ Shukri Ahmad dan Mohamad Khadafi Rofie, *Memasjidkan Masyarakat dan Memasyarakatkan Masjid* (Prosiding Seminar Kebangsaan Pengurusan Masjid 2004, Pusat Islam Jabatan Hal Ehwal Pelajar Universiti Utara Malaysia, 25-27hb September 2004).

¹⁰² Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, *Kod Amalan Pengurusan Masjid* (Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2004), 4.

mencari ilmu, pusat kegiatan masyarakat, pusat runding cara dan pusat syura umat Islam manakala peranan masjid pula ialah:

1. Menggerak dan menjalankan serta mengawal semua aktiviti keagamaan seperti syarahan agama, ceramah, muzakarah dakwah, kursus, seminar, perhimpunan, taklimat dan majlis-majlis keagamaan dan sambutan hari-hari kebesaran Islam dari semasa ke semasa.
2. Menjalankan daya usaha untuk mengekal, memperbaiki dan mengukuhkan persaudaraan dan perpaduan masyarakat Islam dan berusaha mencari jalan untuk meningkatkan taraf hidup dan ekonomi orang Islam, serta melahirkan masyarakat bertakwa kepada Allah SWT.

2.2.4 Analisis Perbandingan Fungsi-Fungsi Masjid

Melihat kepada institusi masjid pada zaman awal Islam dan pada masa kini ternyata terdapat beberapa perbezaan daripada aspek fungsi-fungsi dan peranan yang dimainkan terhadap masyarakat. Secara ringkas perbandingan fungsi-fungsinya adalah seperti berikut:

Jadual 2.1: Fungsi-Fungsi Masjid pada Zaman Awal Islam dan Zaman Kini

Fungsi Masjid pada Awal Islam	Fungsi Masjid Masa Kini
Pusat Ibadah	Pusat Ibadah
Pusat Tarbiah	Pusat Tarbiah
Pusat Ilmu	Pusat Ilmu
Pusat Aktiviti Sosial & Masyarakat	Pusat Aktiviti Sosial & Masyarakat
Pusat Pentadbiran Negara & Politik	Pusat Pelancongan
Pusat Ketenteraan	Pusat Ekonomi
Mahkamah	
Pusat Kesusasteraan	
Baitulmal	
Pusat Ekonomi	

Berdasarkan kepada jadual perbandingan di atas ternyata fungsi-fungsi institusi masjid pada zaman awal Islam lebih komprehensif dan menyeluruh di mana merangkumi aspek duniawi dan ukhrawi. Fungsi-fungsi masjid pada ketika ini pula semakin berkurangan dan lebih cenderung kepada pusat ibadah dan keagamaan umat Islam. Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan fungsi institusi masjid pada ketika ini tidak mampu berperanan sepertimana pada peringkat zaman awal Islam antaranya ialah dengan kewujudan jabatan-jabatan dan institusi-institusi khas tertentu yang mengambil alih fungsi-fungsi masjid.¹⁰³ Walaupun pengasingan fungsi dan bidang kuasa ini dilakukan dengan tujuan untuk meningkatkan kecekapan dan penambahbaikan dari sudut pengurusan organisasi namun keadaan ini telah menimbulkan satu senario yang menyamai “status quo” bagi setiap institusi masjid.¹⁰⁴

Selain daripada itu dasar-dasar pemerintah atau kerajaan dalam menentukan hala tuju sesebuah masjid turut mempengaruhi kecenderungan masjid terhadap fungsi yang khusus mengikut identitinya. Contohnya masjid-masjid utama di bawah pentadbiran pusat mempunyai ikon dan identiti yang tersendiri. Masjid Negara merupakan bangunan warisan yang menjadi tempat melaksanakan program-program rasmi agama peringkat persekutuan. Masjid Putra di Putrajaya dengan identitinya sebagai masjid pelancongan manakala Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin Putrajaya pula sebagai masjid antarabangsa yang menyajikan program-program berstatus antarabangsa.¹⁰⁵

¹⁰³ Peranan masjid sebagai pusat pengumpulan dan pengagihan harta kini dilakukan oleh baitulmal. Peranan sebagai pusat perkembangan ilmu pengetahuan diambil alih oleh pusat-pusat pengajian awam dan swasta, peranan dari aspek ketenteraan pula diambil alih oleh Kementerian Pertahanan dan peranan sebagai pusat kehakiman diambil alih oleh mahkamah.

¹⁰⁴ Mohd Yahya Mohd Hussin, Fidlizan Muhammad, Azila Abdul Razak, Nurul Fadly Habidin dan Syed Ismail Syed Mohamad, “Eksplorasi Dana Kewangan Masjid di Negeri Perak” (Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VII (PERKEM VII), Transformasi Ekonomi dan Sosial Ke Arah Negara Maju, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan Universiti Kebangsaan Malaysia, Ipoh, Perak, 4 – 6hb Jun 2012), 1275.

¹⁰⁵ “Wawancara Khas Sempena Tahun Baru Hijrah”, *Suara Masjid Jabatan Kemajuan Islam Malaysia*, Bil.100 tahun 2012, 11.

Antara faktor-faktor lain yang menyebabkan fungsi-fungsi masjid statik dan tidak dapat diperluaskan ialah sikap sebahagian pentadbir masjid yang tidak mahu berubah dan lebih selesa untuk meneruskan aktiviti-aktiviti sedia ada. Ketiadaan kegiatan yang bercorak kebudayaan, ekonomi, sosial dan sebagainya merupakan faktor-faktor lain yang menjauhkan masyarakat terutama golongan muda untuk ke masjid sedangkan unsur-unsur ini diperlukan oleh fitrah manusia. Justeru masjid dilihat hilang daya pesona untuk menarik masyarakat kerana senario pada hari ini melihat masyarakat berminat ke sebuah tempat yang ada menyediakan pelbagai keperluan mental dan fizikal di bawah satu bumbung.¹⁰⁶

2.2.5 Masjid Sebagai Pusat Ekonomi

Menyoroti sejarah awal Islam, hubungan di antara masjid dan ekonomi tidak dapat dipisahkan mengambil kira peranan dan fungsi masjid yang cukup dinamik. Antara usaha-usaha awal yang dilakukan oleh Nabi Muhammad SAW selepas hijrah baginda dan umat Islam dari Mekah ke Madinah ialah pembinaan masjid. Pembinaan Masjid Quba' sebagai masjid pertama dalam sejarah Islam ini berlaku pada tahun 622 Masihi.¹⁰⁷ Rasulullah SAW juga menubuhkan sebuah pasar (*sūq*) Islam di Madinah berdekatan dengan Masjid Nabi. Maka tidak hairan apabila diperkatakan bahawa aktiviti perdagangan ini muncul berikutan daripada pembangunan institusi masjid. Apabila berlaku pemusatan aktiviti di masjid, ia turut membawa kepada pemusatan pasar-pasar di sekitarnya.¹⁰⁸ Jalinan dan hubungan antara masjid dan ekonomi ini turut melahirkan sejumlah tokoh besar yang berjaya dalam

¹⁰⁶ "Kelesuan Institusi Masjid," laman sesawang *Institut Kefahaman Islam Malaysia*, dicapai 12hb Mac 2014, <http://www.ikim.gov.my/index.php/en/berita-harian/7322-kelesuan-institusi-masjid>.

¹⁰⁷ Mahyuddin Yahya, *Tamadun Islam*, ed. ke-4 (Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1998), 435.

¹⁰⁸ Lihat Ahmad Zaki Abdul Latiff, *Perbandaran di Timur Tengah: Kesannya Terhadap Masyarakat Islam Abad I-III Hijrah* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1997).

bidang perniagaan dan perdagangan antaranya ialah ‘Abd al-Raḥmān bin ‘Awf¹⁰⁹ dan Saydinā Uthmān bin ‘Affān.¹¹⁰ Hubungan yang signifikan antara masjid dan ekonomi ini jelas terbukti melalui firman Allah SWT:

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا اِذَا نُودِيَ لِلصَّلٰوةِ مِنْ يَوْمِ الْجُمُعَةِ فَاسْعَوْا اِلَىٰ ذِكْرِ اللّٰهِ وَذَرُوْا
الْبَيْعَ ۗ ذٰلِكُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ اِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُوْنَ ﴿٩٩﴾ فَاِذَا قُضِيَتِ الصَّلٰوةُ فَانْتَشِرُوْا فِي
الْاَرْضِ وَابْتَغُوْا مِنْ فَضْلِ اللّٰهِ وَاذْكُرُوْا اللّٰهَ كَثِيْرًا لَّعَلَّكُمْ تُفْلِحُوْنَ ﴿١٠٠﴾

Al-Jumu'ah 62: 9-10

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman! Apabila diserukan azan (bang) untuk mengerjakan sembahyang pada hari Jumaat, maka segeralah kamu pergi (ke masjid) untuk mengingati Allah SWT (dengan mengerjakan sembahyang Jumaat) dan tinggalkanlah berjual-beli (pada saat itu); yang demikian adalah baik bagi kamu, jika kamu mengetahui (hakikat yang sebenarnya). Kemudian setelah selesai sembahyang, maka bertebaranlah kamu di muka bumi (untuk menjalankan urusan masing-masing), dan carilah apa yang kamu hajati daripada limpah kurnia Allah SWT, serta ingatlah akan Allah SWT banyak-banyak (dalam segala keadaan), supaya kamu berjaya (di dunia dan di akhirat).¹¹¹

Pada zaman Rasulullah SAW masjid dijadikan sebagai pusat pengembangan ekonomi umat Islam. Sebarang bentuk sistem ekonomi dibentang dan diselaraskan di masjid, malah masjid pada ketika itu dijadikan pusat pemantauan ekonomi umat Islam. Para pedagang menjadikan masjid sebagai tempat pertemuan untuk bertukar-tukar

¹⁰⁹ ‘Abd al-Raḥmān bin ‘Awf merupakan salah seorang sahabat yang sangat mahir dan berkebolehan dalam perniagaan. Beliau yang tidak mempunyai sebarang harta selepas berhijrah memilih untuk berniaga dan telah memulakan perniagaan terawal di pasar yang diasaskan oleh nabi. Akhirnya beliau menjadi antara peniaga yang terkaya pada ketika itu. Khālid Muḥammad Khālid, *Rijāl Ḥaula al-Rasūl* (al-Qāhirah: Dār al Kutub al- Hadīthah, 1968), 642.

¹¹⁰ Saydina Uthman juga merupakan usahawan yang berjaya di kalangan sahabat. Hasil kejayaan dan kekayaan dalam perniagaan membolehkan beliau menyumbang makanan asasi seperti gandum, minyak dan kismis sejumlah muatan 1000 ekor unta kepada umat Islam ketika berlaku kemelesetan ekonomi pada zaman pemerintahan Saydina Abu Bakar. Muḥammad Yūsuf al Kandahlawī, *Ḥayāh al-Ṣaḥābah* (Mesir: Dār al-Wa’yi, t.t.), 2:97.

¹¹¹ Sheikh Abdullah Muhammad Basmeih, Muhammad Noor Ibrahim, ed., *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran* (Kuala Lumpur: Darul Fikir, 2000).

pandangan dan pendapat berkaitan perniagaan malah saudagar luar yang hendak berurusan dengan peniaga sama ada di Madinah atau di Mekah akan berurusan di masjid.¹¹² Peranan masjid selaku pusat pengembangan ekonomi terbukti dengan kewujudan premis-premis perniagaan dan aktiviti-aktiviti ekonomi yang dijalankan di sekeliling Masjid Quba', Masjid Nabawi dan Masjidilharam. Aktiviti perniagaan ini berjalan semenjak zaman Rasulullah SAW sehingga pada hari ini. Ini bermakna Masjid Nabawi dan Masjidilharam telah dan sedang memainkan peranan yang sangat hebat dalam menjana kegiatan ekonomi ummah.¹¹³ Masjid Nabawi yang menjadi nadi kepada segala aktiviti kerohanian dan jasmani seperti politik, ekonomi, pentadbiran, ketenteraan, perhubungan antarabangsa menuntut kepada keperluan dana untuk membiayainya, justeru Rasulullah SAW menjadikan Masjid Nabawi sebagai pusat pengumpulan dana-dana infak dan berperanan sebagai baitulmal bagi menyediakan dana untuk keperluan bagi aktiviti-aktiviti tersebut.¹¹⁴

Selain daripada itu, masjid dijadikan sebagai tempat mengumpul dana dan menyalurkannya kepada unit ekonomi yang defisit. Dengan erti kata lain pemindahan kekayaan atau dana daripada kelompok yang mempunyai lebihan (*surplus*) kepada golongan yang kekurangan (*deficit*) dilakukan melalui institusi masjid.¹¹⁵ Ia bermaksud masjid pada ketika itu juga berfungsi sebagai pusat pengumpulan dan pemberian zakat,

¹¹² Hasan Bahrom "Menjana Sumber Kewangan Masjid Pemangkin Pembangunan Ekonomi Ummah," dalam *Pengurusan Berkualiti Memacu Kecemerlangan Pengurusan Masjid*, ed. Mohd. Ismail Mustari dan Kamarul Azmi Jasmi (Skudai: Universiti Teknologi Malaysia, 2008), 92.

¹¹³ Lokman Zulkifli "Penjanaan Kegiatan Ekonomi Institusi Masjid," dalam *Islam Hadhari Kekuatan Masjid Dalam Menjana Masyarakat Gemilang*, ed. Tan Sri Dato' Dr Abd. Hamid Othman (Putrajaya: Yayasan Islam Hadhari, 2007), 285.

¹¹⁴ Nik Kamal Wan Muhamad, Shah Rul Anuar Nordin, Ahmad Sharifuddin Mustapha, Mohd Zamerey Abdul Razak, "Potensi Pengukuhan Ekonomi Institusi Masjid," dalam *Islam Hadhari Kekuatan Masjid Dalam Menjana Masyarakat Gemilang*, ed. Tan Sri Dato' Dr Abd. Hamid Othman (Putrajaya: Yayasan Islam Hadhari, 2007), 84.

¹¹⁵ Asharaf Mohd Ramli, Abdullaah Jalil, Norman Hamdan, Asmaddy Haris, Mohd. Aizuddin Abd. Aziz, "Kerangka Pengurusan Ekonomi dan Kewangan Masjid: Satu Analisa" (Islamic Economic System (iECONS 2009 Conference, Universiti Sains Islam Malaysia, 15-16hb Julai 2009), 6-7.

pusat pemberian sedekah termasuklah pusat pembahagian harta rampasan perang.¹¹⁶ Atas dasar itu Rasulullah SAW diiktiraf sebagai ketua negara pertama yang memperkenalkan konsep baru dalam bidang kewangan negara di mana semua hasil kekayaan negara harus dikumpulkan terlebih dahulu sebelum ia dikeluarkan bersesuaian dengan keperluan negara. Konsep ini diperkenalkan pada abad ketujuh.¹¹⁷ Berdasarkan bukti-bukti ini jelas menunjukkan institusi masjid memainkan peranan yang penting dalam pembangunan ekonomi masyarakat dan negara.

Walaupun peranan dan fungsi masjid telah mengalami fasa-fasa perubahan namun fungsi dan peranannya daripada aspek pembangunan ekonomi ummah masih dititikberatkan pada masa kini. Aspek pembangunan ekonomi masjid telah menjadi salah satu elemen dan kriteria penting dalam mengukur prestasi masjid-masjid cemerlang di Malaysia. Standard Penarafan Masjid (SPMM) yang diperkenalkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) merupakan satu kaedah sistematik yang menilai fungsi-fungsi dan peranan-peranan masjid di seluruh Malaysia. Elemen-elemen pembangunan ekonomi masjid yang diambil kira skor matanya adalah seperti projek wakaf yang dijalankan oleh masjid, sewaan tanah, kedai dan bangunan, koperasi, saham, bazar, catering, kitar semula sehinggalah kepada aktiviti perkhidmatan mencuci kereta.¹¹⁸

2.2.6 Penjanaan Ekonomi Masjid

Dalam sistem ekonomi Islam, masjid dilihat sebagai institusi kewangan dan ekonomi *ijtimā'i* yang tidak bermotifkan keuntungan. Namun begitu, kedudukan masjid pada hari ini

¹¹⁶ Mohamad Murtadza Hj Ahmad, "Masjid Sebagai Institusi Dakwah: Penyelarasan Gerak Kerja Secara Sistematik" (Seminar Membudayakan Masjid Peringkat Kebangsaan Universiti Kebangsaan Malaysia, 24-26hb April 1999).

¹¹⁷ Euis Amalia, *Sejarah Pemikiran Ekonomi Islam Dari Masa Klasik Hingga Kontemporer* (Jakarta: Pustaka Asatruss, 2005), 16.

¹¹⁸ Lihat *Standard Penarafan Masjid Malaysia* (Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2010).

dilihat sebagai sebuah entiti yang mempunyai tanggungjawab dan beban kewangan. Bagi meneruskan kelangsungan institusi masjid, ia perlu mempunyai pendapatan bagi membiayai tanggungan dan beban kewangan yang dipikulnya.¹¹⁹ Oleh sebab itu pihak pengurusan masjid perlu memikirkan bentuk-bentuk pendapatan yang dapat dijana oleh pihak masjid bagi menjamin agar masjid terus dapat melaksanakan peranan utamanya. Secara umumnya, pendapatan wang masjid yang terkumpul diperolehi daripada sumber-sumber seperti berikut:¹²⁰

- a) Wakaf tunai iaitu wakaf orang ramai dalam bentuk cek atau wang tunai yang dimasukkan ke dalam akaun bank atau tabung wakaf masjid/surau atau diserahkan kepada pihak masjid/surau yang diamanahkan atau pembelian tapak masjid/surau dalam bentuk kaki persegi oleh pewakaf. Dana wakaf tunai yang dikumpul kemudiannya ditukar kepada harta kekal yang akan dimanfaatkan untuk kebajikan dan kepentingan masjid/surau berkenaan seperti pembelian tapak masjid/surau, pembinaan, penyelenggaraan, membaik pulih, pembesaran dan sebagainya yang bersangkutan dengan keperluan masjid/surau secara langsung.
- b) Derma khairat atau kebajikan iaitu derma orang ramai dalam bentuk cek atau tunai ke dalam akaun bank masjid/surau atau tabung yang disediakan oleh pihak masjid/surau di mana kegunaannya adalah umum meliputi pelbagai aktiviti pengimaran masjid/surau seperti mengadakan jamuan majlis khatam al-Quran,

¹¹⁹ Asharaf Mohd Ramli, Abdullaah Jalil, Norman Hamdan, Asmaddy Haris, Mohd. Aizuddin Abd. Aziz, "Kerangka Pengurusan Ekonomi dan Kewangan Masjid: Satu Analisa" (Islamic Economic System (iECONS 2009 Conference, Universiti Sains Islam Malaysia, 15-16hb Julai 2009), 8.

¹²⁰ "Garis Panduan Penggunaan Wang Masjid dan Surau," laman sesawang Jabatan *Kemajuan Islam Malaysia*, dicapai 17hb Mac 2014, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/cadangan-garis-panduan-penggunaan-wang-masjid-dan-surau>.

majlis meraikan jemaah kariah pergi dan balik haji, bayaran penceramah, guru agama, pengurusan dan pentadbiran masjid/surau dan sebagainya.

- c) Derma aktiviti khusus iaitu derma orang ramai dalam bentuk cek atau tunai ke dalam akaun bank atau tabung masjid/surau yang diwujudkan secara khusus untuk membiayai aktiviti tertentu dan dimaklumkan kepada orang ramai mengenainya seperti pungutan derma untuk majlis sambutan israk mikraj, sambutan maulidur rasul, Ihya' Ramadhan dan sebagainya di mana wang yang terkumpul hendaklah dibelanjakan kepada aktiviti yang ditentukan itu sahaja.
- d) Sumbangan kerajaan iaitu sumbangan kewangan oleh pihak kerajaan yang dimasukkan ke dalam akaun masjid/surau tertentu.
- e) Sumber-sumber lain iaitu wang masjid/surau yang terkumpul hasil daripada aktiviti jualan, kutipan sewa, keuntungan pelaburan dan sebagainya yang diusahakan oleh pihak masjid/surau.

2.2.7 Aktiviti –Aktiviti Bagi Penjanaan Ekonomi Masjid

Melihat kepada potensi dan kekuatan kewangan institusi masjid, peranan dalam aspek sosioekonomi harus diperhebat lagi. Berbekalkan dana besar yang dimiliki oleh masjid, pihak pengurusan masjid seharusnya turut memikirkan kegiatan-kegiatan ekonomi yang boleh diceburi bagi mengelakkan kebergantungan kepada satu sumber sedia ada. Dengan cara ini dana yang diperolehi daripada orang awam ini dapat dikembalikan kepada masyarakat melalui aktiviti perniagaan dan ekonomi yang produktif.

Menurut Yahya Mohd Hussin et al. (2011), di antara kegiatan ekonomi yang boleh diceburi oleh masjid ialah:¹²¹

- a) Pelaburan dalam hartanah: ia berkait rapat dengan pembelian hartanah untuk tujuan disewakan atau dijual kembali kepada orang ramai/usahawan/peniaga dan sebagainya.
- b) Perkhidmatan: ia berkaitan dengan perniagaan berbentuk perkhidmatan yang boleh diceburi oleh pihak institusi masjid seperti perkhidmatan perhotelan, katering, memotong rumput, memotong rambut, takaful, perkhidmatan membasuh kereta di kawasan masjid, kedai dobi, dan sebagainya. Di sini pihak masjid akan menggaji pekerja untuk menjalankan perniagaan berasaskan perkhidmatan.
- c) Pertanian: ia merujuk kepada konsep *muzāra'ah* dan *musāqāt* di mana institusi masjid boleh menceburi bidang pertanian dengan cara usaha sama dengan pemilik tanah atau pengusaha terutamanya dalam tanaman kelapa sawit, getah ataupun padi. Ia juga boleh dilakukan atas tanah wakaf masjid mengikut syarat-syarat yang ditetapkan.
- d) Keusahawanan/perniagaan: pihak masjid boleh menjalankan perniagaan-perniagaan yang lebih merupakan keperluan kepada masyarakat setempat. Antaranya pihak masjid boleh menjalankan perniagaan runcit di kawasan masjid/tempat strategik ataupun melakukan usaha sama dengan usahawan lain yang bertujuan memberi limpahan positif kepada masyarakat dan seterusnya

¹²¹ Mohd Yahya Mohd Hussin, Fidlizan Muhammad dan Mohd Yazid Isa, "Dana Masjid Menjana Ekonomi Ummah," *Jurnal Muamalat*, Bil.4 (2011), 211.

memberi keuntungan. Ia boleh dilakukan berdasarkan konsep *muḍārabah* atau *mushārahah*.

- e) Pasaran modal Islam: pihak masjid juga boleh menjana kewangan masjid dengan menceburi bidang pasaran modal Islam seperti melabur dalam Amanah Hartanah Bumiputera (AHB), sukuk, dan sebagainya. Ini kerana pelaburan dalam pasaran modal Islam adalah lebih menguntungkan berbanding dengan menyimpan beku wang di institusi perbankan. Namun begitu, pelaburan dalam bidang ini perlu dipantau oleh golongan pakar yang berkredibiliti bagi memastikan pelaburan yang diceburi menguntungkan dan patuh syariah.

Penjanaan ekonomi masjid turut boleh dilaksanakan dengan penubuhan koperasi yang ditadbir oleh ahli jawatankuasa masjid atau pihak yang diamanahkan.¹²² Kepentingan koperasi memang diakui pada peringkat ekonomi negara pada masa kini sebagai sektor ketiga terpenting dalam pembangunan negara. Kesempatan ini wajar diambil peluang oleh institusi-institusi masjid yang kini berdiri dan bergerak secara sendirian dalam pengurusan dana mereka untuk bergerak secara bersama-sama dan bersedia mengubah corak pengurusan kewangan lama iaitu dengan cara menyimpan di akaun simpanan tetap kepada pengurusan kewangan yang baru seperti pembiayaan perniagaan, pelaburan aset-aset dan sebagainya.¹²³ Menariknya penubuhan koperasi ini bukan sahaja dapat menambahkan dana masjid malah dapat melibatkan ahli kariah masjid mengikuti program-program yang dianjurkan. Pasti keadaan ini bukan sahaja dapat meningkatkan peranan masjid malah

¹²² Joni Tamkin Borhan dan Che Zarrina Sa'ari, "Pembangunan Ekonomi Masjid" (Seminar Pembangunan Masjid, Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Dewan Kuliah Utama APIUM, 28hb Disember 2002), 11.

¹²³ Joni Tamkin Borhan, Mohd Yahya Mohd Hussin, Fidlizan Muhammad dan Mohd Fauzi Abu@Hussin, "Membentuk Usahawan Muslim: Peranan Dana Masjid," *al-Basirah Jurnal Akademi Pengajian Islam Nilam Puri Universiti Malaya*, Jilid 1, Bilangan 1, (Disember 2011), 60.

masjid juga dapat diimarahkan.¹²⁴ Selain daripada itu masjid-masjid memperoleh sumber pendapatan daripada urusan perkuburan ahli kariah atau orang lain. Terdapat juga pihak masjid memiliki harta milik khas dengan kebenaran Majlis Agama Islam Negeri untuk diusahakan bagi menampung sumber pendapatan dari masjid berkenaan.¹²⁵

Di negara kita terdapat beberapa buah masjid yang aktif menjana ekonominya seperti Masjid al-Salam Puchong Perdana Selangor. Masjid yang telah menerima pelbagai anugerah masjid terbaik di Selangor ini menjalankan perniagaan pusat mencuci kereta, membuat sewaan tapak perniagaan gerai bazar hari Jumaat, menganjurkan program karnival ekonomi selain menyewakan dewan masjid untuk majlis perkahwinan dan seminar.¹²⁶ Selain itu Masjid al-Ghufran di Pinggiran Taman Tun Dr Ismail menjalankan perniagaan hotel atau rumah musafir dan memiliki restoran yang dikenali dengan nama kafe al-Ghufran.¹²⁷ Penerima Anugerah Khas Masjid Peringkat Negeri Johor 2008 iaitu Masjid Bandar Baru Uda Johor pula merencanakan kegiatannya dengan menyediakan pusat dialisis dan kesihatan bagi pesakit buah pinggang.¹²⁸

2.2.8 Cabaran dan Masalah dalam Penjanaan Ekonomi Masjid

Pendekatan sosio ekonomi merupakan salah satu kaedah bagi mengembalikan keyakinan masyarakat berkaitan keunggulan institusi masjid. Peranan sosio ekonomi ini

¹²⁴ Zakaria Bahari dan Mohd Kamal Omar, "Penjanaan Dana Pengurusan Masjid" (Prosiding Seminar Kebangsaan Pengurusan Masjid, Pusat Islam Jabatan Hal Ehwal Pelajar Universiti Utara Malaysia, 25-27hb September 2004).

¹²⁵ Hasan Bahrom "Menjana Sumber Kewangan Masjid Pemangkin Pembangunan Ekonomi Ummah," dalam *Pengurusan Berkualiti Memacu Kecemerlangan Pengurusan Masjid*, ed. Mohd. Ismail Mustari dan Kamarul Azmi Jasmi (Skudai: Universiti Teknologi Malaysia, 2008), 93.

¹²⁶ "Menjana Ekonomi Masjid", laman sesawang *Kosmo Online*, dicapai 13hb Mac 2014, http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2010&dt=0613&pub=Kosmo&sec=Rencana_Utama&pg=ru_07.htm.

¹²⁷ Portal Rasmi Masjid al-Ghufran, dicapai 13hb Mac 2014, http://alghufran.com.my/portalv21/?page_id=7.

¹²⁸ "Masjid Bandar Baru Uda Menepati Ciri Masjid Hadhari," laman sesawang Jabatan *Kemajuan Islam Malaysia* dicapai pada 13hb Mac 2014, <http://www.islam.gov.my/en/masjid-bandar-baru-uda-menepati-ciri-masjid-hadhari>.

diketengahkan memandangkan institusi masjid mempunyai dana yang agak besar.¹²⁹ Namun institusi masjid juga turut tidak terlepas daripada menghadapi beberapa cabaran dan masalah antaranya ialah:

a) Pegawai Pentadbiran Masjid tidak Produktif dan Profesional

Dengan cabaran semasa yang makin hebat, usaha meningkatkan mutu pengurusan masjid menjadi agenda penting agar masjid lebih kompetitif, relevan dan mampu dimanfaatkan oleh semua pihak. Namun begitu, rata-rata pengurusan masjid masih berada pada tahap lama dan tidak produktif walaupun perubahan organisasi semakin pesat.¹³⁰ Pegawai tadbir yang dilantik tidak serius berfikir dan bekerja keras sebagai tenaga kerja masjid yang dilantik di mana kebanyakan calonnya pula terdiri daripada pesara kerajaan yang sudah letih bekerja dan malas berfikir.¹³¹ Pentadbiran masjid juga gagal memahamai aspirasi dan kehendak masyarakat setempat.¹³² Kegiatan yang bersifat kebudayaan, ekonomi dan sosial seolah-olah tiada ruang untuk dilaksanakan dalam persekitaran masjid. Di sini menunjukkan perlunya suatu bentuk pengurusan yang bersifat profesional perlu dijana dan dibentuk dengan segera di setiap institusi masjid.¹³³

¹²⁹ Fidlizan Muhammad dan Mohd Yahya Mohd Hussin, "Peranan Masjid Sebagai Institusi Sosio Ekonomi Bagi Membantu Masyarakat Menghadapi Krisis Ekonomi," *Majalah Cahaya JAKIM*, 2009, 10.

¹³⁰ Ahmad Nawawi Yaakob, Ramlee Ramlan, dan Rashidah Ahmad Dahari, "Manual Prosedur Kerja (MPK): Ke Arah Memantapkan Pengurusan Masjid," dalam *Pengurusan Berkualiti Memacu Kecemerlangan Pengurusan Masjid*, ed. Mohd Ismail Mustari dan Kamarul Azmi Jasmi (Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, 2008), 45.

¹³¹ Lokman Zulkifli "Penjanaan Kegiatan Ekonomi Institusi Masjid," dalam *Islam Hadhari Kekuatan Masjid Dalam Menjana Masyarakat Gemilang*, ed. Tan Sri Dato' Dr Abd. Hamid Othman (Putrajaya: Yayasan Islam Hadhari, 2007), 290.

¹³² Zulkifli Dahalan, "Kaedah Kutipan Dan Perbelanjaan Wang-Wang Khairat Masjid: Kajian di Masjid Tuan Samad, Permatang Sungai Dua, Kepala Batas, Pulau Pinang" (Tesis Sarjana, Universiti Malaya, 2002), 151-152.

¹³³ Roslan Mohamed Dahari, "Pemeriksaan Masjid Melalui Pengurusan Profesional," dalam *Pengurusan Berkualiti Memacu Kecemerlangan Pengurusan Masjid*, ed. Mohd Ismail Mustari dan Kamarul Azmi Jasmi (Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, 2008), 5.

b) Kelemahan Pengurusan Kewangan

Kelemahan pengurusan kewangan merupakan salah satu faktor menyebabkan wang masjid tidak dibelanjakan untuk tujuan pengembangan ekonomi. Ia dibuktikan melalui kajian yang dilakukan oleh Siti Alawiah Siraj (2008)¹³⁴ yang mendapati masjid negeri masih mempunyai kelemahan dalam amalan pengurusan kewangan walaupun mempunyai kakitangan yang mencukupi. Kebanyakan masjid mengalami masalah pengurusan kewangan yang tidak cekap di mana wang yang diterima daripada orang ramai melalui derma tabung masjid digunakan hanya untuk keperluan asas seperti membayar bil elektrik, air dan bayaran guru mengajar agama, manakala selebihnya disimpan di bank dengan jumlah yang banyak.¹³⁵ Dalam keadaan lain pula terdapat bendahari masjid yang tidak mempunyai pengetahuan asas perakaunan yang akan menyebabkan rekod keluar masuk dana masjid tidak terurus. Ini seterusnya menyebabkan dana-dana masjid tidak dapat disalurkan secara optimum bagi pelaksanaan aktiviti-aktiviti yang bermanfaat kepada ahli kariah masjid.¹³⁶

c) Kekurangan Dana Peruntukan

Selain daripada sumbangan yang diterima oleh orang ramai, sebahagian masjid di Malaysia seperti masjid negeri memperolehi peruntukan kewangan tetap daripada kerajaan negeri dan persekutuan. Peruntukan kerajaan ini digunakan bagi membiayai kos penyelenggaraan

¹³⁴ Siti Alawiah Siraj, Shahul Hameed Mohamed Ibrahim dan Maliah Sulaiman “Pengurusan Kewangan: Mempamerkan Akauntabiliti Masjid,” dalam *Pengurusan Berkualiti Memacu Kecemerlangan Pengurusan Masjid*, ed. Mohd. Ismail Mustari dan Kamarul Azmi Jasmi (Skudai: Universiti Teknologi Malaysia, 2008), 72.

¹³⁵ *Ibid*, 292.

¹³⁶ Asharaf Mohd. Ramli, Abdullaah Jalil, Norman Hamdan, Asmaddy Haris dan Mohd. Aizuddin Abdul Aziz, “Kerangka Pengurusan Ekonomi dan Kewangan Masjid: Satu Analisa” (Islamic Economics System (iECONS 2009) Conference Islamic Science University of Malaysia, 15-16hb July 2009), 14.

masjid serta mengendalikan aktiviti keagamaan.¹³⁷ Namun bagi masjid kategori kariah ia tidak memperolehi peruntukan tetap melainkan sumbangan daripada Majlis Agama Islam Negeri. Penilaian yang dilakukan terhadap kajian pengurusan kewangan masjid-masjid di Daerah Jelevu Negeri Sembilan pula mendapati ketiadaan peruntukan tetap menyebabkan masjid-masjid bergantung dan mengharapkan sumber sedekah dan peruntukan individu. Kesannya masjid-masjid mengutamakan perbelanjaan wajib dan terhad melaksanakan aktiviti kerohanian semata-mata bukan berfungsi sebagai penggerak kepada perkembangan masyarakat Islam.¹³⁸

d) Kawalan dan Campur Tangan Kerajaan.

Pentadbiran masjid di Malaysia adalah di bawah bidang kuasa kerajaan yang diletakkan di bawah Majlis Agama Islam Negeri. Jabatan Agama Islam Negeri pula berfungsi menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh majlis dari sudut pemantauan, pematuhan dan pelaksanaan arahan-arahan kepada seluruh masjid. Ia bertujuan memastikan hal ehwal berkaitan masjid termasuklah pengurusan kewangan berjalan lancar dan terkawal.¹³⁹ Namun dari satu sudut yang lain pula, peningkatan campur tangan kerajaan dalam hal ehwal masjid merupakan salah satu cabaran terbesar yang akan mengakibatkan pengurusan masjid menjadi tidak berkesan dan efektif.¹⁴⁰ Kongkongan yang dikenakan oleh pihak berwajib akan menyebabkan fungsi dan peranan masjid menjadi lesu. Kongkongan ini

¹³⁷ *Ibid.*

¹³⁸ Lihat kajian oleh Zainal Samdin, Mat Noor Mat Zain dan Muhammad Firdaus Abdul Manaf, "Pengurusan Kewangan Masjid di Daerah Jelevu," (Prosiding Kolokium Antarabangsa Siswazah Pengajian Islam (KASPI 2013) anjuran Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, Institut Latihan KWSP Kajang, 13-14hb November 2013), 820-828.

¹³⁹ Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan), 1993 (Akta No.505 Bahagian 2, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan). Lihat juga Ahmad Hidayat Buang, "Pihak berkuasa Agama dan Pentadbiran Masjid di Wilayah Persekutuan," dalam *Koleksi Kertas Kerja Pengurusan Masjid* (Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2002), 71.

¹⁴⁰ Hossein Javan Arasteh, "Masjid and Its Management: Issues and Challenges" (International Conference on Masjid, Zakat and Waqf (IMAFK 2014) Kuala Lumpur, 1-2hb Disember 2014), 70-71.

perlu dileraikan dan masyarakat pula hendaklah menggunakan masjid secara beretika dimana adalah lebih baik pengurusan masjid perlu ditadbir secara profesional seperti sebuah institusi korporat.¹⁴¹

2.3 KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan dalam bab ini dapat disimpulkan bahawa derma awam merupakan sumber dana umat Islam yang mempunyai potensi besar untuk dijana bagi pembangunan ekonomi masjid. Kecenderungan masyarakat menderma kepada institusi masjid sewajarnya dijadikan batu loncatan untuk merancakkan fungsi masjid melangkaui fungsinya sebagai tempat ibadah semata-mata. Mengambil kira situasi ekonomi negara yang tidak menentu, fungsi masjid dari sudut pembangunan ekonomi yang pernah dimainkan pada zaman awal Islam adalah relevan untuk dilaksanakan pada masa kini kerana impaknya turut memberi limpahan ekonomi kepada masyarakat khususnya umat Islam.

¹⁴¹ Muhammad Hisyam Mohamad, Felo Pusat Ekonomi & Kajian Sosial Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) “Kelesuan Institusi Masjid”, laman sesawang *Institut Kefahaman Islam Malaysia* dicapai 26hb Mei 2015, <http://www.ikim.gov.my/index.php/ms/berita-harian/7322-kelesuan-institusi-masjid>.

BAB TIGA

PENGURUSAN KEWANGAN DAN EKONOMI MASJID NEGARA DAN MASJID AL-GHUFRAN

3.0 PENDAHULUAN

Dalam bab ini pengkaji akan melihat kepada pengurusan ekonomi dan kewangan Masjid Negara dan Masjid al-Ghufran. Memandangkan kajian ini merupakan kajian perbandingan terhadap derma awam, maka sistem pengurusan kewangan dan ekonomi kedua-dua masjid akan dianalisis dan diperincikan. Pengkaji akan meneliti prosedur-prosedur kewangan yang diguna pakai, punca-punca kuasa dan juga hierarki kewangan. Bab ini dimulakan dengan melihat kepada sejarah, latar belakang dan carta organisasi pentadbiran masjid. Seterusnya kajian ditumpukan terhadap sistem pengurusan kewangan yang diaplikasikan oleh kedua-dua masjid. Kajian diteruskan dengan melihat kepada punca-punca pendapatan yang diperolehi oleh kedua-dua masjid yang secara tidak langsung bab ini akan memberi gambaran sejauh mana keterlibatan kedua-dua masjid dalam aktiviti-aktiviti penjanaan ekonomi masjid.

3.1 MASJID NEGARA KUALA LUMPUR

3.1.1 Sejarah dan Latar Belakang

Masjid Negara Kuala Lumpur terletak di tengah-tengah Pusat Bandaraya Kuala Lumpur, bersebelahan dengan Stesen Keretapi Malaysia, Bangunan Daya Bumi, Pos Besar Malaysia, Muzium Kesenian Islam dan berdekatan Taman Tasik Perdana. Kawasan Masjid Negara meliputi kawasan seluas 13 ekar dan bangunan utamanya meliputi 3 ekar dari keseluruhan tanah. Bangunan utama ini dapat memuatkan seramai 15,000 orang jemaah pada sesuatu masa.¹⁴² Melihat kepada sejarah, cita-cita untuk membina Masjid Negara bermula pada 30hb Julai 1957 iaitu sebulan sebelum Malaysia mencapai kemerdekaan. Majlis Kerja Kerajaan Persekutuan memutuskan bahawa sebuah masjid patut dibina dan dinamakan dengan nama Perdana Menteri yang pertama iaitu Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman sebagai hadiah daripada rakyat kepada beliau yang memimpin kemerdekaan dengan aman. Bagaimanapun YTM Tunku Perdana Menteri ketika itu telah menolak penghormatan yang diberikan sebaliknya mencadangkan agar masjid ini dinamakan dengan Masjid Negara.¹⁴³

Persediaan tapak untuk membina Masjid Negara bermula dalam bulan Disember 1960. Lima tahun selepas itu iaitu pada hari Jumaat 27hb Ogos 1965, Masjid Negara telah berjaya disiapkan seterusnya dirasmikan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong Tuanku Syed Harun Putra ibni Syed Hassan Jamalullail. Majlis ini

¹⁴² Masjid Negara, *The National Mosque* (Kuala Lumpur: Masjid Negara Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, t.t), 5.

¹⁴³ *JAKIM 4 Dekad Memacu Transformasi Pengurusan Hal Ehwal Islam* (Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Disember 2012), 242-243.

dihadiri oleh Raja-Raja Melayu, duta-duta negara asing, Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan gabenor-gabenor.¹⁴⁴

Sebelum terbinanya Masjid Shah Alam, Masjid Negara merupakan antara masjid yang termoden di Asia Tenggara. Reka bentuk dan penyeliaan bangunan ini telah dilakukan oleh para arkitek Bahagian Reka Bentuk dan Penyelidikan, Jabatan Kerja Raya Persekutuan. Para arkitek mengambil masa selama tiga tahun untuk menyiapkan reka bentuk Masjid Negara. Sebelum memulakan kerja mereka bentuk, arkitek utamanya En. Baharuddin Abu Kassim (Dato') telah mengkaji reka bentuk masjid-masjid di India, Pakistan, Iran, Turki, Arab Saudi, Republik Arab Bersatu dan Sepanyol. Pembinaan Masjid Negara ini melambangkan semangat perpaduan dan toleransi antara kaum di mana ia direka bentuk oleh orang berketurunan Melayu, dibina oleh orang berketurunan Cina dan India dan dibiayai oleh sumbangan masyarakat Islam, Kristian, Buddha dan Hindu.¹⁴⁵

3.1.2 Struktur Pentadbiran

Masjid Negara merupakan salah sebuah agensi kerajaan di bawah pentadbiran kerajaan persekutuan. Ia ditadbir di bawah Cawangan Bahagian Kemajuan Islam, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Masjid Negara termasuk dalam kategori masjid-masjid utama kerajaan selain Masjid Putra dan Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin di Putrajaya.¹⁴⁶ Kesemua anggota pentadbiran dan pegawai masjid merupakan penjawat awam yang dilantik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) daripada pelbagai skim


¹⁴⁴ *Ibid.*

¹⁴⁵ Laman sesawang *Masjid Negara Kuala Lumpur*, dicapai 28hb Mac 2014, <http://www.masjidnegara.gov.my/v2/profil-organisasi/sejarah>.

¹⁴⁶ Siti Fatimah Mohd. Bohari (Penolong Pengarah, Cawangan Sekretariat Khas Bahagian Kemajuan Islam, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia JAKIM), dalam temu bual dengan pengkaji, 21hb Mac 2014.

perkhidmatan.¹⁴⁷ Jawatan tertinggi dalam pentadbiran Masjid Negara ialah Imam Besar dan dibantu oleh Timbalan Imam Besar dan 46 orang kakitangan. Terdapat dua bahagian utama dalam pentadbiran Masjid Negara iaitu Bahagian Pengurusan dan Bahagian Pengimarah. Bahagian Pengurusan mempunyai empat cawangan iaitu Unit Pentadbiran dan Kewangan, Unit Perhubungan Awam, Unit Protokol dan Pengurusan Majlis dan Unit Penerbitan dan Multimedia. Bahagian Pengimarah pula terdiri daripada Unit Penyelarasan Dakwah dan Ibadah, Unit Pendidikan dan Unit Perkhidmatan Sosial.¹⁴⁸

Jadual 3.1: Carta Pentadbiran Masjid-Masjid Utama Persekutuan




Sumber: Carta Organisasi Bahagian Kemajuan Islam JAKIM Tahun 2014.¹⁴⁹

¹⁴⁷ Akta Prosedur Kewangan 1957 Seksyen 15 (3) (Waran Perjawatan Bil.A 136 Tahun 2011) berkuatkuasa mulai 16hb Jun 2011.

¹⁴⁸ “Carta Organisasi Masjid Negara”, laman sesawang *Masjid Negara Kuala Lumpur*, dicapai 28hb Mac 2014, [http:// www.masjidnegara.gov.my/v2/organisasi/carta-organisasi](http://www.masjidnegara.gov.my/v2/organisasi/carta-organisasi).

¹⁴⁹ Carta Organisasi diperolehi daripada MPK (Manual Prosedur Kerja) Bahagian Kemajuan Islam, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Jadual 3.2: Carta Organisasi Masjid Negara



Sumber: Carta Organisasi Masjid Negara JAKIM Tahun 2014.¹⁵⁰

3.1.3 Misi dan Peranan

Misi Masjid Negara ialah untuk membentuk masyarakat yang kuat pegangan iman dan memupuk kefahaman dan kesedaran masyarakat ke arah pengamalan dan penghayatan cara hidup yang berlandaskan Islam. Di samping tempat ibadat, ia juga berfungsi menyampaikan kesedaran dan pengetahuan Islam kepada masyarakat melalui pelbagai aktiviti, penyebaran maklumat serta memberi perkhidmatan yang cekap dan berkesan. Kesyukuran dengan matlamat sebagai pusat ilmu, Masjid Negara telah memainkan peranan yang besar kepada masyarakat dengan mengadakan kelas-kelas agama. Semenjak dahulu kelas pengajian di Masjid Negara mendapat sambutan yang menggalakkan. Pengajian agama yang telah dijalankan meliputi kelas pengajian tahfiz, kelas pengajian

¹⁵⁰ Carta Organisasi diperolehi daripada MPK (Manual Prosedur Kerja) Bahagian Pentadbiran, Masjid Negara Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

wanita, kelas pengajian dewasa, pengajian bahasa Arab, kelas al-Quran dan tajwid, pengajian fiqh dan akidah.¹⁵¹

Selain itu juga Masjid Negara turut bergiat aktif dalam aktiviti khidmat sosial kepada masyarakat. Antaranya mengadakan khidmat bimbingan kaunseling secara percuma dengan penubuhan Pusat Pembangunan Sosial Masjid Negara (PPS). Pusat ini memberi khidmat runding cara percuma kepada orang ramai yang mempunyai masalah berkaitan dengan hal-hal agama, keluarga dan masyarakat. Selain itu juga program lawatan dan pemberian sumbangan juga kerap diadakan sama ada kepada anak-anak yatim, orang kurang upaya, orang asli dan pesakit-pesakit di Hospital.¹⁵²

3.1.4 Pengurusan Kewangan Masjid Negara

Masjid Negara merupakan agensi kerajaan di bawah pentadbiran kerajaan pusat dan secara khususnya adalah di bawah pentadbiran JAKIM. Oleh yang demikian dari aspek pengurusan kewangan setiap peraturan dan arahan kewangan hendaklah mengikut piawaian yang telah digariskan oleh pihak JAKIM tertakluk kepada Arahan Perbendaharaan Kementerian Kewangan Malaysia.¹⁵³ Dari aspek pengurusan peruntukan kerajaan pula, ia dibuat selaras dengan kandungan seksyen 4 Akta Tatacara Kewangan 1957¹⁵⁴ yang

¹⁵¹ *JAKIM 4 Dekad Memacu Transformasi Pengurusan Hal Ehwal Islam* (Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Disember 2012), 246.

¹⁵² Mohd Zamri Abd Halim (Penolong Pengarah, Unit Perkhidmatan Sosial, Masjid Negara Jabatan Kemajuan Islam Malaysia JAKIM), dalam temu bual dengan pengkaji, 28hb Mac 2014.

¹⁵³ Zakiah Samori dan Amal Hayati Ishak, "Sistem Pengurusan Kewangan Efektif: Satu Kajian di Masjid-Masjid Terpilih," *Jurnal Pengajian Islam Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor*, Bil.v (2011), 123.

¹⁵⁴ Akta Tatacara Kewangan 1957 ialah satu akta yang diperuntukkan bagi pengawalan dan pengelolaan wang awam Malaysia dan bagi acara pengakaunan serta kewangan termasuk acara bagi pemungutan, penjagaan dan pembayaran wang awam persekutuan dan negeri-negeri. Ia termasuk pembelian, penjagaan dan pelupusan harta awam dan perkara-perkara yang bersangkutan dengannya, laman sesawang Jabatan Akauntan Negara Malaysia, dicapai 02hb September 2014, <http://km.anm.gov.my/Lampiran%20Artikel/PERLEMBAGAANAKTA%20AUDIT%20%20AP-11%20SEPT%2012-Part%203%20Of%208.pdf>

mengkehendaki pengurusan kewangan bagi dana yang diterima kerajaan hendaklah mematuhi Arahan Pentadbiran¹⁵⁵ yang berkaitan.¹⁵⁶ Selain itu juga terdapat satu peruntukan khusus yang diguna pakai dalam sistem pengurusan perakaunan Masjid Negara bagi mengawal satu akaun khusus yang dinamakan akaun amanah. Ia tertakluk kepada Akta Tatacara Kewangan 1957 di bawah seksyen 9 Penubuhan dan Arahan Akaun Amanah.¹⁵⁷

a) **Hierarki Kewangan**

Berdasarkan status Masjid Negara selaku Pusat Tanggungjawab (PTJ),¹⁵⁸ Imam Besar adalah ketua dalam organisasi pentadbiran yang mempunyai kuasa penuh dari aspek kewangan dan perbelanjaan. Oleh yang demikian sebarang perbelanjaan dan pembayaran tidak boleh dilakukan melainkan setelah mendapat kelulusan daripada Imam Besar. Namun dalam proses membuat baucar bayaran, Imam Besar dan 3 orang pegawai telah diberi kuasa oleh pegawai pengawal (Ketua Pengarah JAKIM) bagi proses menandatangani baucar.¹⁵⁹ Manakala dari sudut operasi pula, Unit Pentadbiran dan Kewangan merupakan unit khusus yang menguruskan kewangan Masjid Negara. Unit ini diketuai oleh Penolong Pengarah dalam Skim Perkhidmatan Pegawai Tadbir dan Diplomatik gred M41 dan dibantu oleh

¹⁵⁵ Arahan Pentadbiran ialah satu arahan yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan Malaysia berkenaan dengan prosedur kewangan dan perakaunan termasuk prosedur bagi memungut, menyimpan dan membayar wang awam persekutuan dan negeri bagi membeli, menyimpan dan melupus harta awam kecuali tanah dalam persekutuan dan negeri, laman sesawang Jabatan Akauntan Negara Malaysia, dicapai 02hb September 2014, [http://km.anm.gov.my / Lampiran% 20Artikel/PERLEMBAGAAN AKTA %20AUDIT%20%20AP-11%20SEPT%2012-Part%203%20Of%208.pdf](http://km.anm.gov.my/Lampiran%20Artikel/PERLEMBAGAAN%20AKTA%20AUDIT%20%20AP-11%20SEPT%2012-Part%203%20Of%208.pdf)

¹⁵⁶ Siti Alawiah Siraj, Shahul Hameed Mohamed Ibrahim dan Maliah Sulaiman "Pengurusan Kewangan: Mempamerkan Akauntabiliti Masjid," dalam *Pengurusan Berkualiti Memacu Kecemerlangan Pengurusan Masjid*, ed. Mohd. Ismail Mustari dan Kamarul Azmi Jasmi (Skudai: Universiti Teknologi Malaysia, 2008), 72-73.

¹⁵⁷ Zaini Yusof (Ketua Pembantu Tadbir Unit Pentadbiran dan Kewangan Masjid Negara, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia JAKIM), dalam temu bual dengan pengkaji, 31hb Mac 2014.

¹⁵⁸ PTJ adalah mana-mana pejabat yang merupakan pemegang Waran Kerajaan Persekutuan yang mempunyai kuasa berbelanja dan membuat pengagihan waran kepada Pusat Kos di bawah tanggungannya. Pekeliling Perbendaharaan Kementerian Kewangan (Bil.10 /2008).

¹⁵⁹ Lihat senarai nama-nama pegawai yang diberi kuasa di bawah Arahan Perbendaharaan 101 bagi menandatangani baucar di Masjid Negara dalam (Kew.290-Pin 1/2009) bertarikh 02hb Januari 2014.

seorang Penolong Pegawai Tadbir gred N27. Selain itu terdapat seorang Ketua Pembantu Tadbir gred W22 termasuk kakitangan kumpulan pelaksana pelbagai skim dalam gred 17 dan ke bawah seramai 11 orang.¹⁶⁰

Masjid Negara turut mempunyai satu akaun khusus bagi menguruskan wang-wang daripada derma awam dan sedekah orang ramai. Akaun yang dinamakan dengan Akaun Amanah Tabung Wakaf Masjid Negara diurus secara berasingan dan mempunyai hierarki kewangan yang berbeza. Ia ditadbir oleh suatu jawatankuasa khas yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha Kanan Jabatan Perdana Menteri. Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia pula merupakan Timbalan Pengerusi manakala ahli-ahlinya terdiri daripada wakil Bahagian Dasar Saraan, Wang Awam dan Khidmat Pengurusan Perbendaharaan Malaysia, Setiausaha Bahagian Khidmat Pengurusan Jabatan Perdana Menteri dan Setiausaha Bahagian Kewangan Jabatan Perdana Menteri. Imam Besar Masjid Negara pula merupakan setiausaha jawatankuasa akaun. Setiap aktiviti dan program yang ingin dijalankan melalui peruntukan daripada wang akaun ini hendaklah mendapat persetujuan dan kelulusan daripada jawatankuasa mesyuarat.¹⁶¹

b) Operasi Kewangan

Dari sudut operasi kewangan, terdapat dua buah akaun yang diselia oleh Masjid Negara iaitu akaun mengurus dan akaun amanah. Akaun mengurus ialah akaun yang menguruskan wang daripada peruntukan kerajaan manakala akaun amanah pula akaun yang menguruskan wang daripada sumber awam seperti kutipan derma orang ramai, kutipan Jumaat dan

¹⁶⁰ Muhammad Nuraizat Zainudin (Penolong Pengarah Unit Pentadbiran dan Kewangan Masjid Negara, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia JAKIM), dalam temu bual dengan pengkaji, 31hb Mac 2014.

¹⁶¹ Arahan Amanah Akaun Amanah Tabung Wakaf Masjid Negara dalam Perbendaharaan Malaysia, No Fail: KK/BP/WAI/01/7/1/1 Jld.4(sk1/2013) bertarikh 16hb Mei 2013.

sumbangan peribadi dari orang perseorangan dan korporat. Walaupun kedua-dua akaun ini merupakan akaun yang berasingan namun sistem pengurusannya adalah hampir sama.¹⁶²

Sistem kewangan yang digunakan bagi menyelia akaun kewangan Masjid Negara ialah sistem dalam talian yang dikawal oleh pejabat perakaunan Jabatan Perdana Menteri di Putrajaya iaitu eSPKB, ePerolehan dan eTerimaan.¹⁶³ eSPKB adalah sistem perancangan bajet elektronik yang menyelia hal ehwal kawalan kewangan dan maklumat kewangan. Ia juga ditakrifkan sebagai satu sistem perakaunan vot berkomputer untuk mengawal belanjawan.¹⁶⁴ ePerolehan pula merupakan satu sistem perolehan elektronik yang dibangunkan bagi membolehkan agensi melaksanakan perolehan bekalan dan perkhidmatan melalui dalam talian dengan tujuan meningkatkan kecekapan proses transaksi perolehan antara pembekal dan agensi. ePerolehan membolehkan pembekal dan pengusaha tempatan mendaftar sebagai pembekal kepada Masjid Negara seterusnya memperolehi perkhidmatan yang dikehendaki dengan kadar segera melalui dalam talian.¹⁶⁵ Sistem eTerimaan pula merupakan satu sistem elektronik yang memudahkan urusan pendaftaran pungutan dan terimaan yang dilakukan oleh masjid seperti pengeluaran resit, serahan wang, penyesuaian buku tunai dan pengemaskinian laporan.¹⁶⁶ Ia merekod sebarang pungutan hasil dan terimaan masjid seperti kutipan tabung jumaat, bayaran yuran kelas pengajian dan hasil-hasil sewaan yang diperolehi.

¹⁶² Muhammad Nuraizat Zainudin (Penolong Pengarah Unit Pentadbiran dan Kewangan Masjid Negara, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia JAKIM), dalam temu bual dengan pengkaji, 31hb Mac 2014.

¹⁶³ *Ibid.*

¹⁶⁴ Maklumat lanjut berkaitan eSPKB boleh didapati dalam <http://egag.anm.gov.my>.

¹⁶⁵ Peraturan dan Tatacara Perolehan Kontrak Pusat Secara Elektronik Melalui Sistem ePerolehan, Surat Pekeliling Perbendaharaan (Bil. 7/2000).

¹⁶⁶ Sistem Perakaunan Terimaan Kerajaan (eTerimaan), lawang sesawang *Jabatan Akauntan Negara Malaysia*, dicapai 04hb September 2014, <http://km.anm.gov.my/Artikel/Sistem%20Perakaunan%20Terimaan%20Kerajaan%20%28eTerimaan%29.aspx>

c) Aspek Kawalan

Sistem kewangan dalam talian yang diaplikasikan Masjid Negara antara lain bertujuan meningkatkan akauntabiliti dan kecekapan pengurusan akaun. Pemeriksaan audit dilaksanakan dari semasa ke semasa pada bila-bila masa pada setiap tahun yang meliputi pemantauan ke atas segala proses transaksi, pematuhan terhadap arahan-arahan dan juga etika pegawai dalam mengurus kewangan. Pemeriksaan ini merangkumi pemeriksaan oleh audit luar Jabatan Perdana Menteri, pemeriksaan akaun amanah dari Jabatan Audit Negara selain audit eSPKB dan juga audit eTerimaan.¹⁶⁷ Selain daripada pemeriksaan audit, setiap perbelanjaan kewangan daripada akaun mengurus dan akaun amanah perlu dibentang dan dilapor dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA). Jawatankuasa ini dibentuk bertujuan membantu agensi mengawasi dan memantau semua urusan kewangan agar berjalan lancar dan menepati peraturan yang telah ditetapkan.¹⁶⁸ Mesyuarat ini diurusetiaikan oleh Unit Pentadbiran dan Kewangan Masjid Negara dan diadakan sebanyak 4 kali setahun. Ia dipengerusikan oleh Imam Besar manakala ahli-ahli mesyuarat pula terdiri daripada ketua-ketua unit, pegawai audit atau akauntan daripada Bahagian Kewangan JAKIM.¹⁶⁹ Antara perkara-perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat ini meliputi pengurusan bajet, pengurusan perakaunan, pengurusan perolehan, pengurusan pungutan dan tunggakan hasil, pembentangan laporan tahunan dan penyata kewangan dan tindakan susulan terhadap laporan audit.¹⁷⁰

¹⁶⁷ Muhammad Nuraizat Zainudin (Penolong Pengarah Unit Pentadbiran dan Kewangan Masjid Negara, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia JAKIM), dalam temu bual dengan pengkaji, 31hb Mac 2014.

¹⁶⁸ Pekeliling Perbendaharaan Kementerian Kewangan, Penubuhan Peranan dan Tanggungjawab Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun di Agensi Persekutuan (Bil.10/2008), 1.

¹⁶⁹ Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA) Masjid Negara Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Bil.4/2013).

¹⁷⁰ Pekeliling Perbendaharaan Kementerian Kewangan, Penubuhan Peranan dan Tanggungjawab Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun di Agensi Persekutuan (Bil.10/2008), 3-4.

3.1.5 Sumber Kewangan dan Ekonomi Masjid Negara

Masjid Negara memperoleh sumber kewangan utama daripada peruntukan kerajaan dan derma awam. Selain itu juga Masjid Negara memperoleh sumber kewangan daripada sewaan premis bangunan dan fasiliti masjid. Sumber-sumber lain pula diperolehi melalui yuran-yuran yang dibayar bagi penyertaan sesuatu program.

a) Peruntukan Kerajaan

Masjid Negara menerima peruntukan tahunan tetap daripada Perbendaharaan Malaysia melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).¹⁷¹ Peruntukan tersebut dinamakan dengan “Waran Peruntukan” di mana Masjid Negara diberi kuasa untuk membuat perbelanjaan dalam tempoh satu tahun daripada 1hb Januari hingga 31hb Disember. Perbelanjaan yang melebihi peruntukan adalah tidak dibenarkan melainkan jika ada peruntukan tambahan yang diberi selanjutnya.¹⁷² Waran peruntukan atau wang mengurus¹⁷³ ini digunakan untuk perbelanjaan operasi seperti bayaran kontrak keselamatan, kontrak penyelenggaraan, landskap, bayaran utiliti, pembelian bahan mentah, perkakasan pejabat dan bayaran elaun lebih masa kakitangan.¹⁷⁴ Jadual 3.3 di bawah merupakan contoh penyata tahunan peruntukan dan perbelanjaan Masjid Negara bagi tahun 2013:

¹⁷¹ Wang peruntukan kerajaan tidak diberi kepada semua masjid kecuali beberapa kategori masjid tertentu seperti masjid JAKIM dan masjid-masjid negeri seluruh Malaysia, Maliah Sulaiman, “The Internal Control Procedures of Mosque in Malaysia,” *Blumenau*, Volume 3, No.2 (2007),106.

¹⁷² Lihat Waran Peruntukan Belanjawan Masjid Negara bagi tahun 2014 bertarikh 22hb Januari 2014, No. Rujukan P066.

¹⁷³ Wang Mengurus merupakan istilah lazim yang diguna pakai oleh penjawat awam di mana ia adalah merujuk kepada wang daripada peruntukan kerajaan.

¹⁷⁴ Nurul Azwa Safiai (Penolong Pegawai Tadbir Unit Pentadbiran dan Kewangan Masjid Negara, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia JAKIM), dalam temu bual dengan pengkaji, 31hb Mac 2014.

Jadual 3.3: Laporan Perbelanjaan Masjid Negara bagi Tahun Kewangan 2013

Kod Hasil	Butiran	Peruntukan	Perbelanjaan	Peratus	Baki	Peratus
14000	Bayaran Lebih Masa	55,000.00	54,639.52	99.34	360.48	0.66
15000	Faedah Kewangan Lain	10,000.00	5,636.10	56.36	4,363.90	43.64
21000	Perbelanjaan Perjalanan	28,000.00	24,589.36	87.82	702.36	2.51
23000	Perhubungan dan Utiliti	880,000.00	814,551.58	92.56	65,448.42	7.44
24000	Sewaan	12,000.00	12,000.00	100	0	0
25000	Bahan Makanan dan Minuman	3,500.00	3,242.70	92.65	257.30	7.35
26000	Bekalan Bahan Mentah	8,700.00	9,408.67	108.15	-708.67	-8.15
27000	Bekalan dan Bahan Lain	36,000.00	33,649.15	93.47	2,350.85	6.53
28000	Penyelenggaraan dan Pembaikan	1,443,000.00	1,442,687.00	99.98	313	0.02
29000	Perkhidmatan Iktisas & Hospitaliti	1,775,000.00	1,693,443.61	95.41	81,556.39	4.59
35000	Harta Modal	138,200.00	128,135.00	92.72	10,065.00	7.28
	JUMLAH	4,389,400.00	4,221,982.69	96.19	163,304.31	3.72

Sumber: Diubahsuai daripada Laporan Perbelanjaan Vot Mengurus Masjid Negara 2013¹⁷⁵

Merujuk kepada jadual 3.3, didapati wang peruntukan kerajaan dimasukkan ke dalam akaun Masjid Negara secara berasingan mengikut kod-kod hasil. Terdapat sebanyak 11 kod hasil yang memperincikan jenis-jenis perbelanjaan yang dibenarkan. Pembahagian ini bertujuan memastikan kod bagi hasil dan perbelanjaan yang diakaunkan adalah betul dan seragam serta mencerminkan keadaan sebenar di dalam Akaun Awam Kerajaan Persekutuan.¹⁷⁶

¹⁷⁵ Sistem Perancangan dan Kawalan Belanjawan, No.laporan BV552M bertarikh 15hb Januari 2014.

¹⁷⁶ Pekeliling Perbendaharaan Kementerian Kewangan Malaysia, 2004 (Bil.5 Penjenisan Kod Bagi Hasil dan Perbelanjaan).

b) Derma Awam

Selain daripada wang peruntukan kerajaan, Masjid Negara memperoleh sumber kewangan daripada derma awam atau sumbangan orang ramai melalui tabung-tabung masjid terutama pada hari Jumaat. Wang daripada derma awam inilah yang digunakan untuk menggerakkan sebahagian besar aktiviti-aktiviti pengimarahannya. Masjid Negara memandangkan wang peruntukan kerajaan adalah terhad bagi belanja operasi dan pentadbiran.¹⁷⁷ Wang derma awam ini ditadbir dan diurus secara berasingan daripada akaun peruntukan kerajaan. Satu akaun khas yang dinamakan dengan Akaun Amanah Tabung Wakaf Masjid Negara ditubuhkan pada 1hb Mei 1999 di bawah subseksyen 9 (1) Akta Tatacara Kewangan 1957 bertujuan menerima sumbangan derma yang diberikan oleh orang awam kepada Masjid Negara bagi membiayai aktiviti-aktiviti dakwah dan kebajikan untuk kepentingan agama Islam.¹⁷⁸ Akaun ini hendaklah dikreditkan dengan wang dari sumber-sumber berikut:¹⁷⁹

- 1- Wang sumbangan daripada orang ramai, sektor swasta, persatuan-persatuan, pertubuhan-pertubuhan antarabangsa atau tempatan dan agensi-agensi yang tidak dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Malaysia yang memberi sumbangan kepada Masjid Negara;
- 2- Terimaan daripada jualan buku-buku dan percetakan-percetakan yang dikeluarkan oleh Masjid Negara yang dibiayai daripada akaun ini;
- 3- Hasil-hasil yang diperolehi daripada aktiviti-aktiviti yang dibiayai daripada akaun ini; dan

¹⁷⁷ Tan Sri Dato' Syaikh Hj Ismail Muhammad (Imam Besar Masjid Negara, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia JAKIM), dalam temu bual dengan pengkaji, 31hb Mac 2014.

¹⁷⁸ Sebelum akaun amanah ini ditubuhkan wang sumbangan derma awam daripada tabung-tabung masjid dimasukkan ke dalam akaun yang dinamakan Akaun Aktiviti Masjid Negara. Kelulusan perbelanjaan wang akaun aktiviti diluluskan oleh Imam Besar dan tiga orang imam yang dilantik.

¹⁷⁹ Arahan Amanah Akaun Amanah Tabung Wakaf Masjid Negara dalam Fail Perbendaharaan Malaysia KK/BP/WAI/01/7/1/1-5Jld.4 (sk1/2013) bertarikh 16hb Mei 2013.

- 4- Faedah daripada pelaburan simpanan tetap yang diuruskan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM).

Kebiasaannya sumbangan derma awam yang diperolehi Masjid Negara diterima secara tunai melalui tabung-tabung yang diletakkan sekeliling masjid. Sebanyak 12 buah tabung masjid disediakan dan ia akan dikutip setiap minggu selepas solat Jumaat. Bagi memastikan keselamatan dan ketelusan dalam proses pengumpulan wang derma ini, peti tabung masjid sentiasa dikunci dan tidak dibuka melainkan dengan kehadiran dua orang kakitangan daripada Unit Pentadbiran dan Kewangan dan seorang pengawal keselamatan. Seterusnya wang-wang yang dikutip ini akan dikumpulkan di bilik imam untuk proses pengiraan, direkodkan dan dimasukkan ke dalam bank (akaun amanah) pada hari berikutnya.¹⁸⁰ Bagi memastikan kelicinan proses pengiraan, memo tugas dikeluarkan secara berkala di mana kebiasaannya seramai 10 orang kakitangan terlibat pada setiap masa.¹⁸¹ Uniknyanya akaun ini berbanding dengan akaun kerajaan ialah setiap wang yang diterima tidak dipecahkan kepada kod bidang atau beberapa akaun. Justeru sebarang perbelanjaan yang dibuat melalui akaun ini tidak dapat ditentukan ianya diambil daripada sumber yang mana satu disebabkan akaunnya telah disatukan.¹⁸² Setiap perbelanjaan daripada wang akaun ini juga adalah tertakluk kepada dasar-dasar dan syarat-syarat yang telah ditetapkan mengikut arahan amanah. Tertakluk kepada persetujuan dan kelulusan jawatankuasa, wang dalam akaun ini hendaklah digunakan bagi tujuan seperti berikut:¹⁸³

¹⁸⁰ Nurul Azwa Safiai (Penolong Pegawai Tadbir Unit Pentadbiran dan Kewangan Masjid Negara, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia JAKIM), dalam temu bual dengan pengkaji, 31hb Mac 2014.

¹⁸¹ Memo Arahan Mengira Wang Kutipan Wang Tabung Masjid Negara No.fail JAKIM.MN.100-1/7/2 (42) bertarikh 1hb Februari 2014.

¹⁸² Muhammad Nuraizat Zainudin (Penolong Pengarah Bahagian Pentadbiran dan Kewangan Masjid Negara) dalam temu bual dengan pengkaji 12hb Ogos 2014.

¹⁸³ Arahan Amanah Akaun Amanah Tabung Wakaf Masjid Negara dalam Fail Perbendaharaan Malaysia KK/BP/WAI/01/7/1/1-5Jld.4(sk1/2013) bertarikh 16hb Mei 2013, 4.

- 1) Membiayai kos penerbitan, percetakan dan pengedaran buku-buku buletin dan bahan-bahan percetakan lain yang diterbitkan oleh Masjid Negara;
- 2) Membeli buku-buku, bahan rujukan dan kelengkapan/peralatan untuk kegunaan Masjid Negara;
- 3) Membayar upah/elaun/sagu hati kepada individu, syarikat atau pertubuhan kerana perkhidmatan yang diberikan;
- 4) Membiayai aktiviti-aktiviti agama, dakwah, kebajikan dan aktiviti-aktiviti berkaitan agama Islam seperti yang diputuskan oleh jawatankuasa akaun;
- 5) Membiayai projek pembangunan berkaitan memakmurkan Masjid Negara dan pembangunan ekonomi ummah; dan
- 6) Membuat pelaburan dalam simpanan tetap yang ditadbir oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM).

Selain daripada syarat-syarat perbelanjaan yang ditetapkan, Masjid Negara turut meletakkan dasar di mana setiap perbelanjaan mestilah mengambil kira tujuan dan manfaat kepada orang awam. Atas dasar ini, Masjid Negara tidak menggunakan wang derma awam ini untuk bayaran elaun dan latihan kakitangan, pembelian kelengkapan dan perkakasan pejabat sebaliknya wang daripada akaun mengurus akan digunakan.¹⁸⁴ Bagi setiap perbelanjaan yang ingin dilakukan terdapat beberapa proses yang perlu dilalui. Pertamanya Masjid Negara perlu merancang semua program atau aktiviti-aktiviti yang akan dijalankan bagi tempoh satu tahun dan seterusnya kertas-kertas cadangan akan dibentang dalam

¹⁸⁴ Tan Sri Dato' Syaikh Hj Ismail Muhammad (Imam Besar Masjid Negara, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia JAKIM), dalam temu bual dengan pengkaji, 31hb Mac 2014.

Mesyuarat Jawatankuasa Akaun Amanah Tabung Wakaf Masjid Negara. Kebiasaannya mesyuarat akan diadakan 2 kali setahun iaitu pada awal dan pertengahan tahun namun sekiranya perbelanjaan ingin dilakukan dengan kadar segera, kelulusan boleh diperolehi secara terus daripada pengerusi akaun.¹⁸⁵

c) Sewaan Aset dan Fasiliti Masjid

Selain daripada sumber peruntukan kerajaan dan derma awam, Masjid Negara turut memperoleh hasil daripada sewaan aset bangunan dan fasiliti sedia ada. Terdapat dua kategori sewaan bangunan di Masjid Negara iaitu sewaan secara tetap dan sewaan tidak tetap.¹⁸⁶ Sewaan tetap ialah sewaan berdasarkan kontrak antara Masjid Negara dan pelanggan manakala sewaan tidak tetap merupakan sewaan terhadap premis-premis dan kemudahan bangunan sedia ada mengikut kekosongan. Pada masa kini terdapat 3 pelanggan yang menyewa secara tetap iaitu Pusat Pungutan Zakat (PPZ), Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan yang menyewa ruangan pejabat. Selain itu terdapat satu bangunan kios mesin ATM di luar perkarangan masjid yang disewa kepada CIMB Bank Berhad dan satu ruangan kios cenderamata yang disewa kepada Syarikat A&A Image.¹⁸⁷ Sewaan secara tidak tetap pula boleh disewa oleh sesiapa sahaja sama ada agensi kerajaan, swasta mahupun orang persendirian. Antara kemudahan yang disewakan ialah dewan syarahan utama, bilik-bilik kuliah, bilik taklimat, bilik mesyuarat, bilik siber dan tapak ekspo. Sewaan yang dikenakan adalah termasuk kelengkapan-kelengkapan asas yang

¹⁸⁵ Mohd Rejab Ramli (Penolong Pengarah Kanan Unit Kewangan Bahagian Hub Halal, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), dalam temu bual dengan pengkaji, 2hb April 2014. Beliau juga merupakan pegawai kanan kewangan yang menguruskan Akaun Amanah Masjid Negara dari tahun 2008-2013.

¹⁸⁶ Lihat Jadual Kadar Sewaan Bangunan di Masjid Negara Kuala Lumpur yang dikeluarkan oleh Unit Pentadbiran dan Kewangan Masjid Negara.

¹⁸⁷ Nurul Azwa Safiai (Penolong Pegawai Tadbir Unit Pentadbiran dan Kewangan Masjid Negara, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia JAKIM), dalam temu bual dengan pengkaji, 31hb Mac 2014.

diperlukan oleh pelanggan seperti kerusi meja dan kesemua ruangan dilengkapi penghawa dingin manakala kadar sewaan yang dikenakan pula mengikut jam dan boleh juga disewa mengikut hari.¹⁸⁸ Walau bagaimanapun pendapatan daripada hasil-hasil sewaan ini tidak dimasukkan ke dalam akaun masjid tetapi dimasukkan ke dalam akaun hasil kerajaan¹⁸⁹.

Jadual 3.4: Kadar Sewaan Tetap Masjid Negara

BIL.	JENIS PREMIS	PENYEWA	SEWA BULANAN
1.	Ruangan Pejabat	Pusat Pungutan Zakat (PPZ)	RM 1500.00
2.	Tapak Kios Cenderamata	Syarikat A & A Image	RM 1100.00
3.	Bangunan Kios Mesin ATM	CIMB Bank Berhad	RM 550.00

Sumber: Kadar Sewaan Premis dan Bangunan Masjid Negara Tahun 2013.¹⁹⁰

Jadual 3.5: Kadar Sewaan Premis Bangunan Masjid Negara

BIL.	NAMA RUANG	KAPASITI	SEWAAN 1 JAM	SEWAAN SEHARI
1.	Dewan Syarahan Utama	300 orang	RM40.00	RM 1,000.00
2.	Bilik Kuliah 1,2,3	40 orang	RM22.00	RM 130.00
3.	Bilik Taklimat	70 orang	RM30.00	RM 200.00
4.	Bilik Mesyuarat	40 orang	RM55.00	RM 400.00
5.	Bilik Siber/Komputer	20 Orang	RM20.00	RM 100.00
6.	Tapak Ekspo	100 orang	RM40.00	RM 250.00

Sumber: Kadar Sewaan Premis dan Bangunan Masjid Negara Tahun 2013.¹⁹¹

¹⁸⁸ *Ibid.*

¹⁸⁹ Laporan Hasil Masjid Negara Tahun 2009-2013 dalam Sistem eTerimaan.

¹⁹⁰ Laporan Hasil Masjid Negara Tahun 2013 dalam Sistem eTerimaan.

¹⁹¹ *Ibid.*

d) Sumber-Sumber Lain

Selain daripada hasil sewaan, Masjid Negara turut memperolehi pendapatan tambahan melalui yuran-yuran yang dikenakan ke atas setiap aktiviti masjid yang dibiayai melalui peruntukan akaun amanah. Yuran-yuran ini termasuklah yuran kelas pengajian yang dikutip setahun sekali, yuran kelas tahfiz, yuran kem ibadah dan yuran program berkhatan.¹⁹² Walau bagaimanapun kadar yuran penyertaan yang dikenakan adalah dengan kadar minimum dan tidak bermotifkan keuntungan.¹⁹³

¹⁹² Lihat lampiran dalam penyata terimaan dan bayaran bagi Akaun Amanah Tabung Wakaf Masjid Negara tahun 2009-2013.

¹⁹³ Mohd Rejab Ramli (Penolong Pengarah Kanan Unit Kewangan Bahagian Hub Halal, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), dalam temu bual dengan pengkaji, 2hb April 2014. Beliau juga merupakan pegawai kanan kewangan yang menguruskan Akaun Amanah Masjid Negara dari tahun 2008-2013.

3.2 MASJID AL-GHUFRAN

3.2.1 Sejarah dan Latar belakang

Masjid Al-Ghufran telah didaftarkan dengan nama Surau Balai Islam di bawah pengawasan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) pada 6hb April 1993. Ia didirikan di atas sebidang tanah yang diwakafkan seorang jemaah yang bermurah hati menyerahkan sebahagian tanah peribadinya untuk dijadikan sebuah surau.¹⁹⁴ Selaras dengan peranannya, Surau Balai Islam telah diubah suai pada tahun 1998 melalui hasil sumbangan orang ramai dan golongan korporat. Kini ia bukan sahaja berfungsi sebagai tempat mendirikan solat malah lengkap dengan kemudahan seperti Sekolah Rendah Agama Balai Islam (SERAMBI), kamar musafir, dewan konferen, pejabat pentadbiran, bilik mesyuarat serta kafe. Pada 4hb April 2000, Surau Balai Islam telah dinaik taraf menjadi masjid dan diberi nama Masjid Al-Ghufran. "Al-Ghufran" bermaksud "keampunan" adalah nama yang diberikan oleh Datuk Mohd Hashim Yahaya, Mufti Wilayah Persekutuan ketika itu.¹⁹⁵

3.2.2 Struktur Pentadbiran Masjid Al-Ghufran

Di Wilayah Persekutuan, Yang Dipertuan Agong selaku ketua agama Islam adalah juga merupakan Yang Dipertua kepada Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan.¹⁹⁶ Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan atau MAIWP yang ditubuhkan melalui seksyen 4 (1) Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 atau

¹⁹⁴ "Serambi Masjid: Manfaat Teknologi Terkini", laman sesawang *MyMetro*, dicapai 11hb April 2014, http://www.hmetro.com.my/articles/SerambiMasjid_Manfaatteknologiterkini/Article.

¹⁹⁵ Maklumat Masjid al-Ghufran, laman sesawang *IslamGrid* dicapai 2 April 2014, <http://www.islamgrid.gov.my/mosque/detailed.php?id=3086>.

¹⁹⁶ Asharaf Mohd. Ramli, Abdullaah Jalil, Norman Hamdan, Asmaddy Haris dan Mohd. Aizuddin Abdul Aziz, "Kerangka Pengurusan Ekonomi dan Kewangan Masjid: Satu Analisa" (Islamic Economics System (iECONS 2009) Conference Islamic Science University of Malaysia, 15-16hb July 2009), 5.

dikenali sebagai Akta 505 adalah institusi tertinggi yang mengurus hal ehwal berkenaan Islam dan juga pihak yang berkuasa ke atas masjid-masjid di seluruh Wilayah Persekutuan. Tanggungjawab Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan ke atas masjid meliputi tanggungjawab selaku pemegang amanah masjid-masjid, kuasa kebenaran mendirikan masjid, kuasa menyelenggara masjid, memutuskan sempadan masjid, kuasa melantik pegawai masjid, kuasa memberi tauliah kepada pegawai masjid, kuasa menamatkan pelantikan pegawai masjid, dan kuasa-kuasa mengadakan peraturan tentang hal-hal pengurusan dan pengimarahannya.¹⁹⁷

Menurut Ahmad Hidayat Buang (2002)¹⁹⁸ Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan atau JAWI pula bertanggungjawab bagi menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh majlis. Jabatan ini ditubuhkan oleh kerajaan di bawah Jabatan Perdana Menteri dan diketuai oleh seorang pengarah. Bagi mengurus dan mentadbir hal ehwal masjid satu bahagian khusus yang dinamakan Bahagian Pentadbiran Masjid ditubuhkan di bawah JAWI dan diketuai oleh seorang pegawai kanan kerajaan. Di bawah bahagian ini juga ditubuhkan satu unit khusus bagi kariah atau masjid. Manakala di setiap masjid terdapat satu jawatankuasa kariah yang bertanggungjawab secara langsung mengenai pentadbiran harian masjid.

Walau bagaimanapun bermula pada Disember 2007, Bahagian Pengurusan Kariah (BPK) merupakan bahagian baru yang diwujudkan oleh pihak JAWI bagi mentadbir dan menyelaras masjid-masjid di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.¹⁹⁹ Sebelum ini, Bahagian Pengurusan Kariah merupakan sebuah unit kecil dalam Bahagian Dakwah yang


¹⁹⁷ Abdul Munir Ismail, *Urus Tadbir Masjid Secara Berkesan* (Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris 2012), 49.

¹⁹⁸ Ahmad Hidayat Buang, "Pihak berkuasa Agama dan Pentadbiran Masjid di Wilayah Persekutuan," dalam *Koleksi Kertas Kerja Pengurusan Masjid* (Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2002), 71.

¹⁹⁹ Pengurusan Kariah," laman sesawang *Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan*, dicapai 04hb April 2014, <http://www.jawi.gov.my/bahagian-jawi/pengurusan-kariah.html>.

dikenali sebagai Unit Kariah. Antara fungsi bahagian ini ialah mengurus pentadbiran masjid dan surau di seluruh Wilayah Persekutuan, memproses perlantikan, pentauliahan dan pembayaran imbuhan kepada imam ratib, pembantu bilal, guru takmir dan ahli jawatankuasa masjid serta surau.²⁰⁰

Jadual 3.6: Carta Pentadbiran Masjid-Masjid Wilayah Persekutuan



Sumber: Diubah suai daripada Jadual Asharaf Mohd Ramli et al.²⁰¹

Masjid al-Ghufran merupakan masjid di bawah kategori masjid kariah.²⁰² Justeru dari sudut pentadbiran ia adalah tertakluk kepada Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak 1952 dalam Kaedah-Kaedah Jawatankuasa Kariah Wilayah Persekutuan 1987. Enakmen tersebut menjelaskan bahawa bagi tiap-tiap kariah hendaklah ditubuhkan suatu jawatankuasa kariah yang mengandungi ahli-ahli yang dipilih atau dilantik iaitu seorang

²⁰⁰ *Ibid.*

²⁰¹ Asharaf Mohd. Ramli, Abdullaah Jalil, Norman Hamdan, Asmaddy Haris dan Mohd. Aizuddin Abdul Aziz, “Kerangka Pengurusan Ekonomi dan Kewangan Masjid: Satu Analisa” (Islamic Economics System (iECONS 2009) Conference Islamic Science University of Malaysia, 15-16hb July 2009), 5.

²⁰² Terdapat sebanyak 72 buah masjid di seluruh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di mana 64 buah daripadanya merupakan masjid kariah manakala 8 buah yang lain masjid pentadbiran. Masjid al-Ghufran pula termasuk dalam kategori masjid kariah. Hilmees Umar (Penolong Pengarah Bahagian Kariah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan), dalam temu bual dengan pengkaji 10hb September 2014.

pengerusi, seorang timbalan pengerusi, seorang setiausaha, seorang bendahari dan tujuh orang ahli lain. Semua ahli jawatankuasa yang dilantik ini diperaku dan disahkan oleh Setiausaha Majlis Agama Islam merangkap Pengarah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan setelah diberi kuasa oleh Yang Dipertuan Agong.²⁰³

a) **Organisasi**

Masjid al-Ghufran diketuai oleh pengerusi dan dibantu oleh timbalan pengerusi. Pengerusi bukanlah jawatan tetap yang diisi oleh pegawai kerajaan tetapi ia dipilih melalui lantikan ahli-ahli kariah. Peranan pengerusi masjid selaku peneraju utama di Masjid al-Ghufran disebut secara jelas dalam Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak 1952 dalam Kaedah-Kaedah Jawatankuasa Kariah Wilayah Persekutuan 1987 di mana peranannya ialah:

- a) Mmpengerusikan mesyuarat jawatankuasa kariah.
- b) Bertanggungjawab bersama-sama jawatankuasa kariah atas kelakuan baik anak kariah masjid berkenaan perkara-perkara dengan agama Islam.
- c) Melaporkan dengan segera kepada jabatan segala perkara yang berbangkit di dalam kariah yang patut diketahui oleh jabatan.
- d) Memastikan bahawa tugas-tugas jawatankuasa kariah dijalankan dengan betul.
- e) Mengawal dan mentadbir bersama-sama jawatankuasa kariah harta benda masjid termasuk harta wakaf setakat yang dibenarkan oleh undang-undang dan jabatan.
- f) Memastikan bahawa peruntukan -peruntukan kaedah-kaedah ini dipatuhi.

²⁰³ Abdul Munir Ismail, *Urus Tadbir Masjid Secara Berkesan* (Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris 2012), 53.

Walaupun pengerusi masjid diberi kuasa selaku pentadbir utama namun Majlis Agama Islam boleh dari semasa ke semasa memberi apa-apa arahan secara am kepada jawatankuasa kariah atau mana-mana anggotanya tentang hal melaksanakan kewajipannya dan menjalankan tugas-tugasnya mengikut perkara-perkara yang diputuskan oleh pihak tertinggi.²⁰⁴ Dalam menjalankan fungsi dan peranannya Masjid al-Ghufran dibahagi kepada tiga pasukan iaitu jawatankuasa masjid, pegawai pengurusan dan pegawai masjid. Ketiga-tiga pasukan menjalankan fungsi dan peranan yang berbeza.

b) Jawatankuasa Masjid

Jawatankuasa Masjid merupakan pihak yang mengurus, merancang dan menentukan hala tuju masjid. Menurut Hairunnizam Wahid (2001)²⁰⁵ terdapat tiga kaedah pelantikan jawatankuasa masjid. Kaedah pertama ialah melalui pemilihan di mesyuarat agung ahli kariah, di mana mesyuarat memilih calon untuk semua jawatan dan senarai calon itu diserahkan kepada Majlis/Jabatan Agama Islam Negeri untuk disahkan. Kaedah kedua ialah Majlis melantik individu-individu tertentu untuk mengisi jawatan-jawatan penting seperti pengerusi, timbalan pengerusi, setiausaha dan sebilangan ahli jawatankuasa, manakala mesyuarat agung ahli kariah hanya melantik beberapa orang lagi ahli jawatankuasa yang diperuntukkan. Kaedah ketiga ialah Majlis Agama Islam Negeri melantik semua ahli jawatankuasa daripada jawatan pengerusi hingga ke jawatan ahli biasa.

Di Masjid al-Ghufran kesemua ahli jawatankuasa masjid dipilih melalui mesyuarat agung oleh ahli kariah. Jumlah ahli jawatankuasa ialah seramai 11 orang yang diketuai oleh

²⁰⁴ *Ibid*, 55.

²⁰⁵ Hairunnizam Wahid, Nor Ghani Md Nor, Jaafar Ahmad dan Sanep Ahmad, "Masjid dan Pembentukan Modal Sosial: Apakah Faktor Penentu Aktivism Masjid?" (Prosiding Bengkel Penyelidikan Gunaan dalam Ekonomi Islam, Fakulti Ekonomi UKM, 23-24hb April 2001), 3.

Dato' Hassanuddin Ali sebagai pengerusi dan dibantu oleh timbalan pengerusi. Setiausaha pula berperanan mengendali dan melaporkan semua aktiviti masjid yang telah dirancang oleh jawatankuasa. Dalam mengendalikan urusan kewangan masjid, bendahari bertanggungjawab menguruskan segala penerimaan dan perbelanjaan akaun. Selain daripada itu 7 orang ahli jawatankuasa dilantik bagi mengetuai biro-biro tertentu. Biro-biro tersebut merupakan Lujnah Hal Ehwal Wanita, Lujnah Kebajikan Kemudahan Sewaan dan Fasiliti, Lujnah Pendidikan SRA al-Ghufran Belia dan Remaja, Lujnah Dakwah dan Penerbitan, Lujnah Tugas Khas dan Hari Kebesaran Islam, Lujnah Jamuan dan Keraian dan Lujnah Tugas Khas Kebersihan dan Penyelenggaraan Bangunan. Di Masjid al-Ghufran pegawai masjid tidak dilantik sebagai ahli jawatankuasa walau bagaimanapun mereka akan dijemput hadir dalam mesyuarat.²⁰⁶

c) **Pegawai Pengurusan**

Di Masjid al-Ghufran, Timbalan Pengerusi adalah merangkap Ketua Lujnah Pengurusan dan Pentadbiran. Lujnah ini berfungsi memberi perkhidmatan sokongan dalam aspek perkhidmatan, perjawatan, kewangan dan teknologi maklumat.²⁰⁷ Masjid al-Ghufran merupakan masjid yang bukan sahaja aktif dari segi program pengimarahannya malah aktiviti-aktiviti ekonominya. Sehubungan dengan itu Masjid al-Ghufran melantik 6 orang pegawai pengurusan bagi menjalankan kerja-kerja pentadbiran, pengurusan ekonomi dan kewangan. Gaji dan elaun pegawai pengurusan ini adalah di bawah tanggungan masjid. Barisan pegawai pengurusan ini diketuai oleh seorang pentadbir dan dibantu oleh seorang pegawai

²⁰⁶ Hassanuddin Ali (Pengerusi Masjid al-Ghufran PTTDI), dalam temu bual dengan pengkaji, 09hb April 2014.

²⁰⁷ "Laporan Lujnah Pengurusan & Pentadbiran Masjid al-Ghufran sesi 2012-2013" dalam *Laporan Dwi Tahunan Masjid al-Ghufran 2012 & 2013*, 14.

kewangan, seorang pegawai operasi, dua orang pengemas kamar musafir dan seorang pengawal keselamatan.

d) Pegawai Masjid

Pegawai masjid ialah imam, bilal dan siak. Pegawai-pegawai ini hanya menjalankan tugas yang telah ditetapkan terutama tugas memimpin solat dan aktiviti ibadah lain dan mereka tidak terlibat secara langsung dalam perancangan pengurusan masjid. Pegawai Masjid al-Ghufran terdiri daripada 2 orang imam yang merupakan pegawai di Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI). Selain itu 3 orang imam dan 4 orang bilal pula dilantik oleh jawatankuasa masjid dengan kelulusan JAWI.²⁰⁸ Kaedah pelantikan ini bertepatan dengan satu peraturan yang terdapat di bawah peruntukan fasal 76 (2) dan (3) Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 menjelaskan bahawa naqib, imam dan bilal adalah jawatan perkhidmatan am persekutuan dan dilantik oleh Majlis dari kalangan pegawai yang berkhidmat dalam perkhidmatan pentadbiran agama. Dalam erti kata lain, jawatan tersebut hendaklah dipegang oleh seorang yang berkhidmat di dalam kerajaan di Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI). Manakala pelantikan jawatan imam ratib dan pembantu bilal mengikut seksyen 76 (b) pula dibuat oleh Majlis atau nasihat Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak daripada kalangan anak kariah.²⁰⁹

3.2.3 Pengurusan Kewangan Masjid al-Ghufran

Umumnya, tidak ada sistem pengurusan akaun masjid secara khusus diaplikasikan oleh masjid-masjid di sekitar Wilayah Persekutuan. Kebanyakan masjid-masjid memiliki sistem

²⁰⁸ Hassanuddin Ali (Pengerusi Masjid al-Ghufran PTTDI), dalam temu bual dengan pengkaji, 09hb April 2014

²⁰⁹ Ahmad Hidayat Buang, "Pihak berkuasa Agama dan Pentadbiran Masjid di Wilayah Persekutuan," dalam *Koleksi Kertas Kerja Pengurusan Masjid* (Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2002), 77.

pengurusan akaun sendiri yang dibuat oleh jawatankuasa masjid dengan pemantauan dan persetujuan dari JAWI. Walau bagaimanapun ia adalah tertakluk kepada garis panduan, peraturan dan tatacara yang digariskan oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan namun ia bukanlah satu akta atau enakmen yang wajib dilaksanakan.²¹⁰

a) Hierarki Kewangan

Pengerusi merupakan ketua dalam hierarki kewangan namun beliau tidak mempunyai kuasa mutlak dalam membelanjakan wang daripada akaun masjid manakala bendahari pula merupakan individu yang bertanggungjawab sepenuhnya dalam menguruskan hal ehwal kewangan masjid. Bendahari dibantu oleh seorang pegawai akaun dan seorang pegawai operasi yang dilantik oleh masjid. Justeru segala urusan seperti terimaan dan pembayaran dilaksanakan oleh pegawai-pegawai tersebut di bawah pengawasan bendahari. Antara bidang-bidang tugas bendahari ialah:²¹¹

- a) Menubuh dan menyenggara tabung kewangan masjid yang hendaklah dimasukkan ke dalamnya semua derma atau sumbangan dari mana-mana orang untuk kepentingan masjid dan tabung.
- b) Menyimpan, menyenggara dan menjaga buku-buku, rekod-rekod akaun dan lain-lain dokumen jawatankuasa kariah berhubung dengan kewangan.
- c) Menerima semua wang yang dibayar kepada atau atas akaun tabung kewangan masjid dan mengeluarkan resit baginya.

²¹⁰ Zakiah Samori dan Amal Hayati Ishak, "Sistem Pengurusan Kewangan Efektif: Satu Kajian di Masjid-Masjid Terpilih," *Jurnal Pengajian Islam Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor*, Bil.v (2011), 124.

²¹¹ Lihat Abdul Munir Ismail, *Urus Tadbir Masjid Secara Berkesan* (Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris 2012), 54.

- d) Menyediakan penyata kewangan bulanan.
- e) Melaksanakan segala perbelanjaan dan perbelanjaan hanya setelah diluluskan oleh jawatankuasa kariah.

Dari aspek kelulusan dan pengesahan perbelanjaan pula, ia terbahagi kepada perbelanjaan kecil dan perbelanjaan besar. Bagi sesuatu perbelanjaan kecil, kebiasaannya ia diputuskan oleh pengerusi dan bendahari tanpa memerlukan persetujuan daripada ahli jawatankuasa masjid. Perbelanjaan kecil ialah seperti perbelanjaan dalam nilai kira-kira RM1000. Namun bagi perbelanjaan besar ia perlu mendapat persetujuan secara kolektif menerusi Mesyuarat Jawatankuasa Kariah.²¹² Namun sekiranya perbelanjaan yang ingin dilakukan itu melebihi RM50,000 kelulusan hendaklah diperolehi daripada Setiausaha Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Kariah. Peringkat kelulusan perbelanjaan adalah seperti berikut:

Jadual 3.7 : Kelulusan & Pengesahan Perbelanjaan Masjid dan Surau Wilayah Persekutuan

Bil	Had Kelulusan	Kuasa Melulus
1.	Tidak melebihi RM500	Bendahari
2.	Tidak melebihi RM1,000	Pengerusi
3.	Tidak melebihi RM5,000	Pengerusi dan bendahari
4.	Tidak melebihi RM20,000	Jawatankuasa Kariah
5.	Melebihi RM20,000	Setiausaha MAWIP

Sumber: Garis Panduan Pengurusan Kewangan Masjid dan Surau Wilayah Persekutuan MAIWP²¹³

²¹² Mohd Khalil Husain (Bendahari Masjid al-Ghufran PTTDI), dalam temu bual dengan pengkaji, 09hb April 2014.

²¹³ Garis Panduan Pengurusan Kewangan Masjid dan Surau Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur: Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, 2004), 6.

b) Operasi Kewangan

Dari susut operasi kewangan, setiap terimaan dan perbelanjaan Masjid al-Ghufran diurus dalam akaun yang dinamakan Akaun Masjid al-Ghufran. Bagi memastikan rekod-rekod kewangan diurus tadbir dengan cekap, Masjid al-Ghufran menggunakan sistem MYOB (*Mind Your Own Business*) yang merupakan satu sistem perisian perakaunan berkomputer dari Australia. Dengan menggunakan sistem ini, urusan merekod data, transaksi kewangan dan juga laporan dapat dilakukan dengan mudah dan boleh diubahsuai mengikut kehendak pelanggan. Namun begitu sistem yang digunakan ini terhad dan tidak boleh diakses dalam talian seperti sistem perakaunan kerajaan yang lain.²¹⁴

c) Aspek Kawalan

Dari aspek kawalan dan pemantauan, pemeriksaan audit dilaksanakan dari semasa ke semasa. Terdapat dua audit yang dilaksanakan di Masjid al-Ghufran iaitu audit luar (*external auditor*) dan audit dalam (*internal auditor*). Audit luar dilakukan oleh akauntan bertauliah A. Razak and Co. yang dilantik dan dibiayai oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. Pengauditan yang dilakukan ialah ke atas penyata kewangan yang mengandungi kunci kira-kira masjid pada 31hb Disember setiap tahun. Ia merangkumi penyata pendapatan dan perbelanjaan masjid, penyata penerimaan dan pembayaran masjid berserta nota-nota kepada penyata kewangan bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut.²¹⁵ Selain daripada itu audit dalam (*internal auditor*) pula dilakukan oleh juru audit Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan MAIWP pada bila-bila masa sahaja dan tidak

²¹⁴ Esamerin Misran (Pegawai Kewangan Masjid al-Ghufran PTTDI), dalam temu bual dengan pengkaji 7hb Ogos 2014.

²¹⁵ Lihat Laporan Juruaudit kepada Jawatankuasa Masjid al-Ghufran dalam *Laporan Dwi Tahunan Masjid al-Ghufran 2012-2013*, bertarikh 30hb Januari 2012.

tertakluk kepada waktu dan tempoh tertentu.²¹⁶ Tugas audit dalam adalah untuk melakukan audit semula jika sesuatu berlaku untuk memastikan ketelusan dan memuaskan hati kedua-dua belah pihak iaitu antara masjid dan MAIWP itu sendiri.²¹⁷

Selain daripada pemeriksaan audit, setiap laporan perbelanjaan kewangan turut dibentang dan dilaporkan dalam Mesyuarat Ahli Jawatankuasa Induk. Mesyuarat yang diadakan sebulan sekali ini dihadiri oleh kesemua 11 orang ahli jawatankuasa masjid. Antara perkara-perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat ini meliputi perancangan aktiviti pengimarah, kelulusan bagi perbelanjaan dan juga pembentangan laporan aktiviti dan kewangan masjid.

3.2.4 Sumber Kewangan dan Ekonomi Masjid al-Ghufran.

Sumber kewangan Masjid al-Ghufran diperolehi melalui sumbangan derma awam dan sewaan premis perniagaan, sewaan dewan dan fasiliti masjid, sewaan bumbung, sewaan kamar musafir dan sewaan kenderaan.²¹⁸ Melalui sumber-sumber inilah pihak masjid dapat menganjurkan program hari kebesaran Islam seperti bulan Ramadhan, ibadah korban, maulid nabi, perjumpaan hari raya, jamuan kenduri dan ceramah agama. Selain itu juga ia digunakan bagi menampung kos pengurusan masjid terutama bayaran gaji kakitangan dan penyelenggaraan masjid.²¹⁹

²¹⁶ Mohd Khalil Husain (Bendahari Masjid al-Ghufran PTTDI), dalam temu bual dengan pengkaji, 09hb April 2014.

²¹⁷ Zakiah Samori dan Amal Hayati Ishak, "Sistem Pengurusan Kewangan Efektif: Satu Kajian di Masjid-Masjid Terpilih," *Jurnal Pengajian Islam Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor*, Bil.v (2011), 124.

²¹⁸ "Laporan Lujnah Kewangan & Harta" dalam *Laporan Dwi Tahunan Masjid al-Ghufran 2012 & 2013*, 19.

²¹⁹ Mohd Khalil Husain (Bendahari Masjid al-Ghufran PTTDI), dalam temu bual dengan pengkaji, 09hb April 2014.

a) Derma Awam

Derma awam merupakan salah satu sumber pendapatan utama Masjid al-Ghufran. Derma awam terbahagi kepada derma tetap dan derma tidak tetap. Derma tetap diperolehi melalui tabung derma masjid dan kutipan hari jumaat. Terdapat dua buah tabung derma kekal diletakkan di dalam ruang solat utama masjid. Pada hari Jumaat pula sebanyak empat buah tabung ditambah dan diedar kepada jemaah masjid. Selain itu, terdapat beberapa dermawan yang menyumbang secara tetap setiap bulan bagi menampung perbelanjaan elektrik dan air.²²⁰ Derma tidak tetap pula merupakan sumbangan awam yang dikutip dan diperolehi berdasarkan keperluan dan permintaan masjid. Contohnya menjelang bulan Ramadhan pihak masjid akan meletakkan tabung derma khusus untuk aktiviti-aktiviti sepanjang bulan Ramadhan. Selain itu juga derma khas dikutip sempena sambutan maulidur rasul dan penyertaan ibadah korban. Seperti masjid-masjid lain di seluruh Wilayah Persekutuan, Masjid al-Ghufran turut menerima sumbangan daripada Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan bagi aktiviti Ihya' Ramadhan.²²¹ Selain itu Lujnah Hal Ehwal Wanita (HELWA) antara penyumbang kepada pendapatan masjid. Bagi setiap program yang dianjurkan oleh HELWA, kos seperti bayaran pengajar dan penceramah diperolehi melalui kutipan derma ikhlas daripada pelajar-pelajar wanita. Lebihan kos daripada setiap program anjuran HELWA akan diberikan kepada masjid.²²²

b) Sewaan Premis Perniagaan

Jawatankuasa Lujnah Kebajikan Sewaan Dan Fasiliti Masjid merupakan jawatankuasa yang bertanggungjawab kepada setiap sewaan aset dan fasiliti masjid. Masjid al-Ghufran

²²⁰ *Ibid.*

²²¹ *Ibid.*

²²² *Ibid.*

memiliki beberapa premis perniagaan antaranya sebuah restoran yang dinamakan dengan Kafe al-Ghufran yang terletak bersebelahan dengan bangunan utama masjid. Kafe ini telah dirasmikan pada 9 Mei 2009 oleh Menteri Wilayah Persekutuan pada ketika itu Senator Datuk Raja Nong Chik Raja Zainal Abidin. Pembukaan Kafe Al-Ghufran sekali gus menjadi kafe pertama di sebuah masjid di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kafe ini diwujudkan bagi mengumpul dana masjid dan dibina dengan kos bernilai RM180,000 dan mengambil masa selama empat bulan untuk disiapkan.²²³ Kadar sewa yang dikenakan ialah RM2500 sebulan. Pengurusan masjid turut mengenakan caj keuntungan sebanyak 5% kepada operator kafe bagi setiap majlis makan yang diminta oleh pelanggan Masjid al-Ghufran.²²⁴ Bagi memaksimumkan penggunaan ruang yang ada di dalam kompleks 3 buah kios/arked perniagaan telah dibina dengan kos keseluruhan sebanyak RM20000. Kios ini menjual pakaian muslimin muslimat dan juga tempahan pakaian. Ia terletak di aras yang sama dengan kafe di mana kadar sewaanannya RM750 sebulan.²²⁵

c) Sewaan Dewan dan Fasiliti Masjid

Masjid al-Ghufran mengenakan sewa ke atas penggunaan premis-premis bangunan dan fasiliti sedia ada. Dewan Solat turut disewa kepada pelanggan bagi upacara akad nikah dan kursus-kursus berskala kecil. Selain itu terdapat dewan konferen di tingkat 2 yang boleh memuatkan 140 orang. Ia dilengkapi dengan beberapa kemudahan seperti papan tulis putih, penghawa dingin dan sistem audio manakala caj tambahan sebanyak RM150 dikenakan bagi sewaan projektor. Untuk majlis keraian dan keramaian pula, Masjid al-Ghufran

²²³ “Kamar Kafe bak Hotel”, laman sesawang *Kosmo Online*, dicapai 11hb April 2014, http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2009&dt=0520&pub=Kosmo&sec=Rencana_Utama&pg=ru_01.htm#ixzz2yXokLq4E.

²²⁴ Minit Mesyuarat Agung sesi 2010/2011 Masjid al-Ghufran, 17hb Disember 2011 para 4.2 (e).

²²⁵ “Laporan Lujnah Ekonomi dan Pembangunan Masjid” dalam *Laporan Dwi Tahunan Masjid al-Ghufran 2010 & 2011*, 11.

menyediakan dua jenis dewan iaitu Dewan Humaira dan Dewan Jamuan. Dewan Humaira terletak di tingkat B2 bersebelahan Kafe Al-Ghufran dengan kapasiti sehingga 100 orang manakala Dewan Jamuan pula terletak di aras G yang boleh menampung sehingga 120 orang. Kedua-dua dewan ini dilengkapi dengan meja makan, kipas syiling dan penghawa dingin. Caj tambahan sebanyak RM150 turut dikenakan untuk pilihan sewaan berserta sistem audio. Di samping itu ruang makan yang dinamakan Bilik Balqis pula disewa kepada kumpulan kecil dan keluarga dengan kapasiti 40 orang. Ia terletak di tingkat B2 bersebelahan Kafe Al-Ghufran dengan kapasiti seramai 40 orang dan dilengkapi dengan penghawa dingin dan 4 unit meja bulat.²²⁶

d) Sewaan Kamar Musafir

Istimewanya Masjid al-Ghufran berbanding masjid lain ialah ia menyediakan 24 bilik penginapan ala hotel kepada pengunjung yang bermusafir ke ibu kota. Pengunjung boleh memilih empat jenis bilik penginapan iaitu Suite, Vip, Family dan Deluxe dengan kadar serendah RM70 hingga RM220.²²⁷ Kesemua bilik ini terletak di aras 3 bangunan dan mempunyai kemudahan-kemudahan hotel seperti penghawa dingin, set tv, astro, peti sejuk, pemanas air dan akses wifi percuma. Selain itu juga Masjid al-Ghufran turut mempunyai sebuah rumah penginapan berkonsepkan “*homestay*” yang mempunyai 3 buah bilik tidur dan 1 bilik air. Ia dibina pada tahun 2013 di tepi bangunan masjid yang sebelum ini merupakan ruangan mengambil wuduk. Kos pembinaannya ialah sebanyak RM72,352.80 menggunakan wang akaun masjid termasuk sumbangan RM10,000 daripada HELWA.²²⁸

²²⁶ *Ibid*

²²⁷ Norazmi Ahmad (Pentadbir, Masjid al-Ghufran), dalam temu bual dengan pengkaji, 28hb Mac 2014.

²²⁸ “Laporan Lujnah Ekonomi dan Pembangunan Masjid” dalam *Laporan Dwi Tahunan Masjid al-Ghufran 2012&2013*, 13.

e) **Sewaan Kenderaan**

Masjid al-Ghufran bertanggungjawab menyediakan perkhidmatan pengurusan jenazah sepanjang masa kepada ahli kariah dan orang ramai. Urusan pengurusan jenazah lelaki diuruskan oleh semua imam dan bilal masjid manakala jenazah wanita pula dibantu oleh Lujnah HELWA. Walau bagaimanapun Masjid al-Ghufran ada mengenakan bayaran perkhidmatan yang berpatutan untuk pengurusan jenazah antaranya sewaan van jenazah. Kadar sewaan yang dikenakan pula adalah berbeza-beza mengikut zon kawasan. Bagi kawasan sekitar Lembah Kelang sebanyak RM250 dikenakan manakala bagi zon A, B dan C masing-masing dengan kadar RM450, RM600 dan RM900.²²⁹

f) **Sewaan Bumbung Masjid**

Masjid menerima hasil tetap sebanyak RM21,600 sebulan melalui sewaan bumbung bangunan kepada syarikat-syarikat telekomunikasi. Syarikat-syarikat tersebut ialah Maxis, Celcom, Digi dan U Mobile dengan kadar sewa RM6000, RM4300, RM6300 dan RM5000.

3.3 ANALISIS PERBANDINGAN PENGURUSAN DERMA AWAM

Setelah melihat latar belakang, struktur pentadbiran dan operasi kewangan kedua-dua masjid pengkaji seterusnya akan membuat analisis perbandingan pengurusan derma awam kedua-dua buah masjid. Secara ringkas ia dapat dirumuskan berdasarkan jadual 3.7 berikut:

²²⁹ “Laporan Lujnah Kebajikan Sewaan dan Fasiliti Masjid” dalam *Laporan Dwi Tahunan Masjid al-Ghufran 2012&2013*, 31-32.

Jadual 3.8 : Perbandingan Pengurusan Derma Awam Masjid Negara dan Masjid al-Ghufran

Bil	Perkara	Masjid Negara	Masjid al-Ghufran
1.	Nama Akaun	Akaun Amanah Tabung Wakaf Masjid Negara	Akaun Masjid al-Ghufran
2.	Undang-Undang dan Peraturan	Seksyen 9 Akta Tatacara Kewangan 1957 Arahan Pentadbiran Pekeliling Perbendaharaan Kementerian Kewangan Malaysia Peraturan dan Syarat-Syarat dalam Arahan Akaun Amanah	Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak 1952 dalam Kaedah-Kaedah Jawatankuasa Kariah Wilayah Persekutuan 1987 Garis Panduan Pengurusan Kewangan Masjid dan Surau Wilayah Persekutuan, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan
3.	Ketua Jawatankuasa Akaun	Timbalan Ketua Setiausaha Kanan Jabatan Perdana Menteri	Pengerusi Masjid
4.	Sistem kewangan yang digunakan	Sistem dalam talian: eSPKB eTerimaan ePerolehan	Sistem manual: Perisian MYOB (<i>Mind Your Own Business</i>)
5.	Aspek Kawalan	Audit Jabatan Audit Negara Audit Luar Jabatan Perdana Menteri Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA)	Audit Dalam MAIWP Audit Luar yang dilantik oleh MAIWP Mesyuarat Ahli Jawatankuasa Induk
6.	Jenis Perbelanjaan	Aktiviti Pengimarahan Aktiviti Ekonomi Pelaburan Simpanan Tetap	Operasi dan Pentadbiran Aktiviti Pengimarahan Aktiviti Ekonomi Pelaburan Simpanan Tetap

Secara perbandingan, kajian mendapati Akaun Amanah Tabung Wakaf Masjid Negara tertakluk kepada akta, undang-undang dan peraturan yang dikeluarkan Kementerian Kewangan Malaysia selain perlu melalui pelbagai prosedur dan peraturan yang digariskan dalam arahan akaun amanah (*trust deed*). Masjid al-Ghufran pula hanya tertakluk kepada undang-undang dan peraturan yang ditetapkan oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP). Pengkaji melihat kawalan yang ketat terhadap perbelanjaan akaun Masjid Negara sebenarnya bertujuan memastikan perbelanjaan dilakukan dengan cekap telus dan penuh akauntabiliti. Kebebasan berbelanja juga kadangkala membuka ruang berlakunya penyelewengan dana tabung masjid dan penyalahgunaan kuasa sebagaimana yang pernah berlaku di masjid-masjid negeri Melaka berpunca daripada kegagalan pihak pentadbiran mentadbir urus sistem pengurusan kewangan masjid dengan baik.²³⁰ Prosedur perbelanjaan akaun Masjid al-Ghufran pula lebih mudah dan tidak rumit di mana setiap perbelanjaan hanya diluluskan di peringkat jawatankuasa kariah yang dipengerusikan oleh pengerusi masjid. Meskipun terdapat garis panduan perbelanjaan yang telah ditetapkan oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan namun sebahagian besar masjid tidak mematuhi arahan dan garis panduan tersebut.²³¹ Atas sebab ini juga pengkaji berpandangan Masjid al-Ghufran lebih aktif menjana ekonominya disebabkan kelulusan belanja mudah diperolehi di samping tidak terlalu terikat dengan birokrasi pentadbiran.

Dalam menentukan dasar dan hala tuju pengurusan wang derma awam, jawatankuasa akaun Masjid Negara diketuai oleh Timbalan Ketua Setiausaha Kanan Jabatan Perdana Menteri manakala Masjid al-Ghufran pula diketuai oleh pengerusi masjid. Meskipun Imam Besar merupakan ketua pentadbir tertinggi di Masjid Negara namun

²³⁰ Zakiah Samori dan Amal Hayati Ishak, "Sistem Pengurusan Kewangan Efektif: Satu Kajian di Masjid-Masjid Terpilih," *Jurnal Pengajian Islam Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor*, Bil.v (2011), 127.

²³¹ Mohamad Zaki Hassan (Penolong Pengarah Cawangan Penyelarasan dan Perancangan Kariah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan), dalam temu bual dengan pengkaji 13hb Ogos 2014.

pelantikan Timbalan Ketua Setiausaha Kanan Jabatan Perdana Menteri sebagai ketua jawatankuasa akaun adalah bertujuan agar pentadbiran masjid lebih cekap, berintegriti selain memastikan dasar-dasar masjid selari dengan apa yang digariskan oleh kerajaan.²³²

Dari aspek pengurusan kewangan pula, Masjid Negara menggunakan sistem dalam talian yang dikenali dengan sistem eSPKB, eTerimaan dan ePerolehan manakala Masjid al-Ghufran menggunakan sistem perisian manual iaitu MYOB (*Mind Your Own Business*). Pengkaji mendapati sistem pengurusan kewangan dalam talian lebih efektif, menepati masa di samping menjamin akauntabiliti kerana sesuatu proses kerja atau transaksi yang dibuat dalam talian perlu dilaksanakan dalam tempoh masa yang ditetapkan. Selain itu juga setiap wang terimaan dan perbelanjaan yang direkodkan dalam talian akan dipantau secara automatik dalam sistem juruaudit Jabatan Perdana Menteri dan tidak boleh dipinda tanpa kelulusannya.²³³

Seterusnya kajian mendapati kedua-dua masjid mempunyai aspek kawalan kewangan yang baik. Masjid Negara diaudit oleh juru audit luar Jabatan Audit Negara, Jabatan Perdana Menteri selain audit dalaman melalui Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA). Akaun Masjid al-Ghufran pula diaudit oleh audit dalam Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan audit luar oleh syarikat akauntan yang dilantik oleh MAIWP.

Selain daripada itu, kajian mendapati terdapat perbezaan terhadap jenis-jenis perbelanjaan yang dilakukan oleh kedua-dua masjid. Masjid Negara tidak memperuntukkan perbelanjaannya bagi bayaran operasi dan pentadbiran kerana ia ditanggung di bawah

²³² Megat Amirul Zaini Megat Jamaludin (Timbalan Ketua Akauntan, Kementerian Sumber Manusia) dalam temu bual dengan pengkaji, 14hb Ogos 2014.

²³³ Zaini Yusof (Ketua Pembantu Tadbir Unit Pentadbiran dan Kewangan Masjid Negara, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia JAKIM), dalam temu bual dengan pengkaji, 31hb Mac 2014.

akaun kerajaan berbanding Masjid al-Ghufran yang membiayai keseluruhan perbelanjaan termasuk belanja operasi dan pentadbiran masjid.

3.4 KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan dalam bab ini beberapa kesimpulan dapat dibuat dari segi pentadbiran, pengurusan dan juga perbelanjaan ekonomi kedua-dua masjid. Umumnya sistem pentadbiran dan pengurusan kewangan Masjid Negara adalah tertakluk kepada dasar-dasar dan arahan kerajaan kerana ia merupakan masjid yang ditadbir sepenuhnya oleh kakitangan kerajaan. Sistem pentadbiran Masjid al-Ghufran pula adalah berbeza di mana ia ditadbir oleh ahli jawatankuasa yang terdiri daripada kalangan ahli kariah dengan pemantauan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan. Seterusnya pula, perbezaan kategori sesebuah masjid seperti Masjid Negara sebagai masjid JAKIM dan Masjid al-Ghufran sebagai masjid kariah mempengaruhi peranan dan fungsi yang dimainkan oleh masjid itu sendiri termasuklah fungsinya dari sudut menjana ekonomi. Akhir sekali, dengan mengambil kira kemampuan kewangan kedua-dua masjid, ia sebenarnya mampu melangkaui fungsinya dalam konteks meningkatkan taraf sosio ekonomi ummah.

BAB EMPAT

ANALISIS DAPATAN KAJIAN

4.0 PENDAHULUAN

Bab ini merupakan kemuncak bagi kajian ini yang menjadi penentu utama kepada pencapaian objektif yang digariskan dalam bab satu. Dalam bab ini pengkaji akan membuat analisis terhadap akaun yang menguruskan derma awam iaitu Akaun Amanah Tabung Wakaf Masjid Negara dan Akaun Masjid al-Ghufran. Sumber pendapatan dan agihan perbelanjaan Masjid Negara dan Masjid al-Ghufran akan dianalisis secara deskriptif berdasarkan laporan kewangan tahunan rasmi kedua-dua masjid. Analisis akan menyentuh hubungan dan juga perbandingan dapatan antara kedua-dua masjid ini. Dua perbandingan yang akan dilakukan iaitu perbandingan di antara pendapatan dan perbelanjaan dan yang kedua perbandingan hasil dapatan antara kedua-dua masjid. Hasil kajian juga seterusnya akan ditumpukan kepada sumber pendapatan daripada derma awam yang menjadi fokus utama kajian. Selain itu juga sebab-sebab yang mempengaruhi hasil kajian turut dianalisis. Di akhir bab ini pengkaji turut memaparkan cabaran-cabaran dan masalah-masalah yang dihadapi oleh kedua-dua masjid.

4.1 PUNCA PENDAPATAN MASJID NEGARA

Bahagian ini dimulakan dengan mengenal pasti pendapatan yang diperolehi oleh Masjid Negara dalam tempoh lima tahun kajian. Berdasarkan laporan kewangan tahunan rasmi, pengkaji mendapati Masjid Negara memperoleh pendapatan daripada tiga sumber utama iaitu wang derma awam, pelaburan simpanan tetap dan hasil-hasil lain. Derma awam merupakan wang yang disumbangkan oleh orang awam, syarikat dan juga pertubuhan ke dalam tabung masjid. Pelaburan simpanan tetap merupakan keuntungan yang diperolehi melalui pelaburan dalam akaun simpanan tetap bank-bank perdagangan manakala hasil-hasil lain pula ialah wang yang diperolehi hasil daripada sebarang aktiviti yang menggunakan peruntukan akaun amanah seperti yuran pengajian, yuran kem ibadah dan yuran berkhitan.²³⁴ Berikut adalah sumber pendapatan Masjid Negara bagi tahun 2009-2013:

JADUAL 4.1: Sumber Pendapatan Masjid Negara Tahun 2009-2013

BIL	PUNCA HASIL	2009	2010	2011	2012	2013
1.	Derma Awam	369,148.75	643,995.62	690,145.75	771,701.80	1,090,117.55
2.	Pelaburan Simpanan Tetap	12,244.10	11,789.16	10,350.10	14,016.00	16,678.26
3.	Hasil-Hasil Lain	68,590.00	66,563.40	191,970.00	267,121.50	193,125.00
	JUMLAH	449,982.85	722,348.18	892,465.85	1,052,839.30	1,299,920.81


Sumber: Diubahsuai daripada penyata terimaan dan bayaran tahunan Akaun Amanah Tabung Wakaf Masjid Negara 2009-2013.²³⁵

²³⁴ Lihat lampiran dalam penyata terimaan dan bayaran bagi Akaun Amanah Tabung Wakaf Masjid Negara tahun 2009-2013.

²³⁵ Laporan Kewangan Rasmi dalam buku Mesyuarat Jawatankuasa Akaun Amanah Tabung Wakaf Masjid Negara tahun 2009-2013.

Jadual 4.1 di atas menunjukkan jumlah pendapatan yang diperolehi oleh Masjid Negara daripada ketiga-tiga sumber hasil adalah tinggi dan sentiasa meningkat pada setiap tahun. Contohnya pada tahun 2009 jumlah pendapatan yang diperolehi oleh Masjid Negara ialah sebanyak RM449,982.85 manakala pada tahun 2010 ia meningkat melebihi 60% kepada RM722,348.18. Pada tahun berikutnya iaitu pada 2011 jumlah pendapatan terus meningkat sebanyak 23.55% iaitu RM892,465.85 dan RM 1,052,839.30 pula pada tahun 2012 peningkatan sebanyak 18%. Masjid Negara seterusnya memperoleh pendapatan tertinggi pada tahun 2013 dengan jumlah pendapatan mencecah RM1,299,920.81. Secara keseluruhan jumlah pendapatan Masjid Negara antara tahun 2009 – 2013 adalah sebanyak RM 4,417,556.99. Seterusnya pengkaji akan membuat analisis terhadap pecahan pendapatan Masjid Negara yang digabung selama lima tahun mengikut kategori seperti dalam rajah 4. 2 di bawah:

Rajah 4.2: Pecahan Pendapatan Masjid Negara 2009-2013



Sumber: Akaun Amanah Tabung Wakaf Masjid Negara 2009-2013.

Berdasarkan rajah 4.2 didapati 81% daripada pendapatan Masjid Negara adalah berpunca daripada derma awam iaitu sebanyak RM3,565,109.47. Hasil-hasil lain pula merupakan penyumbang kedua terbesar iaitu 18% bersamaan RM787,369.90, manakala pendapatan terkecil pula ialah keuntungan daripada pelaburan simpanan tetap iaitu sebanyak 1% atau RM65,07762. Melihat kepada jadual dan carta di atas dapat disimpulkan bahawa Masjid Negara bergantung kepada wang derma awam sebagai sumber pendapatan utama. Pengkaji tidak mendapati sebarang sumber pendapatan yang dijana oleh masjid sendiri sama ada daripada aktiviti-aktiviti ekonomi yang dijalankan melainkan keuntungan kecil yang diperolehi daripada pelaburan dalam akaun simpanan tetap. Hasil penemuan ini adalah selari dengan kajian yang pernah dilakukan oleh Yahya Mohd Hussin, Fidlizan Muhammad, Azila Abdul Razak, Nurul Fadly Habidin dan Syed Ismail Syed Mohamad di institusi masjid yang turut mendapati masjid di seluruh negeri Perak juga bergantung pada derma awam sebagai hasil utama masjid iaitu menerusi kutipan tabung Jumaat.²³⁶ Selain itu juga kajian oleh Zainal Samdin, Mat Noor Mat Zain & Muhammad Firdaus Abdul Manaf terhadap pengurusan kewangan di masjid daerah Jelevu turut memperolehi dapatan yang hampir sama di mana wang derma awam merupakan satu-satunya hasil utama pendapatan masjid di daerah Jelevu.²³⁷

Seterusnya analisis secara terperinci terhadap prestasi kutipan derma awam bagi Masjid Negara juga dipaparkan dalam jadual 4.3:

²³⁶ Mohd Yahya Mohd Hussin, Fidlizan Muhammad, Azila Abdul Razak, Nurul Fadly Habidin dan Syed Ismail Syed Mohamad, "Eksplorasi Dana Kewangan Masjid di Negeri Perak" (Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VII (PERKEM VII), Transformasi Ekonomi Dan Sosial Ke Arah Negara Maju, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan Universiti Kebangsaan Malaysia, Ipoh, Perak, 4 – 6hb Jun 2012), 1281.

²³⁷ Zainal Samdin, Mat Noor Mat Zain dan Muhammad Firdaus Abdul Manaf, "Pengurusan Kewangan Masjid di Daerah Jelevu," (Prosiding Kolokium Antarabangsa Siswazah Pengajian Islam (KASPI 2013) anjuran Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, Institut Latihan KWSP Kajang, 13-14hb November 2013).

Jadual 4.3: Kutipan Derma Awam Masjid Negara Tahun 2009-2013

BULAN	2009	2010	2011	2012	2013
JANUARI	22,099.35	64,858.05	50,892.40	76,897.85	96,221.05
FEBRUARI	26,432.25	58,962.90	34,844.20	56,404.40	73,510.00
MAC	30,113.25	41,732.90	55,795.10	52,287.35	73,891.35
APRIL	25,062.55	49,397.05	54,588.20	75,442.50	107,457.10
MEI	21,467.80	43,035.47	74,038.41	55,731.10	70,390.05
JUN	31,587.65	51,346.20	54,119.95	57,337.55	77,902.50
JULAI	29,777.40	51,681.35	54,501.36	82,757.20	129,844.00
OGOS	27,084.35	52,678.34	66,825.45	72,973.95	88,543.35
SEPTEMBER	36,244.20	69,819.85	62,259.10	33,637.95	76,587.20
OKTOBER	32,633.70	46,326.96	53,511.95	77,849.05	110,727.20
NOVEMBER	32,234.95	46,915.55	67,406.55	56,983.70	81,754.40
DISEMBER	54,411.30	67,241.00	61,363.08	73,399.20	103,289.35
JUMLAH	369,148.75	643,995.62	690,145.75	771,701.80	1,090,117.55

Sumber: Penyata Terimaan Tabung Jumaat Unit Kewangan Masjid Negara Tahun 2009-2013.

Merujuk pada jadual 4.3 di atas, didapati kutipan bulanan derma awam Masjid Negara adalah tinggi dan jumlahnya pula meningkat secara konsisten mengikut tahun. Pada tahun 2009 Masjid Negara memperolehi kutipan sebanyak RM369,148.75. Kutipan didapati meningkat secara drastik iaitu sebanyak 74.45% pada tahun 2010 dengan jumlah kutipan sebanyak RM643,995.62. Pada tahun 2011 dan 2012 pula, kutipan terus meningkat kepada 690,145.75 dan RM771,101.80 masing-masing dengan peratus peningkatan sebanyak 7.16% dan 11.81%. Kutipan derma awam mencecah jumlah tertinggi pada tahun 2013 iaitu sebanyak RM1,090,117.55 dengan peningkatan sebanyak 41.26%.

Peningkatan jumlah kutipan derma dilihat paling ketara pada tahun 2010. Peningkatan ini berlaku ekoran pihak masjid melipat gandakan lagi kaedah kutipan derma melalui pembelian tambahan dua unit tabung derma pada suku tahun pertama 2010 dengan kos sebanyak RM12,940.00.²³⁸ Pemantauan yang dilakukan oleh Unit Kewangan Masjid Negara mendapati penambahan tabung masjid ini terbukti menyumbang kepada satu perempat daripada hasil kutipan derma para jemaah untuk setiap minggu.²³⁹ Selain itu, kejayaan Masjid Negara mempelbagaikan lagi aktiviti-aktiviti pengimarahannya turut mendorong masyarakat turut hadir ke masjid sambil menderma di mana mereka yakin dengan kemampuan pengurusan Masjid Negara untuk mentadbir urusan institusi masjid.²⁴⁰

4.2 PERBELANJAAN MASJID NEGARA

Seterusnya kajian akan diteruskan terhadap aspek perbelanjaan Masjid Negara sepanjang lima tahun kajian daripada 2009 sehingga 2013. Terdapat tiga pecahan kategori perbelanjaan yang dibuat oleh Masjid Negara iaitu bayaran upah penceramah, membiayai aktiviti-aktiviti pengimarahannya dan perbelanjaan projek pembangunan masjid dan ekonomi. Butiran lanjut kepada tiga kategori perbelanjaan ini dijelaskan seperti dalam jadual 4.4 berikut:

²³⁸ Lihat laporan perbelanjaan aktiviti yang diluluskan dalam Buku Mesyuarat Jawatankuasa Tadbir Akaun Amanah Masjid Negara bil.2/2010.

²³⁹ Lihat Kertas Cadangan Pembelian Tabung Masjid di Masjid Negara yang dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tadbir Akaun Amanah Masjid Negara Jabatan Kemajuan Islam Malaysia bil.1/2010 pada 19hb Januari 2010.

²⁴⁰ Tan Sri Dato' Syaikh Ismail Muhammad (Imam Besar, Masjid Negara Jabatan Kemajuan Islam Malaysia JAKIM), dalam temu bual dengan pengkaji, 07hb Julai 2014.

Jadual 4.4: Kategori Perbelanjaan Masjid Negara

Bil.	Kategori Perbelanjaan	Butiran Perbelanjaan
1.	Bayaran upah penceramah	Bayaran kepada penceramah kuliah mingguan dan kuliah Jumaat. Bayaran kepada tenaga pengajar kelas-kelas pengajian seperti kelas Bahasa Inggeris, kelas pengajian dewasa dan kelas al-Quran. Bayaran fasilitator dan kaunseling bagi Pusat Pembangunan Keluarga. Bayaran penceramah dan fasilitator bagi kursus-kursus dan seminar seperti kursus pengurusan jenazah dan kem ibadah.
2.	Program pengimarah	Bayaran perkhidmatan katerer. Bantuan sumbangan kepada OKU, fakir miskin dan ibu tunggal. Bayaran pencetakan buku-buku terbitan Masjid Negara. Bayaran pembelian alatan dan perkakasan bagi aktiviti-aktiviti masjid. Bayaran pakej bagi penganjuran kursus dan kem ibadah. Bayaran bagi bekalan perkhidmatan untuk aktiviti masjid seperti cenderamata dan banner program.
3.	Projek pembangunan masjid dan ekonomi	Bayaran kepada kontraktor bagi pembinaan perpustakaan dan galeri masjid.

Sumber: Laporan Tahunan Pencapaian Program/Aktiviti Masjid Negara 2013.

Seterusnya jadual 4.5 pula menjelaskan pecahan jumlah perbelanjaan yang dilakukan oleh Masjid Negara sepanjang tahun 2009-2013.

Jadual 4.5: Perbelanjaan Masjid Negara Tahun 2009-2013

BIL	PERBELANJAAN	2009	2010	2011	2012	2013
1.	Bayaran penceramah	192,610.00	356,771.08	238,324.50	236,690.00	278,180.00
2.	Program pengimarah	183,350.00	211,735.00	357,419.90	388,225.00	602,625.00
3.	Projek memakmurkan masjid & ekonomi	-	-	-	-	372,900.00
	JUMLAH	375,960.00	568,506.08	595,744.40	624,915.00	1,253,705.00

Sumber: Diubahsuai daripada Penyata Terimaan dan Bayaran Tahunan Akaun Amanah Tabung Wakaf Masjid Negara 2009-2013.


Berdasarkan Jadual 4.5, dua kategori perbelanjaan yang ditanggung oleh Masjid Negara setiap tahun iaitu perbelanjaan bagi membayar elaun penceramah dan perbelanjaan untuk program pengimaran. Perbelanjaan bagi projek memakmurkan masjid dan ekonomi pula hanya dilaksanakan pada tahun 2013. Ketiga-tiga kategori perbelanjaan ini dibiayai melalui satu sumber yang disatukan dalam Akaun Amanah Tabung Wakaf Masjid Negara.²⁴¹

Dari sudut trend perbelanjaan pula, didapati perbelanjaan Masjid Negara sentiasa meningkat setiap tahun. Pada tahun 2009 Masjid Negara hanya membelanjakan sebanyak RM375,960 namun perbelanjaannya meningkat 51.21% pada tahun 2010 sahaja iaitu sebanyak RM568,506.08. Pada tahun 2011 dan 2012 pula, perbelanjaan Masjid Negara didapati mengalami peningkatan yang kecil iaitu sekadar 4.79% dan 4.89% iaitu dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM595,744.40 dan RM624,915.00. Namun begitu perbelanjaan Masjid Negara pada tahun 2013 didapati meningkat sekali ganda iaitu 100.62% dengan perbelanjaan sebanyak RM1,253,705. Analisis mendapati peningkatan perbelanjaan yang besar berlaku pada tahun 2013 adalah rentetan daripada perbelanjaan bagi projek memakmurkan ekonomi dan masjid. Projek ini merupakan projek pembinaan perpustakaan dan galeri masjid.

Analisis selanjutnya akan melihat kepada prestasi perbelanjaan Masjid Negara mengikut pecahan peratus. Ia dapat dilihat kepada Rajah 4.6 berikut:

²⁴¹ Setiap perbelanjaan yang dibuat tidak dapat dipastikan ia datang daripada punca pendapatan yang mana satu disebabkan wang yang dimasukkan ke dalam Akaun Amanah Tabung Wakaf Masjid Negara ini dicampur aduk dan tidak dibuat pecahan mengikut kategori punca pendapatan. Ia berbeza dengan perbelanjaan yang dibuat melalui akaun kerajaan yang jelas menyatakan punca pendapatan berdasarkan kod-kod bidang tertentu, Muhammad Nuraizat Zainudin (Penolong Pengarah Bahagian Pentadbiran dan Kewangan Masjid Negara) dalam temu bual dengan pengkaji 12hb Ogos 2014.

Rajah 4.6: Peratus Perbelanjaan Masjid Negara 2009-2013



Sumber: Diolah daripada Penyata Terimaan dan Bayaran Tahunan Akaun Amanah Tabung Wakaf Masjid Negara 2009-2013.

Berdasarkan rajah 4.6 di atas didapati jumlah keseluruhan perbelanjaan Masjid Negara selama lima tahun tersebut ialah sebanyak RM 3,418,830.48. Kajian turut mendapati 51% daripada perbelanjaan keseluruhan atau sebanyak RM1,743,354.90 adalah untuk membiayai program dan aktiviti pengimarahhan. Perbelanjaan kedua terbesar ialah sebanyak 38.10% atau RM1,302,575.58 bagi tujuan membayar upah penceramah manakala perbelanjaan terkecil iaitu 10.90% atau RM372,900.00 adalah bagi perbelanjaan projek pembangunan masjid dan ekonomi ummah.

4.3 PUNCA PENDAPATAN MASJID AL-GHUFRAN

Seterusnya analisis diteruskan terhadap pendapatan yang diperolehi oleh Masjid al-Ghufran dalam tempoh lima tahun kajian. Masjid al-Ghufran memperolehi pendapatan daripada empat punca utama iaitu derma awam, sewaan, faedah pelaburan simpanan tetap dan lain-

lain pendapatan.²⁴² Derma awam terbahagi kepada tiga kategori iaitu kutipan Jumaat, derma khas Ramadhan dan juga derma am. Sewaan pula terbahagi kepada sewaan bumbung masjid kepada syarikat telekomunikasi, sewaan kamar musafir dan juga lain-lain sewaan seperti sewaan premis bangunan, kafeteria, kios perniagaan dan juga van jenazah. Lain-lain pendapatan pula seperti sumbangan yuran kelas pengajian hal ehwal wanita (HELWA), sumbangan dari Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) dan yuran penyertaan program.²⁴³ Butiran lanjut pendapatan Masjid al-Ghufran adalah seperti dalam jadual 4.7 di bawah:

JADUAL 4.7: Sumber Pendapatan Masjid al-Ghufran Tahun 2009-2013

B I L	PUNCA HASIL	2009	2010	2011	2012	2013
1	Derma Awam					
	Kutipan Jumaat	84,297.00	99,836.98	108,771.70	138,843.97	152,087.99
	Derma Ramadhan	82,809.00	86,539.00	234,065.95	276,379.60	283,638.77
	Derma Am	354,459.27	377,048.33	206,082.45	158,514.76	362,543.45
	JUMLAH	521,565.27	563,424.31	548,920.10	573,738.33	798,270.21
2	Sewaan					
	Bumbung Antena	282,200	276,700	269,700	259,200	253,200
	Kamar Musafir	236,796	299,179	253,195.60	246,051.22	247,262.70
	Lain-lain Sewaan	95,887.58	156,962.96	128,362.70	180,382.70	290,119.90
	JUMLAH	614,883.58	732,841.96	651,258.30	685,633.92	790,582.60
3	Faedah Pelaburan Simpanan Tetap	4038.46	841.39	3,227.67	2468.04	1683.99
4	Lain-Lain Pendapatan					
	Bantuan JAWI	20,000.00	17,680.00	10,450.00	20,450.00	5950.00
	Kelas Pengajian	32,328.00	20,750.00	63,331.50	51,800.00	250.00
	Kutipan Korban	45,850.00	53,934.00	60,220.90	65,000.00	
	Lain-Lain	41,051.60	53,157.49	108,821.01	39,920.60	
	Pencairan Deposit Tetap	-	-	100,000.00	-	-
	JUMLAH	139,230.29	145,521.49	342,823.41	177,170.60	79,950.00
	JUMLAH KESELURUHAN	1,279,717.60	1,442,629.15	1,546,229.48	1,439,010.89	1,670,486.80

Sumber: Diubahsuai daripada Laporan Dwi Tahunan Masjid al-Ghufran 2010-2013.

²⁴² Laporan Dwi Tahunan Masjid al-Ghufran 2012-2013.

²⁴³ *Ibid.*

Merujuk Jadual 4.7 di atas, jumlah pendapatan tahunan Masjid al-Ghufran sentiasa menunjukkan trend peningkatan dari tahun ke tahun kecuali pada tahun 2012. Pada tahun 2009, pendapatan keseluruhan yang diperolehi daripada pelbagai sumber adalah sebanyak RM1,279,717.60. Jumlahnya terus meningkat pada tahun berikutnya kepada RM1,442,629.15 dan RM1,546,229.48 pada tahun 2010 dan 2011 dengan peratus peningkatan masing-masing mencatatkan sebanyak 12.73% dan 7.18%. Peningkatan melebihi kutipan purata yang ditunjukkan pada tahun 2011 ini adalah disumbangkan melalui pencairan deposit tetap sebanyak RM100,000.00.²⁴⁴ Bagaimanapun pada tahun 2012 pendapatan Masjid al-Ghufran mengalami penurunan sebanyak 6.93% dengan jumlah RM1,439,010.89. Akhirnya pada tahun 2013 Masjid al-Ghufran kembali mencatatkan peningkatan pendapatan kepada RM1,670,486.80 iaitu sebanyak 16%.

Seterusnya analisis dilakukan terhadap sumber pendapatan daripada derma awam. Kajian mendapati trend kutipan Jumaat dan derma Ramadhan Masjid al-Ghufran sentiasa mengalami peningkatan pada setiap tahun dari tahun 2009-2013. Namun trend kutipan bagi derma am pula didapati sebaliknya. Pada tahun 2010 kutipan derma am meningkat sebanyak 8% namun kutipan menurun pada dua tahun berikutnya 2011 dan 2012 sebanyak 45.34% dan 23.08%. Pada tahun 2013 pula ia kembali meningkat sehingga 128.71% iaitu sebanyak RM362,543.45. Data derma am yang tidak konsisten ini disebabkan oleh kutipan yang dibuat oleh pihak masjid adalah berdasarkan keperluan tertentu pada sesuatu tahun seperti keperluan untuk melaksanakan projek pembangunan, membuat pengubahsuaian bangunan, menukar permaidani dan keperluan wang derma untuk aktiviti-aktiviti khusus.²⁴⁵


²⁴⁴ Pencairan wang masjid daripada akaun simpanan tetap adalah bertujuan untuk membuat bayaran pampasan kepada kontraktor dalam satu kes mahkamah yang melibatkan Masjid al-Ghufran, Mohd Khalil Husain (Bendahari Masjid al-Ghufran PTTDI), dalam temu bual dengan pengkaji, 22hb September 2014.

²⁴⁵ Mohd Khalil Husain (Bendahari Masjid al-Ghufran PTTDI), dalam temu bual dengan pengkaji, 09hb April 2014.

Atas alasan ini pengkaji melihat dapatan yang terhasil ini tidak menjejaskan teori awal kutipan derma yang sentiasa meningkat pada setiap tahun.

Seterusnya rajah 4.8 berikut pula menunjukkan pecahan sumber pendapatan dalam tempoh lima tahun kajian mengikut kiraan peratus:

Rajah 4.8 : Pecahan Sumber Pendapatan Masjid al-Ghufran 2009-2013



Sumber: Diubahsuai daripada Laporan Dwi Tahunan Masjid al-Ghufran 2010-2013.

Merujuk kepada rajah 4.8 didapati punca terbesar pendapatan Masjid al-Ghufran diperolehi melalui hasil sewaan iaitu 47.10% atau sebanyak RM3,475,200.36. Derma awam pula merupakan penyumbang kedua terbesar dengan pecahan 40.74% atau sebanyak RM3,005,918.22. Seterusnya lain-lain pendapatan menyumbang sebanyak 12% daripada keseluruhan pendapatan dengan jumlah RM884,695.79 manakala sumber pendapatan terendah ialah 0.16% atau sebanyak RM65,07762 yang diperolehi melalui keuntungan daripada pelaburan simpanan tetap.

Secara keseluruhannya, pengkaji mendapati Masjid al-Ghufran tidak bergantung sepenuhnya kepada punca pendapatan daripada derma awam malah hasil sewaan melibatkan aset-aset masjid seperti sewaan bumbung antena, kamar musafir dan lain-lain sewaan sering melebihi pendapatan daripada derma awam. Sebagai contoh pada tahun 2009 hasil daripada sewaan ialah sebanyak RM614,883.58 manakala hasil daripada derma awam pula sebanyak RM521,565.27. Begitu juga halnya pada tahun 2010, 2011 dan 2012. Ini membuktikan Masjid al-Ghufran merupakan masjid yang aktif menjana kewangan sendiri melalui aktiviti ekonomi dan perniagaan yang dijalankan. Selain itu juga berdasarkan jumlah keuntungan yang minimum daripada pelaburan simpanan tetap membuktikan Masjid al-Ghufran tidak banyak melaburkan wang lebihan ke dalam akaun simpanan tetap.

4.4 PERBELANJAAN MASJID AL-GHUFRAN

Kajian diteruskan terhadap analisis perbelanjaan Masjid al-Ghufran bagi tahun 2009-2013. Terdapat empat kategori perbelanjaan yang ditanggung oleh Masjid al-Ghufran iaitu perbelanjaan operasi dan pengurusan, perbelanjaan pengimarahannya, bayaran gaji & elaun pekerja dan perbelanjaan utiliti. Walau bagaimanapun setiap perbelanjaan yang dibuat tidak dapat dipastikan ia diambil daripada sumber pendapatan yang mana satu disebabkan wang pendapatan yang dimasukkan ke dalam akaun masjid al-Ghufran ini tidak dipecahkan mengikut kategori sebaliknya dicampur dan disatukan dalam akaun yang sama.²⁴⁶ Seterusnya Jadual 4.9 berikut menjelaskan butiran lanjut perbelanjaan Masjid al-Ghufran mengikut kategori:

²⁴⁶ Esamerin Misran (Pegawai Kewangan Masjid al-Ghufran PTTDI), dalam temu bual dengan pengkaji 7hb Ogos 2014.

Jadual 4.9 : Perbelanjaan Masjid al-Ghufran 2009-2013

B I L	PERBELANJAAN	2009	2010	2011	2012	2013
1.	Operasi & Pengurusan					
	Penyelenggaraan Masjid	47,489.59	73,854.47	30,408.70	44,747.75	83,897.30
	Penyelenggaraan Peralatan	19,820.40	7,663.90	14,707.54	29,049.52	34,069.30
	Kamar Musafir	22,983.05	78,410.56	20,243.75	13,951.20	14,941.61
	Alat Tulis & Percetakan	8,979.49	32,851.03	13,775.04	19,704.43	9,507.68
	Belanja Pengurusan Masjid	-	130,351.14	-	-	-
	Lain-Lain	53,737.27	123,434.37	80,897.73	105,398.49	71,469.12
	JUMLAH	153,009.80	446,565.47	160,032.76	212,851.39	213,885.01
2.	Pengimarahannya	454,178.60	410,758.94	402,561.05	526,243.60	516,520.39
3.	Gaji & elaun pekerja	224,957.15	225,711.80	280,577.50	281,576.55	304,576.23
4.	Utiliti	139,417.36	147,346.33	138,504.20	163,814.75	172,782.25
	JUMLAH	971,562.91	1,230,382.54	981,675.51	1,184,486.29	1,207,763.88


Sumber: Diolah daripada Laporan Dwi Tahunan Masjid al-Ghufran 2010&2011 dan 2012&2013.

Merujuk kepada jadual 4.9, didapati trend perbelanjaan Masjid al-Ghufran mengalami peningkatan dan penurunan. Pada tahun 2009 Masjid al-Ghufran membelanjakan sebanyak RM971,562.91 manakala perbelanjaan pada tahun 2010 didapati meningkat kepada RM1,230,382.54. Perbelanjaan pada tahun ini juga merekodkan jumlah tertinggi berbanding tahun-tahun yang lain disebabkan Masjid al-Ghufran terpaksa mengeluarkan bayaran luar jangka sebanyak RM257,168.00 bagi membaik pulih kamar musafir yang

mengalami satu kebakaran pada 6 Disember 2010.²⁴⁷ Pada tahun 2011 pula jumlah perbelanjaan didapati menurun kepada RM981,675.51. Perbelanjaan Masjid al-Ghufran terus meningkat pada dua tahun berikutnya kepada RM1,184,486.29 dan RM1,207,763.88.

Seterusnya perbelanjaan Masjid al-Ghufran akan dianalisis mengikut pecahan kategori dan jenis perbelanjaan pula. Ia dapat dilihat melalui rajah 4.5.2 berikut:

Rajah 4.10 : Peratusan Perbelanjaan Masjid al-Ghufran 2009-2013



Sumber: Diubahsuai daripada Laporan Dwi Tahunan Masjid al-Ghufran 2010&2011 dan 2012-2013.

Berdasarkan rajah 4.10 di atas didapati perbelanjaan pengimarahen merupakan perbelanjaan terbesar Masjid al-Ghufran. Ia mewakili 41.43% perbelanjaan keseluruhan dengan jumlah RM2,310,262.58. Bayaran gaji dan elaun pekerja pula merupakan perbelanjaan kedua terbesar iaitu sebanyak 23.62% bersamaan RM1,317,399.23.

²⁴⁷ Lihat laporan Lujnah Ekonomi dan Pembangunan Masjid al-Ghufran sesi 2010/2011 dalam *Buku Laporan Dwi Tahunan Masjid Al-Ghufran Tahun 2010 & 2011*, 11.

Perbelanjaan ketiga terbesar ialah belanja operasi dan pengurusan iaitu sebanyak 21.27% dengan jumlah RM1,186,344.43. Perbelanjaan utiliti pula yang terendah iaitu sebanyak RM761,864.89 atau mewakili 13.66%. Secara keseluruhannya Masjid al-Ghufran telah membelanjakan sebanyak RM 5,575,871.13 sepanjang tahun 2009-2013.


4.5 ANALISIS PERBANDINGAN SUMBER PENDAPATAN DARIPADA DERMA AWAM MASJID NEGARA DAN MASJID AL-GHUFRAN

Berdasarkan penelitian terhadap sumber-sumber pendapatan Masjid Negara dan Masjid al-Ghufran, terdapat beberapa persamaan dan perbezaan antara kedua-duanya. Umumnya kajian mendapati derma awam masih merupakan sumber pendapatan yang penting bagi kedua-dua masjid terutama Masjid Negara. Masjid Negara memperoleh derma awam daripada satu sumber iaitu tabung masjid manakala Masjid al-Ghufran memperolehinya daripada tabung masjid, derma Ramadhan dan juga derma am. Dalam hal ini pengkaji mendapati Masjid Negara tidak memerlukan sumber daripada derma-derma yang lain kerana jumlah kutipan tabung masjid sedia ada lebih daripada mencukupi tambahan pula Masjid Negara menerima peruntukan kerajaan bagi membiayai perbelanjaan operasi dan jua pengurusan masjid.

4.5.1 Jumlah Kutipan Derma

Merujuk kepada prestasi kutipan derma Masjid Negara dan Masjid al-Ghufran bagi tahun 2009-2013 didapati jumlah kutipan derma awam kedua-dua masjid adalah tinggi dan meningkat pada setiap tahun. Perbandingan prestasi kutipan bagi kedua-dua masjid dapat dilihat dalam rajah 4.11 berikut:

Rajah 4.11: Perbandingan Kutipan Derma Awam Masjid Negara dan Masjid al- Ghufuran 2009-2013.



Sumber: Diubahsuai Daripada Penyata Terimaan dan Bayaran Tahunan Akaun Amanah Tabung Wakaf Masjid Negara dan Laporan Dwi Tahunan Masjid Al-Ghufran 2009-2013.

Merujuk kepada rajah 4.11 di atas, secara perbandingan didapati kutipan derma awam Masjid Negara lebih tinggi berbanding kutipan derma awam Masjid al-Ghufran. Melihat kepada sumber tabung Jumaat pula didapati kutipan Masjid al-Ghufran adalah terlalu kecil berbanding dengan kutipan tabung Jumaat Masjid Negara yang merupakan sumber tunggal derma awam Masjid Negara. Terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi kutipan tabung Jumaat kedua-dua masjid termasuklah saiz jemaah dan lokasi. Menurut Jaafar Ahmad, Sanep Ahmad, Mariani Abd Majid dan Hairunnizam Wahid (2001),²⁴⁸ saiz dan jumlah pengunjung merupakan faktor utama yang mempengaruhi kutipan derma di masjid di mana semakin besar masjid semakin ramai bilangan jemaah yang memberi sumbangan. Secara

²⁴⁸ Jaafar Ahmad, Sanep Ahmad, Mariani Abd Majid dan Hairunnizam Wahid, "Dana dan Harta Masjid di Malaysia: Ke Arah Pengurusan Strategik" (National Workshop on Capacity Building Towards Excellence in Econ. Research & Policy Formulation, Fakulti Ekonomi UKM, 23-24hb April 2001), 8.

perbandingan Masjid Negara merupakan sebuah masjid yang bersaiz besar di mana ia boleh memuatkan sehingga 15,000 orang jemaah pada sesuatu masa di samping purata jemaah yang mendirikan solat Jumaat pada setiap minggu seramai 3,000 orang.²⁴⁹ Sebaliknya Masjid al-Ghufran merupakan masjid bersaiz sederhana yang hanya boleh memuatkan seramai 1,300 orang jemaah.²⁵⁰ Di samping itu juga faktor lokasi mempengaruhi jumlah pengunjung di sesebuah masjid. Masjid Negara ternyata lebih ramai pengunjung kerana ia terletak di tengah pusat bandar raya Kuala Lumpur selain menjadi pusat tumpuan pelancong dari dalam dan luar Negara.²⁵¹ Secara purata Masjid Negara dikunjungi seramai 25,000 orang pelancong domestik dan antarabangsa setiap bulan.²⁵²

4.5.2 Trend Derma

Selain daripada itu juga, didapati trend kutipan derma awam kedua-dua masjid adalah meningkat dari tahun ke tahun. Terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi peningkatan kutipan derma awam ini antaranya ialah prestasi ekonomi negara dan juga pendapatan perkapita rakyat. Peningkatan pendapatan per kapita rakyat mencerminkan peningkatan kuasa beli dan lebihan wang rakyat di mana Penemuan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah (PIIR) 2012 mendapati purata pendapatan bulanan isi rumah rakyat Malaysia telah meningkat daripada RM4,025 kepada RM5,000 antara tahun 2009 hingga 2012 iaitu

²⁴⁹ Rashid Md. Isa (Penolong Pegawai Perhubungan Awam Masjid Negara), dalam temu bual dengan pengkaji 21hb Julai 2014.

²⁵⁰ Shahid Mohd Noh (Ketua Imam Masjid al-Ghufran PTTDI), dalam temu bual dengan pengkaji 22hb Julai 2014.

²⁵¹ Masjid yang paling berjaya menarik pelancong di Malaysia ialah Masjid Negara di mana Masjid Negara menerima kunjungan kira-kira 255,800 pelancong asing sepanjang tahun 2007. Ghafani Awang Teh Pengarah Bahagian Pembangunan Keluarga, Sosial dan Masjid (Kesuma), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, *Masjid Sebagai Destinasi Pelancongan* dalam Berita Harian bertarikh 1.3.2008.

²⁵² Lihat statistik jumlah pelancong dalam buku laporan kedatangan pelancong Masjid Negara tahun 2013. Rashid Md. Isa (Penolong Pegawai Perhubungan Awam Masjid Negara), dalam temu bual dengan pengkaji 24hb Julai 2014.

peningkatan sebanyak 7.2 peratus setahun.²⁵³ Perdana Menteri Malaysia turut menyatakan bahawa pendapatan per kapita negara pada tahun 2014 mencecah RM34,126 iaitu 37% berbanding RM24,879 pada tahun 2009.²⁵⁴ Justeru dengan meningkatnya pendapatan rakyat secara tidak langsung wang lebihan rakyat akan meningkat dan dapat disumbangkan sebagai derma.

4.5.3 Peningkatan Derma pada Bulan Ramadhan

Jumlah kutipan derma awam kedua-dua masjid pula dilihat meningkat pada setiap bulan Ramadhan. Hal ini terbukti dengan melihat kepada jumlah kutipan yang diperolehi oleh kedua-dua masjid pada bulan ini. Berdasarkan jadual kutipan bulanan Masjid Negara, didapati jumlah kutipan adalah tinggi pada bulan Ramadhan setiap tahun. Contohnya pada tahun 2013 awal Ramadhan jatuh pada 10 Julai 2013 justeru didapati kutipan tabung masjid pada bulan Julai 2013 meningkat kepada RM129,844.00 berbanding RM77,902.50 pada bulan Jun 2013. Begitu juga pada tahun 2012, peningkatan kutipan daripada RM57,337.55 kepada RM82,757.20 pada bulan Ramadhan. Masjid al-Ghufran pula didapati memperolehi sebanyak RM283,638.77 melalui kutipan derma khas Ramadhan tahun 2013 dan sebanyak RM276,379.60 pada tahun 2012. Kecenderungan amalan bersedekah pada bulan Ramadhan ini adalah selari dengan ajaran Islam yang menggalakkan umatnya agar berlumba-lumba memperbanyakkan ibadah pada bulan Ramadhan. Hal ini bertepatan dengan hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu Abbas r.a di mana beliau menyatakan:

²⁵³ Laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (PPIR/KA) tahun 2012 Jabatan Perangkaan Malaysia, 1.

²⁵⁴ “Bajet 2014: Pendapatan Perkapita Meningkat 37%”, laman sesawang *Utusan Online* bertarikh 25hb Oktober 2013, dicapai 11 Jun 2014, http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20131025/dn_28/Bajet-2014-Pendapatan-perkapita-meningkat-37.

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَجْوَدَ النَّاسِ بِالْخَيْرِ وَكَانَ أَجْوَدَ مَا يَكُونُ فِي شَهْرِ رَمَضَانَ إِنَّ جِبْرِيْلَ عَلَيْهِ السَّلَامُ كَانَ يَلْقَاهُ فِي كُلِّ سَنَةٍ فِي رَمَضَانَ حَتَّى يَنْسَلِخَ فَيَعْرِضُ عَلَيْهِ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْقُرْآنَ فَإِذَا لَقِيَهُ جِبْرِيْلُ كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَجْوَدَ بِالْخَيْرِ مِنَ الرِّيحِ الْمُرْسَلَةِ.

Terjemahan: "Rasulullah SAW adalah orang yang paling dermawan lebih-lebih lagi pada bulan Ramadhan. ketika Jibrail menemuinya seperti biasa setiap malam bulan Ramadhan, lalu bertadarus bersama baginda. Ketika ditemui, baginda menjadi seorang yang lebih bermurah hati sehingga lebih banyak memberi (seperti) tiupan angin."²⁵⁵

4.6 ANALISIS PERBANDINGAN PERBELANJAAN MASJID NEGARA DAN MASJID AL-GHUFRAN

Berdasarkan penelitian terhadap jenis-jenis perbelanjaan yang dibuat oleh Masjid Negara dan Masjid al-Ghufran, pengkaji mendapati terdapat beberapa titik persamaan dan perbezaan di antara kedua-duanya. Justeru analisis perbandingan akan dibuat seperti berikut:

4.6.1 Perbelanjaan Pengimarahkan

Melihat kepada unjuran perbelanjaan Masjid Negara dan Masjid al-Ghufran, didapati perbelanjaan terbesar kedua-dua masjid ialah bagi aktiviti pengimarahkan. Hal ini terbukti di mana Masjid Negara dan Masjid al-Ghufran masing-masing membelanjakan 51% dan

²⁵⁵ Hadith Riwayat al-Bukhārī, Kitab al-Ṣaum, Bab Ajwad mā Kān al-Nabī Ṣalla al-Allāh ‘Alayh wa Sallam Yakūn fī Ramaḍān, no.Hadīth 1803. Aḥmad bin ‘Alī bin Ḥajar al-‘Asqalanī, Kitab Faṭḥ al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, (Dār al-Rayān li al-Turāth,1986). Lihat juga Hadith Riwayat Muslim, Kitab al-Faḍḥāil, Bab Kān al-Nabī Ṣalla al-Allāh ‘Alayh Wa Sallam Ajwad al-Nās bi al-Khayr min al-Rīḥ al-Mursalah, no.Hadīth 2308. Yaḥyā bin Sharf Abū Zakariyyā al-Nawawī, Kitab Sharḥ al-Nawawī ‘alā Muslim, (Dār al-Khayr,1996).

41.43% daripada pendapatan keseluruhan. Dapatan ini amat bertepatan dengan fungsi dan peranan masjid sebagai pusat ibadah dan keagamaan sebagaimana ditegaskan dalam al-Quran:

فِي بُيُوتٍ أُذِنَ لِلَّهِ أَنْ تَرْفَعَ وَيُذَكَّرَ فِيهَا أَسْمُهُ يُسَبِّحُ لَهُ فِيهَا بِالْغُدُوِّ وَالْآصَالِ ﴿٦٦﴾
رِجَالٌ لَا تُلْهِيهِمْ تِجَارَةٌ وَلَا بَيْعٌ عَن ذِكْرِ اللَّهِ وَإِقَامِ الصَّلَاةِ وَإِيتَاءِ الزَّكَاةِ يَخَافُونَ يَوْمًا
تَتَقَلَّبُ فِيهِ الْقُلُوبُ وَالْأَبْصَارُ ﴿٦٧﴾

Al-Nūr 24:36-37

Terjemahan: (Nur hidayah petunjuk Allah SWT itu bersinar dengan nyatanya terutama sekali) di rumah-rumah ibadat yang diperintahkan oleh Allah SWT supaya dimuliakan keadaannya dan disebut serta diperingati nama Allah SWT padanya; di situ juga dikerjakan ibadat mensuci dan memuji Allah SWT pada waktu pagi dan petang. (Ibadat itu dikerjakan oleh) orang-orang yang kuat imannya yang tidak dilalaikan oleh perniagaan atau berjual-beli daripada menyebut serta mengingati Allah SWT, dan mendirikan sembahyang serta memberi zakat; mereka takutkan hari (kiamat) yang padanya berbalik-balik hati dan pandangan.²⁵⁶

4.6.2 Perbelanjaan Menjana Ekonomi Masjid

Berdasarkan unjuran perbelanjaan kedua-dua masjid, didapati terdapat perbezaan dari aspek perbelanjaan untuk tujuan ekonomi. Analisis mendapati sepanjang tahun 2009-2013 Masjid Negara tidak membuat sebarang perbelanjaan bagi aktiviti-aktiviti atau projek yang menjana ekonomi masjid atau ringkasnya kesemua perbelanjaan adalah dalam bentuk belanja hangus.²⁵⁷ Meskipun pada tahun 2013 Masjid Negara memperuntukkan sebanyak RM372,900.00 bagi kategori perbelanjaan memakmurkan masjid & ekonomi, namun

²⁵⁶ Sheikh Abdullah Muhammad Basmeih, *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran*, ed. Muhammad Noor Ibrahim (Kuala Lumpur: Darul Fikir, 2000).

²⁵⁷ Terdapat juga aktiviti-aktiviti ekonomi dan perniagaan dijalankan di Masjid Negara seperti sewaan premis bangunan dan sewaan tapak-tapak perniagaan seperti tapak wakaf al-Quran namun hasil sewaan ini tidak dimasukkan ke dalam akaun masjid sebaliknya ia dimasukkan ke dalam akaun kerajaan dan juga akaun Persatuan Kebajikan Kakitangan Masjid Negara.

setelah diperincikan bentuk projek ini ia tidak mampu menjana sebarang pendapatan dan pulangan kepada masjid. Projek yang dimaksudkan adalah pembinaan galeri awam dengan kos RM190,000 dan pembinaan perpustakaan sebanyak RM182,900.00.²⁵⁸ Sebaliknya pengkaji mendapati Masjid al-Ghufran lebih efektif dan cekap dalam menggerakkan dana awam dengan memperuntukkan sebahagiannya ke dalam aktiviti dan projek yang menjana ekonomi masjid. Sesebuah masjid boleh dikatakan cekap menguruskan dana dan hartanya apabila ia tidak membiarkan dananya beku dalam bentuk simpanan tetap dengan pulangan yang rendah sebaliknya menggunakannya untuk membeli aset fizikal yang boleh memberi pulangan sewa dan membuat pelaburan kepada sesuatu yang boleh memberi keuntungan yang jauh lebih tinggi.²⁵⁹ Hal ini terbukti dengan melihat kepada beberapa projek ekonomi yang telah dilaksanakan oleh Masjid al-Ghufran sepanjang tahun 2009-2013 seperti dalam jadual 4.12 di bawah:

Jadual 4.12: Projek Ekonomi Masjid al-Ghufran 2009-2013

Bil	Tarikh	Nama Projek	Kos Sebenar	Sumber Kewangan
1.	10 Januari 2009	Membina kafeteria / restoran	RM349,683.70	Akaun masjid & derma orang ramai
2.	6 Disember 2010	Baik pulih dan renovasi kamar musafir	RM257,168.00	Akaun masjid & derma orang ramai
3.	Mei 2011	Pembinaan kios / arked perniagaan	RM20,000.00	Akaun masjid & derma orang ramai
4.	Awal tahun 2013	Pembinaan <i>homestay</i>	RM72,352.00	Akaun masjid & RM10,000 sumbangan HELWA

²⁵⁸ Lihat Lampiran F, butiran kategori Membiayai Projek Pembangunan Berkaitan Memakmurkan Masjid Negara dan Pembangunan Ekonomi Ummah dalam Penyata Terimaan dan Bayaran Bagi Akaun Amanah Tabung Wakaf Masjid Negara bagi tahun berakhir 31hb Disember 2013.

²⁵⁹ Jaafar Ahmad, Sanep Ahmad, Mariani Abd Majid dan Hairunnizam Wahid, "Dana dan Harta Masjid di Malaysia: Ke Arah Pengurusan Strategik" (*National Workshop on Capacity Building Towards Excellence in Econ. Research & Policy Formulation*, Fakulti Ekonomi UKM, 23-24hb April 2001), 8.

Sumber: Laporan Lujnah Ekonomi dan Pembangunan Masjid al-Ghufran 2009-2013

Pada 10 Januari 2009 Masjid al-Ghufran telah membina bangunan kafeteria bagi tujuan memberi kemudahan kepada jemaah serta orang ramai yang menginap di kamar musafir dalam masa yang sama mendatangkan pulangan pendapatan kepada masjid melalui sewaan bulanan sebanyak RM3,000. Kos bagi pembinaan kafeteria ini menelan belanja sebanyak RM349,683.70. Kamar Musafir yang dibina pada tahun 2000 pula merupakan satu projek ekonomi terpenting di Masjid al-Ghufran dan ia sering dinaik taraf bagi memastikan keselesaan pengunjung. Rentetan daripada satu kebakaran kecil pada 6 Disember 2010, Masjid al-Ghufran telah membuat kerja baik pulih dan naik taraf secara menyeluruh termasuklah menukar perkakasan yang lama dan rosak. Kerja-kerja ini melibatkan kos sebanyak RM257,168.00.²⁶⁰

Dalam usaha memaksimumkan penggunaan ruang di dalam kompleks, Masjid al-Ghufran juga membina 3 buah kios yang dinamakan dengan Kios al-Ghufran untuk disewakan. Kios ini dibina pada tahun 2011 dengan belanja sebanyak RM20,000 di mana ia mendatangkan pulangan sebanyak RM750 setiap bulan kepada masjid. Projek terbaru yang dilaksanakan oleh Masjid al-Ghufran ialah pembinaan rumah penginapan atau “*homestay*” pada awal tahun 2013 dengan kos sebanyak RM72,352.00 dengan kadar sewaan pula RM280 semalam. Selain daripada wang akaun masjid, pembinaannya turut dibiayai melalui sumbangan derma sebanyak RM10,000 daripada ahli-ahli dalam Jawatankuasa Hal Ehwal Wanita (HELWA).²⁶¹

²⁶⁰ Laporan Lujnah Kebajikan, Sewaan & Fasiliti dalam *Laporan Dwi tahunan Masjid al-Ghufran 2012-2013*, 35.

²⁶¹ Lihat Laporan Lujnah Kebajikan, Sewaan & Fasiliti dalam *Laporan Dwi tahunan Masjid al-Ghufran 2009-2013*.

Kesemua projek ekonomi yang dilaksanakan sepanjang tahun 2009-2013 ini memberi manfaat dan mendatangkan pulangan pendapatan tetap kepada masjid. Kajian juga mendapati kesemua projek ekonomi yang dijalankan ini dibiayai melalui wang akaun masjid.²⁶² Dalam hal ini pengkaji berpandangan walaupun sumber wang bagi projek ekonomi ini tidak dapat ditentukan sama ada ia diambil daripada wang derma awam atau sumber selainnya namun ia tetap merangkumi sumber derma awam mengambil kira ia sebagai salah satu punca utama pendapatan masjid. Sehubungan dengan itu kesimpulan yang boleh dibuat ialah wang daripada derma awam ini jelas memberi manfaat dan keuntungan jangka masa panjang kepada ekonomi masjid apabila ia diurus dengan cekap dan efektif.

4.7 ANALISIS PERBANDINGAN KESELURUHAN

Seterusnya analisis diteruskan dengan melihat kepada prestasi perbelanjaan berbanding pendapatan bagi kedua-dua masjid dalam tempoh lima tahun kajian.

Jadual 4.13: Pendapatan dan Perbelanjaan Masjid Negara 2009-2013

NO	TAHUN	PENDAPATAN	PERBELANJAAN	BAKI	% BELANJA	% SIMPAN
1.	2009	449,982.85	375,960.00	74,022.85	83.55%	16.45%
2.	2010	722,348.18	568,506.08	153,842.10	78.70%	21.30%
3.	2011	892,465.85	595,744.40	296,721.45	66.75%	33.25%

²⁶² Projek-projek ekonomi di Masjid al-Ghufran dibiayai melalui satu sumber iaitu wang Akaun Masjid al-Ghufran. Wang dalam akaun ini bercampur-campur sumber pendapatannya. Sebahagian besar wang bagi projek ekonomi adalah bersumberkan tajaan daripada derma orang ramai yang dimasukkan terlebih dahulu ke dalam akaun utama masjid sebelum dikeluarkan untuk proses bayaran. Ia dibuat agar mematuhi prosedur kewangan perakauanan masjid. Selain itu juga pihak pengurusan akaun tidak dapat menentukan daripada sumber pendapatan mana wang itu diambil disebabkan akaun masjid ini merupakan akaun yang disatukan. Namun butiran perbelanjaan yang lengkap boleh diperolehi menerusi sistem MYOB yang direkod secara berasingan dan ia tidak terdapat dalam penyata akaun Masjid al-Ghufran. Esamerin Misran (Pegawai Kewangan Masjid al-Ghufran PTTDI), dalam temu bual dengan pengkaji 7hb Ogos 2014.

4.	2012	1,052,839.30	624,915.00	427,924.30	59.36%	40.64%
5.	2013	1,299,920.81	1,253,705.00	46,215.81	96.44%	3.56%
JUMLAH		4,417,556.99	3,418,830.48	998,726.51	77.39%	22.61%

Sumber: Laporan dalam tempoh 5 tahun ini diubah suai dan digabung berdasarkan laporan kewangan tahunan rasmi yang dikeluarkan antara tahun 2009-2013.

Jadual 4.14: Pendapatan dan Perbelanjaan Masjid al-Ghufran 2009-2013

BIL	TAHUN	HASIL	PERBELANJAAN	BAKI	% BELANJA	% SIMPAN
1.	2009	1,279,717.60	971,562.91	308,154.69	79.92	20.08
2.	2010	1,442,629.15	1,230,382.54	212,246.61	85.29	14.71
3.	2011	1,546,229.48	981,675.51	564,553.97	63.49	36.51
4.	2012	1,439,010.89	1,184,486.29	254,524.60	82.31	17.69
5.	2013	1,670,486.80	1,207,763.88	462,722.92	72.30	27.70
Jumlah		7,378,073.92	5,575,871.13	1,802,202.79	75.57	24.43

Sumber: Laporan dalam Tempoh 5 Tahun ini Diubah suai dan Digabung Berdasarkan Laporan Kewangan Tahunan Rasmi yang Dikeluarkan antara Tahun 2009-2013.

Merujuk kepada jadual 4.13 dan 4.14 di atas, didapati kedudukan kewangan bagi kedua-dua masjid adalah kukuh. Secara purata Masjid al-Ghufran memperolehi pendapatan sebanyak RM1,475,614.78 setahun manakala Masjid Negara sebanyak RM883,511.39. Dari segi perbelanjaan pula, Masjid al-Ghufran membelanjakan secara purata RM1,115,174.22 setahun berbanding RM683,766 Masjid Negara. Berdasarkan perbandingan antara purata pendapatan dan perbelanjaan, pengkaji merumuskan kedua-dua masjid banyak menyimpan wang tunai. Ia terbukti dengan melihat kepada peratus wang yang disimpan oleh kedua-dua masjid pada setiap tahun. Berdasarkan perkiraan bagi tempoh lima tahun, Masjid Negara hanya membelanjakan 77.39% daripada jumlah

keseluruhan pendapatan sebanyak RM3,418,830.48 manakala wang yang disimpan ialah 22.61%. iaitu RM998,726.51. Masjid al-Ghufran pula membelanjakan 75.57% pendapatan keseluruhannya bersamaan RM5,575,871.13 manakala 24.43% atau sebanyak RM1,802,202.79 wang disimpan. Kajian juga membuktikan kedua-dua masjid menyimpan banyak dana lebihan. Dana lebihan ini perlu dimanfaatkan sebaik mungkin kerana ia berpotensi dijana untuk memberi impak positif kepada pertumbuhan ekonomi negara dan masyarakat setempat.

4.8 CABARAN DAN MASALAH DALAM PENGURUSAN DERMA AWAM

Pengurusan derma awam yang efisien dan sistematik dapat memastikan kelangsungan sumber dana kewangan dan penjana ekonomi masjid. Dalam hal ini pengkaji mendapati terdapat beberapa cabaran dan halangan yang dihadapi oleh Masjid Negara dan Masjid al-Ghufran.

4.8.1 Cabaran Masjid Negara

Hasil kajian mendapati isu dan cabaran utama yang perlu dihadapi oleh Masjid Negara ialah kawalan perbelanjaan yang ketat dan juga birokrasi.²⁶³ Tidak dinafikan prosedur-prosedur yang ditetapkan dalam pentadbiran dan pengurusan kewangan bertujuan memastikan segala urusan mengikut peraturan dan memelihara akauntabiliti namun pengkaji berpandangan dalam beberapa keadaan ia menimbulkan kerumitan dan menyusahkan. Kajian mendapati setiap aktiviti yang ingin dilaksanakan oleh Masjid

²⁶³ Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat birokrasi ialah cara pentadbiran yg melibatkan berbagai-bagai peringkat atau proses pengurusan dan banyak peraturan karenah dan lain-lain, laman sesawang *Pusat Rujukan Persuratan Melayu Dewan Bahasa Dan Pustaka*, dicapai 12hb Ogos 2014 [http://prpm.dbp.gov.my /Search.aspx?k=birokrasi](http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=birokrasi).

Negara perlu melalui beberapa peringkat perbincangan sebelum diluluskan. Ketua-ketua unit akan merancang terlebih dahulu aktiviti-aktiviti yang akan dilaksanakan sepanjang tahun kemudian kertas kerja akan dibentangkan dalam mesyuarat pra akaun amanah yang dipengerusikan oleh Timbalan Imam Besar Masjid Negara. Setelah kertas kerja diteliti dan disemak ia diangkat pula kepada Pengarah Bahagian Kemajuan Islam (JAKIM) dan Ketua Pengarah (JAKIM) untuk pengesahan. Akhir sekali barulah ia akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tadbir Akaun Amanah Tabung Wakaf Masjid Negara untuk mendapat kelulusan.

Sepanjang lima tahun kajian, terdapat beberapa aktiviti ekonomi yang pernah dicadangkan namun tidak mendapat pertimbangan atas sebab percanggahan idea dan pandangan daripada pelbagai peringkat. Antara cadangan aktiviti ekonomi yang pernah diutarakan ialah pembinaan papan iklan berbayar di kawasan perkarangan luar masjid, pembinaan lot-lot perniagaan kekal di parkir belakang masjid dan juga lot parkir berbayar. Namun kesemua cadangan ini masih tidak dapat dilaksanakan di atas banyak faktor. Antaranya ialah fokus dan sasaran sedia ada organisasi jabatan ialah dari aspek penyampaian perkhidmatan yang tidak bermotifkan keuntungan.²⁶⁴ Bagi sesuatu aktiviti yang telah mendapat kelulusan pula ia tertakluk kepada prosedur-prosedur kewangan sedia ada. Contohnya kadar kelulusan khas perlu diperolehi daripada Kementerian Kewangan bagi membuat suatu bayaran yang belum ada penetapan kadar.²⁶⁵ Begitu juga dengan aktiviti yang mendatangkan hasil pendapatan kepada masjid seperti sewaan premis

²⁶⁴ Mohd Rejab Ramli (Penolong Pengarah Kanan Bahagian Kewangan Masjid Negara 2008-2013) dalam temu bual dengan pengkaji 12hb Ogos 2014.

²⁶⁵ Muhammad Nuraizat Zainudin (Penolong Pengarah Bahagian Pentadbiran dan Kewangan Masjid Negara) dalam temu bual dengan pengkaji 12hb Ogos 2014.

bangunan dan kios perniagaan perlu ditentukan kadar sewanya terlebih dahulu oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Kementerian Kewangan.²⁶⁶

Masjid Negara turut menghadapi masalah sumber manusia yang terhad terutama pegawai yang berkepakaran dalam bidang pengurusan ekonomi. Meskipun Masjid Negara dianggotai seramai 46 orang pegawai dan kakitangan namun penelitian yang dilakukan terhadap organisasi Masjid Negara mendapati tiada satu bahagian atau pegawai tertentu di dalam skim perkhidmatan pegawai ekonomi atau seseorang individu yang diberi tanggungjawab dalam bidang ekonomi dan pembangunan masjid. Cawangan atau unit yang ditubuhkan di Masjid Negara lebih fokus untuk melaksanakan aktivi-aktiviti kerohanian dan pengimarahannya seperti unit pendidikan, unit sosial, unit penyelarasan ibadah manakala cawangan pentadbiran pula melaksanakan kerja-kerja pengurusan dan perakaunan sahaja. Situasi ini ternyata berbeza jika dibandingkan dengan masjid-masjid kariah di mana selain terdapatnya unit-unit pengimarahannya ia turut mempunyai biro atau lajnah ekonomi. Persoalan yang timbul di sini sekiranya tiada pegawai yang diberi tanggungjawab dan pembahagian tugas secara khusus dari aspek pembangunan ekonomi bagaimana mungkin aktiviti ekonomi masjid dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Selain daripada cabaran yang telah disebut di atas Masjid Negara turut menghadapi halangan untuk merancang aktiviti-aktiviti ekonomi yang melibatkan pengubahsuaian premis dan penambahan bangunan. Kawasan Masjid Negara cukup luas di mana saiz keluasan bangunan adalah 5 ekar berbanding keluasan tanah 13 ekar.²⁶⁷ Ruangannya yang luas ini sebenarnya sangat berpotensi untuk dibangunkan dengan aktiviti-aktiviti ekonomi

²⁶⁶ Lihat surat penentuan kadar sewaan bagi booth pameran di Masjid Negara sebanyak RM120.00 sebulan daripada Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Kuala Lumpur bertarikh 14hb Ogos 2012, rujukan fail JPPH:W/SEW/502.

²⁶⁷ *Masjid Negara* (Kuala Lumpur: Perchetakan Abadi, Jalan Raja Bot, 1965).

seperti membina parkir bertingkat berbayar, membina pusat asuhan kanak-kanak atau taska dan juga mendirikan lot-lot perniagaan. Namun begita usaha ini tidak dapat dilaksanakan disebabkan bangunan Masjid Negara dan Makam Pahlawan telah disenaraikan oleh Jabatan Warisan Negara sebagai salah satu daripada 47 buah bangunan warisan kebangsaan.²⁶⁸ Ini bermaksud struktur bangunan masjid adalah tertakluk di bawah akta warisan kebangsaan di mana sebarang penambahan dan pengubahsuaian tidak boleh dilakukan melainkan setelah mendapat keizinan dan kelulusan daripada pesuruhjaya warisan.²⁶⁹

4.8.2 Cabaran Masjid al-Ghufran

Dapatan kajian sebelum ini telah membuktikan kecekapan pihak pengurusan dan pentadbiran Masjid al-Ghufran dalam menguruskan sumber kewangan masjid sehingga ia mampu berdikari tanpa bergantung kepada sumbangan dan peruntukan dari kerajaan. Aktiviti-aktiviti ekonomi yang dijalankan juga semakin rancak dan telah menyumbang pendapatan terbesar kepada masjid. Namun di sebalik kejayaan itu juga Masjid al-Ghufran tidak terlepas daripada menghadapi beberapa cabaran dan halangan lain.

Antara masalah utama yang dihadapi oleh Masjid al-Ghufran bagi mengembangkan aktiviti ekonomi di masjid ialah saiz dan keluasan tanah Masjid al-Ghufran yang kecil dan terhad. Luas keseluruhan tanah termasuk kompleks masjid utama ialah 26000 kaki persegi dengan seratus peratus kawasan habis guna. Perkara ini menyebabkan banyak projek ekonomi yang masih dalam perancangan tidak dapat dilaksanakan. Kesemua ruang dan bangunan sedia ada dalam premis telah dibuat pengubah suaian dan digunakan semaksima

²⁶⁸ Laman sesawang Jabatan Warisan Negara, dicapai 12hb Ogos 2014, <http://www.heritage.gov.my/index.php/ms/daftar-warisan/senarai-warisan-kebangsaan/tapak/bangunan>

²⁶⁹ Lihat Rang Undang-Undang Warisan Kebangsaan 2005 (Para 40, Permohonan Bagi Kebenaran Merancang Bagi Tapak Warisan), 33.

mungkin menjadi restoran, kamar musafir, arked perniagaan dan *homestay*.²⁷⁰ Aktiviti perniagaan kecil-kecilan yang boleh diceburi oleh Masjid al-Ghufran juga adalah terbatas mengambil kira kedudukan dan lokasi masjid yang terletak berhampiran dengan pusat-pusat perniagaan dan kemudahan-kemudahan asas yang lengkap.

Kekurangan faktor sumber manusia juga antara cabaran yang dihadapi oleh Masjid al-Ghufran. Seperti mana masjid-masjid kategori masjid kariah yang lain Masjid al-Ghufran hanya dibekalkan dengan 2 orang pegawai masjid oleh Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI). Pegawai masjid ini pula ialah merupakan pegawai yang ditugaskan menjadi imam dan bilal. Melihat kepada saiz kewangan dan bebanan tugas operasi yang dihadapi memaksa pengurusan jawatankuasa masjid menggaji seramai 11 orang kakitangan termasuk kakitangan pentadbiran dan pegawai masjid. Tanggungan gaji kakitangan memberi implikasi yang cukup besar kepada perbelanjaan masjid dimana Pada tahun 2013 sahaja jumlah keseluruhan bayaran gaji dan elaun kakitangan masjid mencecah RM304,576.23.

Peruntukan kewangan yang tidak mencukupi daripada kerajaan merupakan satu cabaran besar kepada ekonomi Masjid al-Ghufran. Sepanjang tahun 2009-2013 Masjid al-Ghufran hanya menerima peruntukan kecil dalam bentuk sumbangan dari Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI). Atas sebab ini wang pendapatan masjid digunakan semaksimal mungkin bagi menanggung segala kos perbelanjaan yang besar. Dari sudut positifnya pula, keterhadan sumber pendapatan menyebabkan pihak pentadbiran lebih kreatif untuk berfikir kaedah dan alternatif terbaik menjana ekonomi. Namun demikian aktiviti yang dirancang lebih tertumpu untuk menjana wang masjid berbanding aktiviti ekonomi yang boleh memberi limpahan kepada ekonomi ummah secara keseluruhan.

²⁷⁰ Mohd Shahid Mohd Noh (Ketua Imam Masjid al-Ghufran) dalam temu bual dengan pengkaji 12hb Ogos 2014.

Jadual 4.15: Jumlah Peruntukan Kerajaan bagi Masjid Negara dan Masjid al-Ghufran 2009-2013

TAHUN	2009	2010	2011	2012	2013
Masjid Negara	2,474,042.00	2,741,726.00	3,908,800.00	4,017,526.00	4,389,400.00
Masjid al-Ghufran	20,000.00	17,680.00	10,450.00	20,450.00	5950.00

Sumber: Laporan Perbelanjaan Vot Mengurus Masjid Negara 2009-2015 & Laporan Dwi Tahunan Masjid al-Ghufran 2010&2011 dan 2012&2013.

4.9 KESIMPULAN

Kesimpulannya, sumber dana yang diperolehi oleh institusi masjid terbina atas dana sedekah atau derma orang ramai. Atas sebab itu wang daripada derma ini merupakan satu amanah yang perlu dimanfaatkan sebaik mungkin oleh pihak pengurusan masjid. Pengkaji berpendapat walaupun kedua-dua masjid menguruskan wang derma awam dengan baik namun ia masih terdapat kelemahan-kelemahan yang perlu diperbaiki. Sudah tiba masanya wang daripada derma awam bukan lagi hanya setakat digunakan untuk menjamin kelangsungan institusi masjid dan membiayai perbelanjaan tradisi malah ia sepatutnya diperkasa untuk sebarang tujuan yang boleh meningkatkan taraf hidup dan ekonomi umat Islam secara keseluruhan.

BAB LIMA

RUMUSAN, CADANGAN DAN PENUTUP

5.0 PENDAHULUAN

Pada bab yang kelima ini, pengkaji akan merumuskan secara ringkas berkenaan keseluruhan kajian yang telah dijalankan. Ia menyentuh hasil penemuan utama kajian berdasarkan tiga objektif yang disasarkan. Seterusnya cadangan dan saranan diutarakan sebagai alternatif penyelesaian masalah-masalah yang telah dikenal pasti. Cadangan dan saranan ini diutarakan agar wang daripada derma awam ini dapat diurus dan dibelanjakan dengan lebih efektif dan cekap untuk manfaat jangka masa panjang bagi menjana ekonomi masjid dan memperkasakan ekonomi ummah secara keseluruhannya.

5.1 RUMUSAN

Hubungan di antara masjid dan ekonomi merupakan suatu tajuk yang sangat luas untuk dikaji dan diselidiki. Ini kerana kedua-dua perkara tersebut amat berkait rapat mengambil kira peranan asal institusi masjid sebagai pusat perkembangan ekonomi masyarakat Islam. Tidak dinafikan bahawa institusi masjid masih cenderung melaksanakan aktiviti dan

program tradisi tahunan berbanding mengubah paradigma lama untuk mengembangkan lagi fungsi dan peranan masjid secara lebih menyeluruh. Pengasingan bidang-bidang tertentu dan kewujudan institusi-institusi khusus yang mengambil alih sebahagian fungsi asal masjid seperti baitulmal dan pusat pengajian pendidikan tidak dinafikan banyak kelebihannya namun ia turut menimbulkan kekeliruan dan persepsi masyarakat bahawa institusi masjid adalah terhad kepada pusat ibadah dan keagamaan semata-mata. Justeru dalam hal ini masyarakat perlu lebih jelas, terbuka dan didedahkan dengan peranan masjid yang lebih menyeluruh sesuai dengan fungsinya sebagai pusat segala kegiatan, aktiviti dan peradaban pada zaman awal Islam yang mencakupi segenap aspek kehidupan sama ada ekonomi, sosial dan politik.

Peranan institusi masjid sebagai pemangkin kepada ekonomi ummah sangat relevan diketengahkan mengambil kira senario semasa pada ketika ini. Kutipan dana tradisi daripada wang derma awam yang kukuh dan sentiasa meningkat saban tahun memberi jaminan kelangsungan sumber pendapatan institusi masjid. Pengurusan derma awam yang cekap dan sistematik oleh institusi masjid terbukti bukan sahaja mampu menampung perbelanjaan institusi masjid malah memberi impak yang lebih besar kepada ekonomi masjid dan masyarakat setempat. Senario ini menarik perhatian pengkaji untuk mengkaji dengan lebih terperinci berkaitan perkara tersebut. Kajian ini secara keseluruhannya mempunyai tiga objek utama di mana setiap objektif disertai persoalan yang perlu dijawab menerusi kajian ini.

Objektif yang pertama ialah berkaitan dengan pengurusan derma awam Masjid Negara dan Masjid al-Ghufran. Persoalan yang perlu dijawab ialah adakah terdapat perbezaan dari aspek pengurusan derma awam kedua-dua masjid. Objektif ini membawa kepada perbandingan kaedah pengurusan wang derma awam antara Masjid Negara dan

Masjid al-Ghufran meliputi tatacara pentadbiran, sistem kewangan yang diguna pakai dan aspek kawalan. Berdasarkan analisis kajian yang telah dilakukan terhadap kaedah pengurusan derma awam, ternyata terdapat perbezaan yang agak ketara antara kedua-dua masjid. Dari aspek pentadbiran, corak pengurusan kedua-dua masjid adalah amat berbeza. Ia adalah relevan mengambil kira perbezaan dari sudut kategori Masjid Negara sebagai masjid kerajaan berbanding Masjid al-Ghufran sebagai masjid kariah. Hasil kajian mendapati sistem pentadbiran Masjid Negara lebih sistematik, terancang dan terkawal di mana setiap keputusan dan tindakan berpandukan dasar-dasar dan hala tuju kerajaan. Masjid al-Ghufran turut mempunyai sistem pentadbiran yang baik dan tersusun namun kurang terikat dan bebas membuat keputusan dalam menentukan hala tuju masjid.

Dari aspek pengurusan akaun kedua-dua masjid pula terdapat perbezaan yang ketara dari sudut kawalan akaun, sistem yang diguna pakai, prosedur kewangan dan pemantauan audit. Ringkasnya, apabila dibuat perbandingan pengkaji berpandangan sistem pengurusan kewangan di Masjid Negara lebih cekap, sistematik dan telus di mana setiap penerimaan wang dan perbelanjaan yang dilakukan perlu melalui proses berperingkat dan prosedur kewangan yang ketat dan teliti sedangkan Masjid al-Ghufran didapati kurang mengambil berat tentang prosedur kewangan dan arahan pentadbiran yang telah ditetapkan oleh Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan.

Selanjutnya objektif kedua bertujuan untuk menerokai pendekatan perbelanjaan derma awam oleh kedua-dua masjid. Bagi mencapai objektif ini, kajian terlebih dahulu melihat kepada sumber kewangan dan punca pendapatan kedua-dua masjid. Sumbangan derma awam didapati sebagai punca pendapatan yang amat penting bagi kedua-dua masjid terutama Masjid Negara yang bergantung sepenuhnya kepada sumber derma awam bagi menggerakkan aktiviti pengimarahannya. Walaupun Masjid Negara memperolehi peruntukan

tetap daripada kerajaan namun ia digunakan bagi perbelanjaan operasi dan pengurusan selain ia diurus dalam akaun kerajaan yang berasingan dengan akaun masjid. Sebaliknya Masjid al-Ghufran pula didapati tidak bergantung sepenuhnya kepada sumber derma awam, tetapi masjid ini dilihat lebih produktif kerana mempunyai sumber pendapatan daripada projek-projek ekonomi yang dijalankan.

Dari aspek trend kutipan derma awam pula didapati kutipan derma awam kedua-dua masjid meningkat sepanjang tahun lebih-lebih lagi pada bulan Ramadhan. Antara faktor-faktor yang mendorong kepada peningkatan kutipan derma ialah kesedaran umat Islam tentang amalan bersedekah, keberkesanan program-program dan aktiviti yang dilaksanakan oleh kedua-dua masjid, kestabilan ekonomi negara dan juga peningkatan pendapatan per kapita penduduk Malaysia.

Hasil penerokaan yang dilakukan terhadap pendekatan perbelanjaan pula mendapati kedua-dua masjid memperuntukkan sejumlah besar perbelanjaan bagi membiayai program pengimarahannya manakala peruntukan perbelanjaan bagi penjana ekonomi masjid pula adalah berbeza antara keduanya. Hasil kajian sepanjang tahun 2009-2013 mendapati Masjid Negara tidak memperuntukkan sebarang perbelanjaan bagi aktiviti yang memberi pulangan ekonomi kepada masjid sedangkan Masjid al-Ghufran telah melaksanakan lima buah projek ekonomi yang mendatangkan pulangan tetap. Wang yang digunakan bagi membiayai aktiviti ekonomi ini pula dibiayai melalui akaun utama masjid yang meliputi sumbangan orang awam daripada tabung masjid atau derma khas. Situasi ini membuktikan peranan wang derma awam ini bukan sahaja terhad untuk menampung perbelanjaan tetap masjid malah dijadikan sumber modal bagi menjana pulangan keuntungan jangka masa panjang.

Setelah melihat kepada analisis perbandingan antara pendapatan dan perbelanjaan didapati kedua-dua masjid mempunyai lebih dana yang besar di mana secara purata Masjid Negara mempunyai lebih wang sebanyak RM199,745.30 setahun manakala Masjid al-Ghufran pula sebanyak RM360,440.55. Hasil kajian ini mengukuhkan lagi dapatan kajian yang pernah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji sebelum ini yang menyatakan institusi masjid cenderung menyimpan beku wang tunai yang dimilikinya.

Seterusnya objektif yang terakhir bagi kajian ini ialah meneliti kelemahan dan cabaran yang dihadapi oleh kedua-dua masjid dalam usaha memakmurkan masjid melalui penjanaan aktiviti-aktiviti ekonomi. Cabaran utama yang dihadapi oleh Masjid Negara ialah kawalan yang ketat dari sudut perbelanjaan atau dikenali sebagai birokrasi kewangan. Setiap perbelanjaan yang dilakukan terikat dengan tatacara, prosedur dan peraturan kewangan yang terlalu ketat dan kelulusan berperingkat yang akhirnya menimbulkan kerumitan dan kesukaran berbelanja. Berbeza dengan Masjid al-Ghufran di mana prosedur kewangannya tidak tertakluk kepada prosedur kewangan akaun kerajaan biasa, melainkan ia perlu mengikut beberapa garis panduan yang ditetapkan oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. Peringkat kelulusan bagi perbelanjaan wang masjid pula boleh diputuskan di peringkat jawatankuasa masjid melainkan perbelanjaan melebihi had yang perlu diluluskan oleh Setiausaha Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan.

Selain itu juga kedua-dua masjid berhadapan dengan masalah berkaitan faktor sumber manusia. Walaupun Masjid Negara mempunyai seramai 46 orang kakitangan namun sebahagian besarnya merupakan pegawai yang terlibat dalam bidang pengimaran dan tiada seorang pegawai yang berkecualan dalam bidang pembangunan ekonomi masjid. Masjid al-Ghufran pula mempunyai pegawai berkepakaran yang ditempatkan

dalam lujnah ekonomi namun menghadapi masalah kakitangan yang tidak mencukupi berbanding dengan saiz operasi dan pendapatan.

Di samping itu, saiz kawasan dan bangunan turut menjadi satu masalah dan halangan kepada kedua-dua masjid bagi menjalankan projek ekonomi namun dalam dimensi yang berbeza. Walaupun Masjid Negara mempunyai bangunan dan kawasan persekitaran yang cukup luas untuk merancang pelbagai aktiviti ekonomi namun ia terikat dengan Akta Warisan Kebangsaan yang melarang sebarang pengubahsuaian dan penambahan bangunan sedia ada tanpa kebenaran Pesuruhjaya Warisan. Atas sebab itu beberapa cadangan projek ekonomi yang pernah diutarakan oleh pihak pentadbiran Masjid Negara tidak dapat dilaksanakan. Masjid al-Ghufran pula tidak mempunyai halangan untuk membuat pengubahsuaian atau mendirikan bangunan baru namun ia menghadapi masalah ruang yang terhad dengan seratus peratus kawasan habis guna.

Akhir sekali, masalah yang dihadapi oleh Masjid al-Ghufran ialah tiadanya peruntukan tetap kerajaan. Dengan sumbangan kecil daripada Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan ternyata tidak mencukupi berbanding dengan tanggungan perbelanjaan wajib yang perlu dibuat seperti membiayai kos operasi dan aktiviti utama. Justeru tanggungan ini menjadi keutamaan dalam polisi perbelanjaan Masjid al-Ghufran. Maka, Masjid al-Ghufran tidak dapat memanfaatkan sepenuhnya dana sedia bagi tujuan memperluaskan aktiviti penajaan ekonomi masjid yang dapat memberi limpahan ekonomi kepada masyarakat setempat. Situasi ini berbeza jika dibandingkan dengan Masjid Negara yang memperolehi peruntukan tetap kerajaan ditambah lagi dengan sumbangan derma awam. Dalam keadaan sumber kewangan yang lebih dari mencukupi menyebabkan pihak pengurusan masjid berada dalam keadaan selesa dan tidak perlu berfikir atau bekerja keras untuk menjana pendapatan dan ekonomi masjid.

Kesimpulannya, pengkaji berpandangan cabaran pengurusan institusi masjid pada masa kini lebih tertumpu kepada aspek menguruskan dana masjid dengan efisien dan sistematik. Mengambil kira kedudukan kewangan institusi masjid yang kukuh di samping kecenderungan masyarakat menderma sewajarnya dijadikan batu loncatan oleh institusi masjid untuk memanfaatkan sebahagian dana-dana ini kepada aktiviti-aktiviti ekonomi yang lebih segar dan efektif. Ia bermaksud penjanaaan wang derma awam ini bukan hanya bertujuan untuk memastikan kelangsungan sumber pendapatan masjid malah fokus yang perlu diberi lebih perhatian ialah bagaimana ia mampu memperkasa ekonomi ummah, mewujudkan peluang pekerjaan dan akhirnya membasmi kemiskinan.

5.2 CADANGAN

Berdasarkan kepada hasil kajian yang telah diperolehi, pengkaji akan mengutarakan beberapa cadangan dan saranan sebagai satu alternatif jalan penyelesaian bagi memperbaiki beberapa kelemahan dan kekurangan dari aspek pengurusan derma awam. Cadangan dan saranan yang diutarakan ini juga merupakan satu strategi bagi memastikan wang daripada derma awam dapat diurus dengan lebih efektif dan cekap bagi manfaat jangka masa panjang. Cadangan ini dikemukakan kepada pihak berkuasa kerajaan dan pentadbiran kedua-dua masjid.

5.2.1 Cadangan kepada pihak kerajaan dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan.

a) Latihan dan Kursus Pengurusan Dana Masjid.

Pengkaji berpandangan pihak pentadbiran masjid perlu diberi banyak pendedahan dan latihan yang mencakupi dari segenap aspek pengurusan masjid. Terdapat banyak kursus dan latihan yang dihadiri oleh anggota pentadbiran masjid namun ia cenderung kepada aspek pengurusan organisasi, pengimarahannya dan tatacara perakaunan.²⁷¹ Kelulusan, pengalaman dan jawatan tinggi dalam pentadbiran tidak semestinya menjamin kecekapan dalam mengurus dana bagi tujuan ekonomi. Dalam hal ini dicadangkan agar Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia memperbanyakkan latihan intensif khusus dalam bidang pengurusan dana masjid dan pembangunan ekonomi kepada pegawai-pegawai pentadbiran masjid. Latihan ini hendaklah merangkumi pendedahan tentang konsep pelaburan, pasaran saham, hartanah, koperasi dan juga wakaf. Melalui pendedahan ini diharapkan pihak pentadbiran masjid terutama pegawai yang diberi tanggungjawab mempunyai idea dan mampu menggerakkan dana-dana masjid dengan lebih efektif.

b) Penempatan Pegawai Pembangunan Ekonomi Masjid.

Melihat kepada kedudukan kewangan masjid yang kukuh dicadangkan agar pihak kerajaan menempatkan pegawai pembangunan ekonomi lantikan kerajaan di setiap masjid. Pegawai ini hendaklah mempunyai kelayakan dan pengalaman dalam bidang pelaburan dan pembangunan ekonomi. Pegawai ini juga diberi peranan dan akses untuk mengadakan kerjasama dan kolaborasi dengan agensi kerajaan, pihak berkuasa tempatan mahupun pihak swasta dalam merangka projek-projek relevan yang memberi impak kepada ekonomi

²⁷¹ Berdasarkan buku rekod log latihan pegawai dan kakitangan Masjid Negara tahun 2009-2013, didapati tiada mana-mana pegawai dan kakitangan yang pernah mengikuti kursus dan latihan pengurusan dana masjid. Nik Norhaida Muhamad Zain (Pembantu Tadbir Unit Sumber Manusia Masjid Negara, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia JAKIM), dalam temu bual dengan pengkaji 12hb November 2014.

masjid dan masyarakat. Hasilnya projek-projek ekonomi berskala besar mampu dilaksanakan melalui usaha sama dan juga gabungan dana-dana kewangan institusi masjid secara berkelompok.

c) Pemindahan Kuasa Pengerusi Akaun Masjid Negara.

Pengkaji turut mencadangkan agar jawatan pengerusi akaun masjid perlu diberi kepada mereka yang terlibat secara langsung dengan hal ehwal pengurusan masjid. Oleh yang demikian Jawatankuasa Tadbir Akaun Amanah Masjid Negara yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha Jabatan Perdana perlu dipindahkan kepada Imam Besar Masjid Negara selaku ketua pentadbir masjid atau sekurang-kurangnya Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia sebagaimana yang dipraktikkan di Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di mana akaun masjidnya dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Pemindahan kuasa ini dilihat wajar atas beberapa faktor antaranya bagi mengurangkan birokrasi pentadbiran. Kedua, mereka yang terlibat secara langsung dengan pengurusan masjid lebih memahami aspirasi dan kehendak institusi masjid. Walau bagaimanapun peranan Timbalan Ketua Setiausaha Kanan Jabatan Perdana Menteri perlu dikekalkan sebagai penasihat bagi jawatankuasa akaun bagi mengimbangkan peranan institusi masjid agar selari dengan hala tuju dan dasar-dasar kerajaan.

d) Penyediaan Peruntukan Tetap Tahunan.

Bagi mengatasi masalah kebergantungan institusi masjid kepada wang sumber derma awam, dicadangkan kesemua masjid termasuk yang bukan kategori kerajaan diberi wang peruntukan tahunan yang mencukupi sekurang-kurangnya bagi membiayai kos operasi dan pengurusan. Wang peruntukan ini sama ada diperolehi daripada wang kerajaan atau Majlis

Agama Islam Negeri. Peruntukan tetap ini bertujuan supaya wang sumbangan derma awam ditumpukan bagi memperkayakan aktiviti pengimarah masjid dan sebahagiannya dapat dijana bagi manfaat pembangunan ekonomi masjid.

5.2.2 Cadangan kepada Pihak Pentadbiran Masjid Negara dan Masjid al-Ghufran.

a) Penubuhan Koperasi Masjid.

Bagi memastikan penggunaan dana masjid yang lebih efisien dicadangkan penubuhan koperasi masjid. Model mobilasi dana masjid melalui penubuhan koperasi pernah diutarakan oleh Joni Tamkin Borhan (2011)²⁷² di mana ia sebagai satu alternatif dalam membentuk usahawan muslim. Pengkaji mendapati penubuhan koperasi merupakan langkah yang wajar dilaksanakan atas beberapa faktor. Melalui penubuhan koperasi, pihak pentadbiran masjid dapat berkongsi idea, pengalaman dan kepakaran dengan pihak luar bagi merangka aktiviti yang menjana ekonomi masjid. Melalui konsep koperasi juga institusi masjid dapat terlibat secara langsung dalam perniagaan, usaha sama dan juga pelaburan aset-aset lain. Selain itu penubuhan koperasi juga mampu meningkatkan taraf hidup dan ekonomi masyarakat salah satunya menawarkan kemudahan pinjaman kepada mereka yang memerlukan wang modal memulakan perniagaan. Pengkaji juga berpandangan penubuhan koperasi merupakan antara alternatif terbaik khususnya Masjid Negara yang menghadapi halangan dari sudut birokrasi pentadbiran dan kekangan Akta Warisan Kebangsaan.

²⁷² Joni Tamkin Borhan, Mohd Yahya Mohd Hussin, Fidlizan Muhammad dan Mohd Fauzi Abu @ Hussin, "Membentuk Usahawan Muslim: Peranan Dana Masjid," *al-Basirah Jurnal Akademi Pengajian Islam Nilam Puri, Universiti Malaya*, Jilid 1, Bilangan 1 (Disember 2011).

b) Memperluaskan Skop Pelaburan kepada Pasaran Modal Islam.

Sebagaimana yang telah disentuh dalam kajian sebelum ini, secara purata kedua-dua masjid menyimpan sekitar 20-30% wang lebihan pada setiap tahun. Walaupun kedua-dua buah masjid ada membuat pelaburan dalam simpanan tetap namun pulangan yang diperolehi sebenarnya terlalu kecil dan tidak setimpal. Masjid Negara melaburkan wang sebanyak RM403,000.00 setiap tahun ke dalam akaun simpanan tetap namun pulangan yang diterima daripada pelaburan ini tidak sampai 1% daripada sumber pendapatan masjid. Oleh yang demikian dicadangkan agar wang lebihan masjid ini dilaburkan dalam pasaran modal Islam yang lebih menguntungkan seperti saham, sukuk dan juga unit amanah. Jabatan Akauntan Negara merupakan agensi yang diberi kuasa untuk membuat pelaburan bagi pihak Masjid Negara.²⁷³ Walau bagaimanapun dasar sedia ada Jabatan Akauntan Negara menetapkan bahawa pelaburan yang dibenarkan hanya terhad kepada simpanan tetap yang terjamin keuntungannya.²⁷⁴ Sehubungan itu Jabatan Akauntan Negara disarankan agar meminda dasar-dasar kewangan sedia ada supaya wang masjid ini tidak hanya terhad dilaburkan ke dalam satu bentuk pelaburan sahaja sedangkan banyak lagi pelaburan di luar yang lebih menguntungkan. Satu perkara yang perlu diberi perhatian juga ialah pelaburan dalam Pasaran Modal Islam ini juga perlu dipantau dan diseliasa oleh golongan pakar yang berkredibiliti bagi memastikan pelaburan yang diceburi memberi keuntungan dan mestilah patuh syariah.²⁷⁵

²⁷³ Surat Pekeliling Perbendaharaan (Bil. 18/ 2001), Tatacara Pengurusan Akaun Amanah yang ditubuhkan di Bawah Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan, 14.

²⁷⁴ Megat Amirul Zaini Megat Jamaludin (Timbalan Ketua Akauntan, Kementerian Sumber Manusia) dalam temu bual dengan pengkaji, 14hb Ogos 2014.

²⁷⁵ Mohd Yahya Mohd Hussin, Fidlizan Muhammad, Mohamad Hassan, Azila Abdul Razak dan Nurul Fadly Habidin, “Sistem Elektronik Perakaunan Masjid (EMAS) Mencetus Idea Penjanaan Ekonomi Masyarakat Setempat” (Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke-9 (PERKEM ke-9) “Urus Tadbir Ekonomi yang Adil : Ke Arah Ekonomi Berpendapatan Tinggi” Kuala Terengganu, Terengganu, 17 – 19 Oktober 2014), 753.

c) Penerokaan Bidang Pelaburan Hartanah.

Pelaburan hartanah merupakan satu alternatif terbaik bagi pelaburan jangka masa panjang. Pelaburan hartanah terbukti pelaburan yang selamat di samping menjamin pulangan yang lumayan untuk jangka masa panjang. Nilai kewangan masjid juga dijangka akan terus kukuh rentetan peningkatan nilai pasaran hartanah. Justeru dicadangkan kedua-dua masjid menerokai bidang pelaburan ini melalui pembelian lot-lot tanah, bangunan, kedai dan rumah kediaman. Aset-aset ini sama ada disewakan atau dijual semula kepada orang ramai, usahawan, peniaga dan sebagainya apabila harganya telah meningkat. Selain itu juga masjid boleh mengenal pasti tanah-tanah wakaf yang tidak diusahakan dan dimanfaatkan dengan cara menyewakannya kepada orang lain atau diusahakan sendiri.²⁷⁶

d) Penubuhan BMT (*Baytul māl wa al- tamwīl*).

Berdasarkan kedudukan kewangan semasa yang kukuh oleh kedua-dua masjid, dicadangkan juga penubuhan BMT (*Baytul māl wa al- tamwīl*). Ia selaras dengan fungsi yang pernah dimainkan oleh institusi masjid pada zaman awal Islam sebagai pusat pengumpulan dan pengagihan harta. Model BMT (*Baytul māl wa al- tamwīl*) yang dicadangkan ini adalah mirip kepada model yang telah dilaksanakan di beberapa buah masjid di Indonesia yang terbukti berjaya memperbaiki dan meningkatkan ekonomi masyarakat setempat.²⁷⁷ BMT (*Baytul māl wa al- tamwīl*) merupakan suatu jawatankuasa

²⁷⁶ *Ibid.*

²⁷⁷ Dapatan kajian di Masjid Ittihadul Muhajirin Perumahan Reni Jaya Pamulang mendapati projek BMT telah mendatangkan sumber pendapatan tertinggi masjid iaitu sebanyak 39.8%, Abdul Fikri Abshari, "Strategi Masjid Dalam Pemberdayaan Ekonomi Umat, Studi Pada Masjid Raya Pondok Indah dan Masjid Jami' Bintaro Jaya" (Disertasi Sarjana, Program Studi Muamalat, Fakulti Syariah dan Hukum, Universiti Islam Negeri Syarif Hidayatullah Jakarta, 2011), 68. Lihat juga rumusan akhir kajian perlaksanaan model BMT oleh Masjid Raya Pondok Indah yang berjaya meningkatkan ekonomi jemaah dan masyarakat sekitar, Abdul Fikri Abshari, "Strategi Masjid Dalam Pemberdayaan Ekonomi Umat, Studi pada Masjid

kewangan yang ditubuhkan di peringkat masjid bagi meningkatkan ekonomi ummah berkonsepkan pengumpulan dan pengagihan dana. Bagi maksud ini, pengumpulan dana diperolehi melalui baki wang sedia ada di masjid manakala dari sudut pembiayaan pula ia diagihkan kepada mereka yang memerlukan wang atau modal perniagaan. Untuk pembiayaan modal perniagaan, prinsip *mushārahah* atau *muḍārabah* diguna pakai manakala bagi mereka yang memerlukan pinjaman wang, prinsip *qard al-ḥasan* boleh diaplikasikan. Dengan pengenalan kepada model BMT (*Baytul māl wa al- tamwīl*) ia dijangka dapat membebaskan masyarakat Islam daripada belenggu kemiskinan dan hutang. BMT (*Baytul māl wa al- tamwīl*) juga sebagai alternatif kepada masyarakat atau usahawan muda yang mengalami kesukaran mendapatkan modal dan pinjaman daripada institusi kewangan.

e) Melaksanakan Perniagaan Kecil-Kecilan.

Selain daripada itu juga pihak masjid boleh menggunakan sebahagian dananya untuk dijadikan modal menjalankan perniagaan kecil-kecilan di kawasan masjid sama ada dengan cara menjalankan usaha sama bersama usahawan lain. Ia boleh dilakukan berdasarkan konsep *muḍārabah* atau *mushārahah*. Perniagaan yang dijalankan ini pula tidak melibatkan kos yang besar dan kawasan yang luas seperti perniagaan cuci kereta, kedai runcit, kedai fotostat dan kedai dobi. Selain itu juga masjid boleh mengusahakan pusat asuhan kanak-kanak dengan mengenal pasti ruang bangunan yang sesuai.²⁷⁸ Secara tidak langsung dengan

Raya Pondok Indah dan Masjid Jami' Bintaro Jaya" (Disertasi Sarjana, Program Studi Muamalat, Fakultas Syariah dan Hukum, Universiti Islam Negeri Syarif Hidayatullah Jakarta, 2011), 86.

²⁷⁸ Mohd Yahya Mohd Hussin, Fidlizan Muhammad, Mohamad Hassan, Azila Abdul Razak dan Nurul Fadly Habidin, "Sistem Elektronik Perakaunan Masjid (EMAS) Mencetus Idea Penjanaan Ekonomi Masyarakat Setempat" (Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke-9 (PERKEM ke-9) "Urus Tadbir Ekonomi yang Adil : Ke Arah Ekonomi Berpendapatan Tinggi" Kuala Terengganu, Terengganu, 17 – 19 Oktober 2014), 753.

kemudahan-kemudahan yang disediakan ini akan menarik minat masyarakat untuk mengimarahkan masjid.

5.3 PENUTUP

Pengkaji mengakui bahawa kajian yang dilakukan ini tidak dapat menjangkau keseluruhan perkara yang patut dibincangkan berhubung pengurusan derma awam dalam menjana ekonomi masjid. Ia disebabkan topik perbahasannya begitu luas dan mencakupi pelbagai aspek yang perlu diperhalusi. Selain itu jua pengkaji mengakui cadangan yang dikemukakan pada akhir kajian juga bukanlah merupakan alternatif terbaik yang mesti dilaksanakan oleh institusi masjid bagi menjamin wang daripada derma awam dapat dimanfaatkan dan diuruskan lebih efektif dan sistematik. Namun ia sebenarnya merupakan satu titik penerokaan yang diharap dapat membuka ruang kepada semua pihak agar melihat peranan besar yang boleh dimainkan oleh institusi masjid dari aspek pembangunan ekonomi masjid dan ummah. Potensi dan kemampuan institusi masjid sebagai mekanisma memperkasakan ekonomi ummah lahir daripada impak sifat dermawan dan amalan bersedekah yang dianjurkan oleh agama Islam. Justeru tidak hairanlah mengapa amalan bersedekah ini banyak dirakam dan diulang-ulang dalam al-Quran termasuk juga hadis Nabi SAW. Akhir sekali pengkaji mengharapkan agar kajian terhadap pengurusan derma awam ini dapat diperkembangkan lagi oleh lain-lain pengkaji sehingga ia mencakupi pelbagai aspek yang dapat memberi sumbangan lebih besar kepada institusi masjid seluruh negara. Fokus kajian mungkin boleh ditumpukan kepada pembentukan modul atau manual pengurusan dana masjid yang lebih mampan dan dapat disesuaikan oleh setiap kategori masjid seluruh negara.

BIBLIOGRAFI

- ‘Alī ‘Abd al-Ḥalīm Maḥmūd, *al-Masjid wa Athruhū fī al-Mujtama’ al-Islāmī* (Mesir: Dār al-Ma’ārif, t.t).
- “Akta Tatacara Kewangan 1957”, laman sesawang *Jabatan Akauntan Negara Malaysia*, dicapai 02hb September 2014, [http://km.anm.gov.my/Lampiran% 20Artikel/PERLEMBAGAAN AKTA% 20AUDIT%20%20AP-11%20SEPT%2012-Part% 203%20 Of%208.pdf](http://km.anm.gov.my/Lampiran%20Artikel/PERLEMBAGAAN%20AKTA%20AUDIT%20%20AP-11%20SEPT%2012-Part%203%20Of%208.pdf)
- “Bajet 2014: Pendapatan Perkapita Meningkatkan 37%”, laman sesawang *Utusan Online* bertarikh 25 Oktober 2013, dicapai 11hb Jun 2014, http://www.utusan.com.my/utusan /Dalam_Negeri / 20131025/dn_ 28/Bajet-2014-Pendapatan-perkapita-meningkat-37.
- “Birokrasi” laman sesawang *Pusat Rujukan Persuratan Melayu Dewan Bahasa Dan Pustaka*, dicapai 12 Ogos 2014 <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=birokrasi>.
- “Cadangan Garis Panduan Penggunaan Wang Masjid”, laman sesawang *Jabatan Kemajuan Islam Malaysia*, dicapai pada 20hb Januari 2014, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/cadangan -garis-panduan-penggunaan-wang-masjid-dan-surau>.
- “Carta Organisasi Masjid Negara”, laman sesawang *Masjid Negara Kuala Lumpur*, dicapai 28hb Mac 2014, <http:// www.masjidnegara.gov.my/v2/organisasi/carta-organisasi>.
- “eSPKB”, Maklumat lanjut eSPKB, <http://egag.anm.gov.my>.
- “Garis Panduan Penggunaan Wang Masjid dan Surau”, laman sesawang *Jabatan Kemajuan Islam Malaysia*, dicapai 17hb Mac 2014, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/cadangan-garis-panduan-penggunaan-wang-masjid-dan-surau>.
- “Kamar Kafe bak Hotel”, laman sesawang *Kosmo Online*, dicapai 11hb April 2014, http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2009&dt=0520&pub=Kosmo&sec=Rencana_Utama&pg=ru_01.htm#ixzz2yXokLq4E.
- “Kelesuan Institusi Masjid,” laman sesawang *Institut Kefahaman Islam Malaysia*, dicapai 12hb Mac 2014, <http://www.ikim.gov.my/index.php/en/berita-harian/7322-kelesuan -institusi-masjid>.
- “Maklumat Masjid al-Ghufran”, laman Sesawang *IslamGrid* dicapai 2hb April 2014, <http://www. islamgrid. gov. my /mosque/detailed.php?id=3086>.
- “Masjid Bandar Baru Uda Menepati Ciri Masjid Hadhari,” laman sesawang *Jabatan Kemajuan Islam Malaysia* dicapai 13hb Mac 2014, <http://www.islam. gov.my/en /masjid-bandar-baru-uda-menepati-ciri-masjid-hadhari>.
- “Masjid Sebagai Destinasi Pelancongan” dalam *Berita Harian* bertarikh 1.3.2008.

- “Menjana Ekonomi Masjid”, laman sesawang *Kosmo Online*, dicapai 13hb Mac 2014, http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2010&dt=0613&pub=Kosmo&sec=Rencana_Utama&pg=ru_07.htm.
- “Pengurusan Kariah”, laman sesawang *Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan*, dicapai 04 April 2014, <http://www.jawi.gov.my/bahagian-jawi/pengurusan-kariah.html>.
- “Peranan Masjid Menjana Jihad Ekonomi Umat”, laman sesawang *Utusan Malaysia*, dicapai 19hb Mac 2013, http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2006&dt=1217&sec=Bicara_Agama&pg=ba_01.htm#ixzz2wOBZZET7.
- “Peranan Sedekah Dalam Pembangunan Negara”, laman sesawang *Institut Kefahaman Islam Malaysia* dicapai 19hb September 2014, <http://www.ikim.gov.my/index.php/ms/utusan-malaysia/7898-peranan-sedekah-dalam-pembangunan-negara>.
- “Sejarah Masjid Negara”, laman sesawang *Masjid Negara Kuala Lumpur*, dicapai 28hb Mac 2014, <http://www.masjidnegara.gov.my/v2/profil-organisasi/sejarah>.
- “Senarai Warisan Kebangsaan”, laman sesawang *Jabatan Warisan Negara*, dicapai 12hb Ogos 2014, <http://www.heritage.gov.my/index.php/ms/daftar-warisan/senarai-warisan-kebangsaan/tapak/bangunan>.
- “Serambi Masjid: Manfaat Teknologi Terkini”, laman sesawang *MyMetro*, dicapai 11hb April 2014, http://www.hmetro.com.my/articles/SerambiMasjid_Manfaatteknologi%20terkini/Article.
- “Sistem Perakaunan Terimaan Kerajaan (eTerimaan)”, lawang sesawang *Jabatan Akauntan Negara Malaysia*, dicapai 04hb September 2014, <http://km.anm.gov.my/Artikel/Sistem%20Perakaunan%20Terimaan%20Kerajaan%20%28eTerimaan%29.aspx>
- Abdul Fikri Abshari, “Strategi Masjid Dalam Pemberdayaan Ekonomi Umat, Studi Pada Masjid Raya pondok Indah dan Masjid Jami’ Bintaro Jaya” (Disertasi Sarjana, Program Studi Muamalat, Fakultas Syariah dan Hukum, Universiti Islam Negeri Syarif Hidayatullah Jakarta, 2011).
- Abdul Munir Ismail, *Urus Tadbir Masjid Secara Berkesan* (Perak:Universiti Pendidikan Sultan Idris 2012).
- Abdullaah Jalil dan Muhamad Muda, “Pengurusan Dana Sedekah Secara Sistemik: Analisa Peranan Institusi Kerajaan dan Swasta,” *Jurnal Pengurusan JAWHAR*, Vol.2, No.1 (2008).
- Abdullah Mat, Muhyidin Aziz *Konsep dan Falsafah Masjid*, Norrodzah Hj Siren, Yusmini Md. Yusoff, ed., dlm *Membangun Institusi Masjid* (Kuala Lumpur: Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2003).

- Abū ‘Abdillāh Muḥammad bin ‘Abdullah al-Ḥākīm al-Naisābūrī, *al-Mustadrak ‘ala Ṣaḥīḥain* (Beirūt: Dār al-Ma’rifah, 1998).
- Aḥmad bin ‘Alī bin Ḥajar al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, (Dār al-Rayān li al-Turāth, 1986).
- Ahmad Hidayat Buang, “Pihak berkuasa Agama dan Pentadbiran Masjid di Wilayah Persekutuan,” dalam *Koleksi Kertas Kerja Pengurusan Masjid* (Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2002).
- Ahmad Mahdzan Ayob, *Kaedah Penyelidikan Sosio Ekonomi*, Edisi Kedua. (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992).
- Ahmad Puhad Alim dan Siti Roddiah Abdullah “*Audit Pengurusan Masjid : Kajian Di Daerah Pasir Puteh Kelantan*” (Skudai: Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, 2010).
- Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan), 1993 (Akta No.505 Bahagian viii Seksyen 84, Pungutan Khairat).
- Al-Jum’ah, ‘Ali Ibn Muḥammad, *Mu’jam al-Muṣṭalahāt al-Iqtisādiyyah wa al-Islāmiyah* (Riyāḍ: Maktabah al-‘Ubaykān, 2000).
- Arahan Amanah Akaun Amanah Tabung Wakaf Masjid Negara dalam Perbendaharaan Malaysia No. Fail: KK/BP/WAI/01/7/1/1Jld.4(sk1/2013) bertarikh 16hb Mei 2013.
- Arahan Perbendaharaan 101, bagi menandatangani baucar di Masjid Negara dalam (Kew.290-Pin 1/2009) bertarikh 02hb Januari 2014.
- Asharaf Mohd. Ramli, Abdullaah Jalil, Norman Hamdan, Asmaddy Haris dan Mohd. Aizuddin Abdul Aziz, “ Kerangka Pengurusan Ekonomi dan Kewangan Masjid: Satu Analisa” (Islamic Economics System (iECONS 2009) Conference Islamic Science University of Malaysia, 15-16hb July 2009).
- Asmak Ab Rahman, Peranan Wakaf Dalam Pembangunan Ekonomi Umat Islam dan Aplikasinya di Malaysia, *Jurnal Syariah* Jil.17, Bil.1 (2009), 124-128.
- Asmak Ali, Masjid dan Peranannya dalam Membendung Gejala Sosial (Prosiding Seminar Kebangsaan Pengurusan Masjid 2004, Pusat Islam Jabatan Hal Ehwal Pelajar Universiti Utara Malaysia, 25-27hb September 2004).
- Azhar Abdul Wahab, “Financial Management of Mosque in Kota Setar District: Issues and Challenges” (Disertasi Sarjana, Universiti Utara Malaya, 2008).
- Buku Mesyuarat Jawatankuasa Tadbir Akaun Amanah Masjid Negara bil.2/2010.
- Carolina Imran, “ Masjid Sebagai Sentral Pemerdayaan Ekonomi Umat, Studi di Masjid Ittihadul Muhajirin Perumahan Reni Jaya Pamulang Tangerang” (Disertasi Sarjana,

Program Studi Muamalat, Fakulti Syariah dan Hukum , Universiti Islam Negeri Syarif Hidayatullah Jakarta, 2011).

Dr Ibrāhīm Anīs et al., *Al-Mu'jam al-Wasīf* (Qāherah: t.p, 1972).

Dr Wahbah al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh* (Beirūt: Dār al-Fikr, 1985).

Ensiklopedia Islam (cet. Ke-3, Jakarta: PC Ichtiar Baru Van Hoere,1994).

Esamerin Misran (Pegawai Kewangan Masjid al-Ghufran PTTDI), dalam temu bual dengan pengkaji 7hb Ogos 2014.

Euis Amalia, *Sejarah Pemikiran Ekonomi Islam Dari Masa Klasik Hingga Kontemporer* (Jakarta: Pustaka Asatruss, 2005).

Faizal Riduan, “Hotel dan Masjid dalam Satu Kompleks,” *Milenia Muslim*. September 2009.

Fidlizan Muhammad Mohd Yahya Mohd Hussin dan Nurul Fadly Habidin, “ Mobilasi “Wang Jumaat: Membentuk Dana Usahawan Muslim”, (Seminar Keusahawanan Islam II Peringkat Kebangsaan, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 15hb Oktober 2008).

Garis Panduan Pengurusan Kewangan Masjid dan Surau Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur: Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, 2004).

Hafsah Othman dan Nangkula Utaberta, “Analisis Hadith Dalam Permasalahan Perancangan Masjid Modern di Malaysia,” *Journal of Islamic Architecture*, Vol. 1, Issue 3 (2011), 107-121.

Hailani Muji Tahir dan Sanep Ahmad, *Aplikasi Fiqh Muamalat dalam Sistem Kewangan Islam*, (Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA) Universiti Teknologi Mara, 2009).

Hairunnizam Wahid, Nor Ghani Md Nor, Jaafar Ahmad dan Sanep Ahmad, “Masjid dan Pembentukan Modal Sosial: Apakah Faktor Penentu Aktivism Masjid?” (Prosiding Bengkel Penyelidikan Gunaan dalam Ekonomi Islam, Fakulti Ekonomi UKM, 23-24hb April 2001).

Hasan Bahrom “Menjana Sumber Kewangan Masjid Pemangkin Pembangunan Ekonomi Ummah,” dalam *Pengurusan Berkualiti Memacu Kecemerlangan Pengurusan Masjid*, ed. Mohd. Ismail Mustari dan Kamarul Azmi Jasmi (Skudai: Universiti Teknologi Malaysia, 2008).

Hasan Bahrom “Menjana Sumber Kewangan Masjid Pemangkin Pembangunan Ekonomi Ummah,” dalam *Pengurusan Berkualiti Memacu Kecemerlangan Pengurusan Masjid*, ed. Mohd. Ismail Mustari dan Kamarul Azmi Jasmi (Skudai: Universiti Teknologi Malaysia, 2008).

- Hilmee Umar (Penolong Pengarah Bahagian Kariah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan), dalam temu bual dengan pengkaji, 10hb September 2014.
- Ibn Manzūr Jamāluddīn Muḥammad bin Mukarram, *Lisān al-Lisān Tahzīb Lisān al-‘Arab* (Beirūt, Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1993).
- Ibn Qudāmah & al-Maqdisī, *al-Mughnī wa Yalīhī al-Sharḥ al-Kabīr* (Beirūt : Dār al-Kutub al-‘Arabi,t.t.)
- Ibn Taimiyah, *Mukhtaṣar Fatāwā* (Beirūt: t.p.,1985).
- Idris Awang, *Penyelidikan Ilmiah: Amalan Dalam Pengajian Islam* (Selangor: Kamil & Shakir Sdn. Bhd., 2009).
- Jaafar Ahmad, Sanep Ahmad, Mariani Abd Majid dan Hairunnizam Wahid, “Dana dan Harta Masjid di Malaysia: Ke Arah Pengurusan Strategik” (National Workshop on Capacity Building Towards Excellence in Econ. Research & Policy Formulation, Fakulti Ekonomi UKM, 23-24hb April 2001).
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, *Kod Amalan Pengurusan Masjid* (Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2004).
- Jadual Kadar Sewaan Bangunan di Masjid Negara Kuala Lumpur Unit Pentadbiran dan Kewangan Masjid Negara.
- JAKIM 4 Dekad Memacu Transformasi Pengurusan Hal Ehwal Islam* (Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Disember 2012).
- Jamaliah Said, Azizah Mohamed, Zuraidah Mohd Sanusi, Syed Yusuf, and Sharifah Norzehan, "Financial Management Practices in Religious Organizations: An Empirical Evidence of Mosque in Malaysia," *International Business Research* 6, No. 7 (2013).
- Joni Tamkin Borhan dan Che Zarrina Sa’ari, “Pembangunan Ekonomi Masjid” (Seminar Pembangunan Masjid, Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Dewan Kuliah Utama APIUM, 28hb Disember 2002).
- Joni Tamkin Borhan, Mohd Yahya Mohd Hussin, Fidlizan Muhammad dan Mohd Fauzi Abu @ Hussin, “Membentuk Usahawan Muslim: Peranan Dana Masjid,” *al-Basirah Jurnal Akademi Pengajian Islam Nilam Puri, Universiti Malaya*, Jilid 1, Bilangan 1 (Disember 2011).
- Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan* (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd, 1995).
- Kamus Dewan Edisi Keempat* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005).
- Kamus Dewan Edisi Ketiga 2000* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000).

Kertas Cadangan Pembelian Tabung Masjid di Masjid Negara yang dibentang dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tadbir Akaun Amanah Masjid Negara Jabatan Kemajuan Islam Malaysia bil.1/2010 pada 19hb Januari 2010.

Laporan Dwi Tahunan Masjid al-Ghufran 2010&2011.

Laporan Dwi Tahunan Masjid al-Ghufran 2012&2013.

Laporan Hasil Masjid Negara Tahun 2009-2013 dalam Sistem eTerimaan.

Laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (PPIR/KA) tahun 2012 Jabatan Perangkaan Malaysia.

Lokman Zulkifli "Penjanaan Kegiatan Ekonomi Institusi Masjid," dalam *Islam Hadhari Kekuatan Masjid Dalam Menjana Masyarakat Gemilang*, ed. Tan Sri Dato' Dr Abd. Hamid Othman (Putrajaya: Yayasan Islam Hadhari, 2007).

Maliah Sulaiman, "The Internal Control Procedures of Mosque in Malaysia," *Blumenau*, Vol. 3, No. 2 (2007).

Masjid Negara The National Mosque (Kuala Lumpur: Masjid Negara Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, t.t).

Megat Amirul Zaini Megat Jamaludin (Timbalan Ketua Akauntan, Kementerian Sumber Manusia) dalam temu bual dengan pengkaji, 14hb Ogos 2014.

Memo Arahan Mengira Wang Kutipan Wang Tabung Masjid Negara No.fail JAKIM.MN.100-1/7/2(42) bertarikh 1hb Februari 2014.

Minit Mesyuarat Agung sesi 2010/2011 Masjid al-Ghufran, 17hb Disember 2011 para 4.2 (e).

Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akauan (JPKA) Masjid Negara Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Bil.4/2013).

Mohamad Murtadza Ahmad, "Masjid Sebagai Institusi Dakwah: Penyelarasan Gerak Kerja Secara Sistematik" (Seminar Membudayakan Masjid Peringkat Kebangsaan Universiti Kebangsaan Malaysia, 24-26hb April 1999).

Mohamad Tajuddin Mohamad Rasdi, "Peranan, Kurikulum dan Reka Bentuk Masjid Sebagai Pusat Pembangunan Masyarakat" (Skudai: Universiti Teknologi Malaysia, 1999).

Mohamad Zaki Hassan (Penolong Pengarah Cawangan Penyelarasan Dan Perancangan Kariah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan), dalam temu bual dengan pengkaji, 13hb Ogos 2014.

Mohamed Azam Mohamed Adil, Zuraidah Mohd Sanusi, Noor Azaliah Jaafar, Mohammad Mahyuddin Khalid dan Asmah Abd Aziz, Financial Management Practices of Mosque in Malaysia, *Global Journal al-Thaqafah* Vol. 3, Issue 1(June 2013).

- Mohd Khalil Husain (Bendahari Masjid al-Ghufran PTTDI), dalam temu bual dengan pengkaji, 09hb April 2014.
- Mohd Mokhtar Shafii, “Masjid sebagai Pusat Pendidikan dan Penjanaan Ummat Cemerlang,” *Jurnal Pendidikan Islam*, Jilid 10, Bil.3, 49.
- Mohd Rejab Ramli (Penolong Pengarah Kanan Unit Kewangan Bahagian Hub Halal, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia JAKIM), dalam temu bual dengan pengkaji, 2hb April 2014.
- Mohd Shahid Mohd Noh (Ketua Imam Masjid al-Ghufran) dalam temu bual dengan pengkaji, 12hb Ogos 2014.
- Mohd Yahya Mohd Hussin, Fidlizan Muhammad dan Mohd Yazid Isa, “Dana Masjid Menjana Ekonomi Ummah,” *Jurnal Muamalat*, Bil.4 (2011).
- Mohd Yahya Mohd Hussin, Fidlizan Muhammad, Azila Abdul Razak, Nurul Fadly Habidin dan Syed Ismail Syed Mohamad, “Eksplorasi Dana Kewangan Masjid di Negeri Perak” (Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VII (PERKEM VII), Transformasi Ekonomi Dan Sosial Ke Arah Negara Maju, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan Universiti Kebangsaan Malaysia, Ipoh, Perak, 4 – 6hb Jun 2012).
- Mohd Zamri Abd Halim (Penolong Pengarah, Unit Perkhidmatan Sosial, Masjid Negara Jabatan Kemajuan Islam Malaysia JAKIM), dalam temu bual dengan pengkaji, 28hb Mac 2014.
- Mohd Zamro Muda, “Instrumen Hibah dan Wasiat: Analisis Hukum dan Aplikasi di Malaysia” *Jurnal Pengurusan JAWHAR* Vol. 3, No. 1 (2009), 106.
- MPK (Manual Prosedur Kerja) Bahagian Pentadbiran, Masjid Negara Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- MPK (Manual Prosedur Kerja) Bahagian Kemajuan Islam, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Muhammad Nuraizat Zainudin (Penolong Pengarah Unit Pentadbiran dan Kewangan Masjid Negara, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia JAKIM), dalam temu bual dengan pengkaji pada 31hb Mac 2014.
- Nik Kamal Wan Muhamad, Shah Rul Anuar Nordin, Ahmad Sharifuddin Mustapha, Mohd Zamerey Abdul Razak, “Potensi Pengukuhan Ekonomi Institusi Masjid,” dalam *Islam Hadhari Kekuatan Masjid Dalam Menjana Masyarakat Gemilang*, ed. Tan Sri Dato’ Dr Abd. Hamid Othman (Putrajaya: Yayasan Islam Hadhari, 2007).
- Nik Kamal Wan Muhamad, Shah Rul Anuar Nordin, Ahmad Sharifuddin Mustapha, Mohd Zamerey Abdul Razak, “Potensi Pengukuhan Ekonomi Institusi Masjid,” dalam

Islam Hadhari Kekuatan Masjid Dalam Menjana Masyarakat Gemilang, ed. Tan Sri Dato' Dr Abd. Hamid Othman (Putrajaya: Yayasan Islam Hadhari, 2007).

Norazmi Ahmad (Pentadbir, Masjid al-Ghufran), dalam temu bual dengan pengkaji, 28hb Mac 2014.

Nurul Azwa Safiai (Penolong Pegawai Tadbir Unit Pentadbiran dan Kewangan Masjid Negara, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia JAKIM), dalam temu bual dengan pengkaji, 31hb Mac 2014.

Pekeliling Perbendaharaan Kementerian Kewangan Malaysia, 2004 (Bil.5 Penjenisan Kod Bagi Hasil dan Perbelanjaan).

Pekeliling Perbendaharaan Kementerian Kewangan, Penubuhan Peranan dan Tanggungjawab Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun di Agensi Persekutuan (Bil.10 /2008).

Penyata terimaan dan bayaran bagi Akaun Amanah Tabung Wakaf Masjid Negara tahun 2009-2013.

Penyata Terimaan dan Bayaran bagi Akaun Amanah Tabung Wakaf Masjid Negara Tahun 2009-2013.

Rang Undang-Undang Warisan Kebangsaan 2005 (Para 40, Permohonan Bagi Kebenaran Merancang Bagi Tapak Warisan).

Rashid Md. Isa (Penolong Pegawai Perhubungan Awam Masjid Negara), dalam temu bual dengan pengkaji, 21hb Julai 2014.

Roslan Mohamed, Memperkasa Masjid sebagai Institusi Pembangunan Insan (Prosiding Seminar Kebangsaan Pengurusan Masjid 2004, Pusat Islam Jabatan Hal Ehwal Pelajar Universiti Utara Malaysia, 25-27hb September 2004).

S.Salahudin Suyurno, Halipah Hamzah, "Membudayakan Konsep al-Sakha' dalam Ekonomi Masyarakat Islam" (Seminar Pengurusan Masjid Peringkat Kebangsaan 2004, Pusat Islam Jabatan Hal Ehwal Pelajar, UUM, Aseania Hotel Langkawi, 25-27hb September 2004).

Sheikh Abdullah Muhammad Basmeih, *Tafsir Pimpinan Al-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran*, ed. Muhammad Noor Ibrahim (Kuala Lumpur: Darul Fikir, 2000).

Shukri Ahmad dan Mohamad Khadafi Hj Rofie, Memasjidkan Masyarakat dan Memasyarakatkan Masjid (Prosiding Seminar Kebangsaan Pengurusan Masjid 2004, Pusat Islam Jabatan Hal Ehwal Pelajar Universiti Utara Malaysia, 25-27hb September 2004).

Sistem Perancangan dan Kawalan Belanjawan, No.laporan BV552M bertarikh 15hb Januari 2014.

- Siti Alawiah Siraj, Shahul Hameed Mohamed Ibrahim dan Maliah Sulaiman “Pengurusan Kewangan: Mempamerkan Akauntabiliti Masjid,” dalam *Pengurusan Berkualiti Memacu Kecemerlangan Pengurusan Masjid*, ed. Mohd. Ismail Mustari dan Kamarul Azmi Jasmi (Skudai: Universiti Teknologi Malaysia, 2008).
- Siti Fatimah Mohd. Bohari (Penolong Pengarah, Cawangan Sekretariat Khas Bahagian Kemajuan Islam, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia JAKIM), dalam temu bual dengan pengkaji, 21hb Mac 2014.
- Sulaiman Shakib Mohd Nor, Sharif Mustaffa, Abdul Halim Zulkiflee dan Muhammad Ridwanto Syaful Anwar, “Masjid Sebagai Pusat Kecemerlangan Minda Islam,” dalam *Fungsi dan Peranan Masjid dalam Masyarakat Hadhari*, ed. Mohd. Ismail Mustari dan Kamarul Azmi Jasmi (Skudai: Universiti Teknologi Malaysia, 2008).
- Surat Pekeliling Perbendaharaan (Bil. 7/2000). Peraturan dan Tatacara Perolehan Kontrak Pusat Secara Elektronik Melalui Sistem ePerolehan.
- Surat penentuan kadar sewaan bagi booth pameran di Masjid Negara sebanyak RM120.00 sebulan dari Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Kuala Lumpur bertarikh 14hb Ogos 2012, rujukan fail JPPH:W/SEW/502.
- Suseela Malakolunthu, “Pengumpulan dan Analisis Data Kualitatif: Satu Imbasan,” dalam *Penyelidikan Kualitatif: Pengalaman Kerja Lapangan*, ed. Marohaini Yusoff (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2001).
- Tan Sri Dato’ Syaikh Ismail Muhammad (Imam Besar, Masjid Negara Jabatan Kemajuan Islam Malaysia JAKIM), dalam temu bual dengan pengkaji pada 07hb Julai 2014.
- Waran Peruntukan Belanjawan Masjid Negara bagi tahun 2014 bertarikh 22hb Januari 2014. No Rujukan P066.
- Wawancara Khas Sempena Tahun Baru Hijrah”, *Suara Masjid Jabatan Kemajuan Islam Malaysia*, bil.100 tahun 2012, 11.
- Yaḥyā bin Sharf Abū Zakariyyā al-Nawawī, *Sharḥ al-Nawawī ‘alā Muslim*, (Dār al-Khayr,1996).
- Yūsuf al-Qarḍawī, *al-‘Ibādah fī al-Islām* (Qāherah: Maktabah Wahbah, 1995).
- Yūsuf al-Qarḍawī, *Ciri-Ciri Unggul Masyarakat Islam Yang Kita Idamkan* terj. Mohammad Zaini Yahaya (Bandar Baru Bangi, Selangor: Penerbitan Seribu Dinar, 2000).
- Yūsuf al-Qarḍawī, *Fatwa Masa Kini: Fatāwā Mu’āṣirah*, ter. Sidi Ahmad et al., (Kuala Lumpur: Pustaka Salam, 1991).

- Zainal Samdin, Mat Noor Mat Zain dan Muhammad Firdaus Abdul Manaf, “Pengurusan Kewangan Masjid di Daerah Jelebu”, (Prosiding Kolokium Antarabangsa Siswazah Pengajian Islam (KASPI 2013) anjuran Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, Institut Latihan KWSP Kajang, 13-14hb November 2013).
- Zaini Yusof (Ketua Pembantu Tadbir Unit Pentadbiran dan Kewangan Masjid Negara, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia JAKIM), dalam temu bual dengan pengkaji pada 31hb Mac 2014.
- Zakaria Bahari dan Mohd Kamal Omar, “Penjanaan Dana Pengurusan Masjid” (Prosiding seminar Kebangsaan Pengurusan Masjid, Pusat Islam Jabatan Hal Ehwal Pelajar Universiti Utara Malaysia, 25-27hb September 2004).
- Zakiah Samori dan Amal Hayati Ishak, “Sistem Pengurusan Kewangan Efektif: Satu Kajian di Masjid-Masjid Terpilih,” *Jurnal Pengajian Islam Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor*, Bil.5 (2011).
- Zulkifli Dahalan, “Kaedah Kutipan dan Perbelanjaan Wang-Wang Khairat Masjid: Kajian di Masjid Tuan Samad, Permatang Sungai Dua, Kepala Batas, Pulau Pinang” (Disertasi Sarjana, Universiti Malaya, 2002).
- Zulkifli Mohd Yusoff, “Pengurusan Masjid di bawah Wahyu: Analisa Terhadap Ayat-Ayat dan Hadith-Hadith Pilihan” (Prosiding Seminar Kebangsaan Pengurusan Masjid 2004, Pusat Islam Jabatan Hal Ehwal Pelajar Universiti Utara Malaysia, 25-27hb September 2004).